

Kumpulan Titah

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanah Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Tahun 1984, 1985, 1986
dan 1987**





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

Terbitan
Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2017

Hakcipta Jabatan Penerangan

Penyelaras
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Susunan/Reka letak/Kompilasi
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

Penyemak
Norhafilah binti Rosli

Kulit Luar
Syahi bin Haji Ludin
Nordina binti Haji Abd Rahman@Hj Duraman

Dicetak oleh
Borneo Printers & Trading Sdn.Bhd

ISBN
978-99917-49-94-5 (Kulit Lembut)

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam	1-2
Titah Di Majlis Santapan Negara Korea Pada 7 April 1984.	3-5
Titah Di Majlis Santapan Diraja Mengalu- alukan Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia Pada Hari Sabtu 21 April 1984	6-9
Titah Di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Negara di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Bandar Seri Begawan Pada 9 Mei 1984	10-12
Titah Di Majlis Istiadat Mengadap Sempena Menyambut Hari Keputeraan Yang Ke-38 Tahun Di Lapau, Bandar Seri Begawan Pada 15 Julai 1984	13-16
Titah Di Daerah Tutong Sempena Menyambut Ulang Tahun Puja Usia Yang Ke-38 Tahun Pada 17 Julai 1984	17-18

Titah Di Daerah Temburong Sempena Menyambut Ulang Tahun Puja Usia Ke-38 Pada 19 Julai, 1984	19-20
Titah Di Daerah Belait Sempena Menyambut Ulang Tahun Puja Usia Yang Ke-38 Tahun Pada 22 Julai 1984	21-22
Titah Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-38 Yang Diadakan Oleh Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampong Daerah Brunei Dan Muara Pada Hari Rabu 9 Ogos 1984	23-24
Titah Di Majlis Jamuan Yang Diadakan Oleh Persatuan Penuntut-Penuntut Brunei Di United Kingdom, Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-38 Pada 15 Ogos 1984 Jam 8.00 Malam	25-27
Titah Di Majlis Kesyukuran Yang Diadakan Oleh Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-38 di Dewan Persantapan Lapau Bandar Seri Begawan pada 19 Ogos 1984 Jam 7.50 Malam	28-30

Titah Di Majlis Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-38 Yang Diadakan Oleh Dewan Perniagaan Tionghua Brunei Pada 1 September 1984	31-33
Titah Di Majlis Konvokesyen Yang Diadakan Di Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah Pada 18 Oktober 1984	34-36
Titah Di Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad S.A.W di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan Pada 6 Disember 1984	37-40
Titah Semasa Berangkat Ke Kota Jakarta, Pada 22 Oktober 1984	41
Titah Di Majlis Santapan Negara, Republik Indonesia Pada 22 Oktober 1984	42-44
Titah Semasa Keberangkatan Rasmi Ke Republik Arab Mesir Pada 17 Disember 1984	45-47
Titah Semasa Keberangkatan Rasmi Ke Jordan Pada 19 Disember 1984	48-49

Acceptance Speech By His Majesty The Sultan And Yang Di-Pertuan Of Negara Brunei Darussalam On The Occasion Of The Admission Of Brunei Darussalam As The 159th Member Of The United Nations	50-56
Titah Pada Menyambut Tahun Masehi 1985 Melalui Siaran Radio Dan Televisyen, Negara Brunei Darussalam	58-59
Titah Di Majlis Sambutan Ulangtahun Pertama Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Bandar Seri Begawan Pada Hari Sabtu 23 Februari 1985	60-62
Titah Di Majlis Upacara Pembukaan Rasmi Pesta Sukan Merdeka 1985, Bertempat Di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Pada Hari Ahad 2 Rejab 1405 Bersamaan Dengan 24 Mac 1985	63-65
Titah Di Majlis Pertandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Peringkat Negara Di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan Pada 3 Syaaban 1405 / 23 April 1985	66-68
Titah Di Majlis Pembukaan Rasmi Pusat Da'wah Islamiah Pada 1 Muharram 1406 / 16 September 1985	69-71

Titah DiMajlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Komanwell Di Maldives Pada 1 – 2 Oktober 1985	72-73
Titah Di Majlis Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwell Di Nasau Bahamas Pada 15 – 22 Oktober 1985	74-76
Titah Semasa Keberangkatan Lawatan Ke Mukim Kuala Belait Pada Hari Rabu 11 Disember 1985.	77-78
Titah Di Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Sultan Sharif 'Ali, Mukim Sengkurong Negara Brunei Darussalam Pada Hari Jumaat, 28 Februari 1986	80-82
Titah Di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Negara Brunei Darussalam Di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Negara Brunei Darussalam Pada 9 April 1986	83-84
Titah Sempena Hari Raya Aidilfitri Pada Tahun 1986	85-86
Titah Di Majlis Istiadat Mengadap Bersempena Hari Keputeraan Yang Ke-40 Di Lapau, Bandar Seri Begawan pada 15 Julai 1986	87-89
Titah Di Daerah Temburong Sempena Menyambut Ulangtahun Hari Keputeraan Yang Ke-40 Pada Hari Selasa, 22 Julai 1986	90-91

Titah Di Daerah Tutong Sempena Menyambut Ulangtahn Hari Keputeraan Yang Ke-40 Pada Hari Khamis, 24 Julai 1986	92-93
Titah Di Daerah Belait Sempena Menyambut Ulangtahn Hari Keputeraan Yang Ke-40 Pada Hari Selasa, 29 Julai 1986	94-95
Titah Secara Langsung dari Istana Nurul Iman melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 20 Oktober 1986	96-107
Titah Sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Pada 15 November 1986	108-109
Titah Sempena Tahun Baru 1987 Yang Telah Disiarkan Melalui Radio Televisyen Brunei Pada 1 Januari 1987	111-113
Titah Di Majlis Perjumpaan Dengan Penduduk-Penduduk Mukim Pekan Tutong Di Dewan Kemasyarakatan, Tutong Pada 12 Februari 1987	114-117
Titah Sempena Hari Kebangsaan Yang Disiarkan Melalui Radio Televisyen Brunei Pada 22 Februari 1987	118-123
Titah Ketika Berangkat Melawat Mukim Gadong Pada Hari Selasa 24 Mac 1987	124-125

Titah Di Majlis Persantapan Negara Di Istana Nurul Iman Bagi Mengalu-Alukan Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia Pada Hari Sabtu, 4 April 1987	126-129
Titah Di Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan Yang Berlangsung Di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Pada Hari Selasa, 7 April 1987	130-132
Titah Sempena Menyambut Hari Raya Aidilfitri Tahun Hijrah 1407 / Masihi 1987	133-134
Titah Sempena Hari Ulangtahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Yang Ke-26 Pada 31 Mei 1987	135-138
Titah Semasa Keberangkatan Ke Mukim Serasa, Muara Pada Hari Rabu, 8 Julai 1987	139-141
Titah Di Majlis Istiadat Mengadap Dan Mengurniakan Bintang-Bintang Dan Pingat-Pingat Kebesaran Bersempena Hari Keputeraan Yang Ke-41 Di Lapau, Bandar Seri Begawan Pada Hari Rabu, 15 Julai 1987	142-149
Titah Di Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam Pada Hari Jumaat, 17 Julai 1987	150-152

Titah Sempena Menyambut Ulangtahun Hari Keputeraan Yang Ke-41 Bagi Daerah Temburong Pada Hari Isnin, 20 Julai 1987	153
Titah Sempena Menyambut Ulangtahun Hari Keputeraan Yang Ke-41 Bagi Daerah Tutong Pada Hari Khamis, 23 Julai 1987	154
Titah Sempena Menyambut Ulangtahun Hari Keputeraan Yang Ke-41 Bagi Daerah Belait Pada Hari Sabtu, 25 Julai 1987	155
Titah Di Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Ke-9 Menteri-Menteri Pertanian Dan Perhutanan Asean Yang Berlangsung Di Pusat Da'wah Islamiah Pada 24 September 1987	156-159
Titah Di Majlis Perhimpunan Dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Di Taman Haji SirMuda Omar Ali Saifuddien Pada 4 November 1987	160-162
Titah Di Majlis Sidang Kemuncak ASEAN Ke-3 Di Manila Pada 14 Disember 1987 (Terjemahan dari teks asal Bahasa Inggeris)	163-166
Titah Sempena Penutup Sidang Kemuncak ASEAN Di Manila pada hari Selasa, 15 Disember 1987 (Terjemahan dari teks asal Bahasa Inggeris)	167-168

Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Saiyidina
Muhammad Wa'ala Alihi Wasabihi Ajma'in

BAHAWASA-NYA sekarang telah tiba masa-nya bagi Negara Brunei Darussalam mengambil alih semula tanggung-jawab antarabangsa dengan sa-chara penoh sebagai sa-buah Negara yang berdaulat lagi merdeka di-kalangan masharakat negara antarabangsa.

DAN BAHAWASA-NYA Negara Brunei Darussalam ada-lah tidak pernah menjadi tanah jajahan tetapi mempunyai perhubungan² perjanjian yang istimewa dengan United Kingdom sejak tahun 1847 dengan mana kemudian pada tahun 1888 telah di-persetujui bahawa perhubungan² luar negeri menjadi tanggung-jawab Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland;

DAN BAHAWASA-NYA satu Perlembagaan yang di-gelar Perlembagaan Negara Brunei, 1959 telah di-mashhorkan oleh Sultan sa-belum Beta ia-itu Maulana Sultan Sir Muda 'Omar Ali Sai'fuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ka-dua puluh lapan dan menurut-nya-lah Kerajaan Negara ini di-susun dan ia ada-lah menjadi undang² yang tertinggi bagi Kerajaan Negara ini,

DAN BAHAWASA-NYA dengan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama, 1979 yang telah di-buat di-antara Beta dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland dan dengan Pertukaran Nota di-antara Beta dengan Kerajaan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen maka telah di-persetujui bahawa apa jua kuasa, kewajipan atau tanggung-jawab yang mungkin di-pegang oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen terhadap Negara Brunei Darussalam di-bawah semua triti perjanjian dan susunan yang terdahulu di-antara Negara Brunei Darussalam dengan United Kingdom yang bertentangan dengan tanggung-jawab antarabangsa yang sa-penoh-nya sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat lagi merdeka hendak-lah tamat pada

31 Disember 1983 dan dengan penamatan itu hak dan kuasa kedaulatan Beta termasuk tanggung-jawab terhadap urusan2 luar negeri akan kembali kepada Beta sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Satu haribulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puloh Empat;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Yang Maha Mengasihani, Beta, Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sekalian Jajahan Ta'alok Rantau dan Pesisir-nya, DENGAN INI MEMASHHOR DAN MENGISHTIRAHKAN dengan nama Beta dan bagi pehak diri Beta dan bagi pehak pengganti2 Beta dan bagi pehak ra'ayat Negara Brunei Darussalam bahawa mulai dari Satu haribulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puloh Empat Tahun Masehi, bersama'an dengan Dua Puloh Tujuh haribulan Rabiulawal, Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam Seribu Empat Ratus Empat ia-itu Tahun Yang ka-Tujoh Belas Beta di-atas Takhta Kerajaan, Negara Brunei Darussalam ada-lah dan dengan izin serta limpah kornia Allah Subhanahu Wata'ala, akan untuk sa-lama2-nya kekal menjadi sa-buah Negara Melayu Islam Beraja ynag Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran2 Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredzaan Allah Subhanahu Wata'ala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi ra'ayat Beta dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di-kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan (kukoh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari champur tangan drai luar negeri.

Barang di-rahmati Allah Subhanahu Wata'ala dan di-berkati Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam akan Negara Brunei Darussalam kekal sa-lama2-nya. Amin Ya Rabbal 'Alamin.



**Titah Di Majlis Santapan Negara Korea
Pada 7 April 1984**

Tuan Yang Terutama Presiden Chun Doo Hwan,

Puan Lee Soon Ja,

Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Korea

Tuan Chin Lee Chong,

Puan Lee Hak,

Tetamu-tetamu Ternama,

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dahulu Beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Presiden Chun Doo Hwan dan Puan Lee Soon Ja yang telah sudi mengadakan santapan yang permai ini bagi Beta berdua dan rombongan Beta pada malam ini. Beta juga sukacita mengambil kesempatan ini untuk merekodkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada kerajaan dan rakyat Republik Korea atas ucap selamat dan tahniah yang beta dan kerajaan beta terima bersempena dengan kemerdekaan penuh lagi berdaulat Negara Brunei Darussalam pada 1 haribulan Januari, 1984 yang mana telah diraikan di Negara Brunei Darussalam pada 23 haribulan Februari, 1984 dengan juga dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Korea Tuan Chin Lee Chong. Beta juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas kata-kata aluan yang mesra yang Tuan Yang Terutama Presiden Chun Doo Hwan baru sahaja lafazkan mengenai Beta dan Negara Brunei Darussalam.

Adalah harapan Beta bersempena dengan keberangkatan Beta ke Republik Korea ini untuk berkenal-kenalan dengan Tuan Yang Terutama dan mengenal dengan lebih dekat lagi aspek-aspek negara

ini yang mana sebagai salah sebuah negara yang paling berjaya di dalam usaha-usaha pembangunan sosio-ekonominya di dunia ini sudah tentu mempunyai pengalaman-pengalaman yang berguna dan boleh disesuaikan di dalam usaha-usaha Beta, selaku teras Negara dan tampok Kerajaan untuk mempergiatkan Kemajuan Negara Brunei Darussalam bagi faedah rakyat di dalamnya.

Sebenarnya perhubungan yang baik di antara Republik Korea dan Negara Brunei Darussalam telah pun sedia terjalin dengan penyertaan sektor swasta dari Republik Korea di dalam Pembangunan Negara Brunei Darussalam khususnya dalam bidang pembinaan di dalam mana Negara ini dikenali kehandalannya bukan sahaja di rantau Asia malahan di seluruh dunia. Adalah hasrat dan cita-cita Beta supaya lawatan ini akan dapat mempereratkan lagi perhubungan dan persahabatan yang sedia wujud di antara kedua buah negara kita di peringkat yang lebih sesuai dan afdal bermenafa'at bagi kedua-dua negara kita berasaskan kepada kedudukan masing-masing sebagai negara-negara yang penuh bertanggungjawab di kalangan masyarakat antarabangsa.

Sebelum mengakhiri titah ucapan ini Beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan mencatatkan penghargaan yang khusus kepada Tuan Yang Terutama Presiden Chun Doo Hwan, serta Puan Lee Soon Ja, Kerajaan Republik Korea dan kesemuanya yang berkenaan termasuk Tuan Yang Terutama Duta Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan keberangkatan Beta ke negara ini termasuklah mengadakan rancangan-rancangan pada hari minggu yang mana menurut kebiasaan di negara ini pada hari tersebut tiada rancangan-rancangan serupa ini diadakan. Pengecualian ini adalah penghormatan yang besar bukan sahaja kepada Beta serta rombongan, tetapi tentunya mencerminkan betapa pentingnya Republik Korea menghargai perhubungan dan persahabatan yang lebih erat di antara kedua-dua negara kita, Insya Allah, maka adalah hasrat Beta supaya usaha-usaha ke arah mempereratkan lagi perhubungan

dan persahabatan di antara Republik Korea dan Negara Brunei Darussalam akan mempergiatkan dengan seberapa daya upaya yang boleh.

Untuk mengakhiri ucapan Beta ini Beta sukacita menjemput hadirin dan hadirat yang dihormati untuk bersama Beta memberikan ucap selamat semoga Tuan Yang Terutama Presiden Chun Doo Hwan dan Puan Lee Soon Ja akan senantiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan semoga rakyat Republik Korea sentiasa berada di dalam keadaan makmur dan sejahtera dan semoga persahabatan di antara kedua-dua Negara kita akan terus berkekalan.

Sekian, terima kasih.



**Titah Di Majlis Santapan Diraja Mengalu-alukan
Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia
Pada Hari Sabtu, 21 April 1984**

Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Paduka Kekanda Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Paduka Kekanda Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, serta para hadzirin dan hadzirat yang di hormati sekalian.

Alhamdulillah, shukor kehadzarat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kornia-Nya jua, maka di-malam yang berbahagia ini dapat-lah Paduka Adinda mera'iekan Paduka Kekanda sempena keberangkatan Paduka Kekanda ke-Negara Brunei Darussalam bagi membuat lawatan rasmi yang pertama kali sejak Negara Brunei Darussalam mengambil alih tanggung-jawab sebagai sa-buah negara yang merdeka lagi berdaulat. Lawatan rasmi Paduka Kekanda ke-Negara ini bukan sahaja merupakan satu penghormatan yang tinggi kapada Paduka Adinda dan kerajaan serta ra'ayat dan penduduk Negara ini, bahkan ia-nya mencherminkan betapa mesra-nya perhubungan persahabatan serta perasaan muhibah di-antara Malaysia dengan Negara Brunei Darussalam.

Sungguh pun paduka kekanda kerap-kali berangkat kunjong ke-Negara ini atas lawatan2 persahabatan namun demikian lawatan Paduka Kekanda sechara rasmi pada kali ini ada-lah lebeh mencherminkan betapa khusu' nikat dari hati yang ikhlas dalam konteks sejarah perhubungan kedua-dua buah Negara kita, lain2 Negara di-ASEAN pada 'amnya lebeh2 lagi kesudian lawatan Paduka Kekanda sebagai menyusuli lawatan rasmi yang Paduka Adinda telah lakukan baru2 ini ke-Malaysia.

Di-majlis yang berbahagia ini, Paduka Adinda ingin mengambil kesempatan untuk menchatetkan penghargaan Paduka Adinda kepada Paduka Kekanda serta Kerajaan dan ra'ayat Paduka Kekanda di-Malaysia atas sambutan meriah dan layanan mesra yang telah di-berikan sempena lawatan rasmi Paduka Adinda ka-Negara Paduka Kekanda, Malaysia itu, yang mana akan sentiasa menjadi kenangan yang manis lagi berkekalan kapada Paduka Adinda serta Paduka Adinda Raja Isteri.

Dalam usaha untuk mempereratkan lagi hubungan silatur-rahim di-antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Paduka Kekanda, Malaysia, maka Paduka Adinda sukachita mengambil perhatian tentang usaha2 yang sedang di-ambil bagi tujuan mengadakan susunan2 perjanjian dalam bidang perkhidmatan penerbangan awam di-antara kedua-dua buah Negara kita. Di-dalam bidang undang2 dan keamanan, langkah2 sedang di-uruskan bagi mengadakan peratoran2 mengenai ketenteraman dan keselamatan. Di-bidang bahasa pula, pegawai2 dari Negara Brunei Darussalam telah kerap-kali di-undang untuk menyertai mashuarat2 yang di-kendalikan bersama oleh Dewan Bahasa Malaysia dengan badan2 yang tertentu Indonesia berhubung dengan sistem ejaan baru dan istilah2 bahasa Melayu. Dalam hubungan ini, Negara Brunei Darussalam sebagai Negara yang mempunyai tradisi2 dan sejarah serta kebudayaan yang sama dengan Negara2 yang tersebut, akan terus memainkan peranan-nya yang sejajar sebagai *partner* dalam masharakat negara2 dunia atas prinsip persamaan yang munafaat.

Menyedari mustahak-nya hubungan dan kerjasama yang erat di-antara kedua-dua buah Negara kita, maka ada-lah sentiasa menjadi harapan Paduka Adinda supaya perhubungan yang sudah sekian terjalin di-antara kedua-dua Negara kita ini akan terus dapat di-tingkatkan lagi di-masa akan datang berasaskan persefahaman yang jujur saling hormat-menghormati, semata-mata untuk kebaikan ra'ayat dan Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Paduka Kekanda, Malaysia. Tidak shak lagi hubungan persahabatan dan kerjasama yang Paduka Adinda nyatakan yang bukan sahaja di-antara kedua-dua Negara kita, bahkan dengan negara2 rakan kita

dalam ASEAN dan negara2 yang di-luar rantau ini yang berlandaskan prinsip persamaan dan hormat-menghormati, akan merupakan sumbangan positif ke-araf kestabilan kemunafa'atan politik dan keamanan yang sangat2 di-perlukan dalam mengembangkan ekonomi negara masing2.

Dalam keadaan ekonomi dunia yang meleset, Negara Brunei Darussalam sebagai sa-buah negara ahli dalam ASEAN ada-lah berasa beruntong, kerana dengan keahlian dalam pertubohan tersebut maka kita dapat bekerjasama untuk menchapai matalamat yang sama-sama kita hajati munafa't-nya. Dari usaha bersama ini, adalah jika di-tinjau sekali jangat bahawa ASEAN sedikit sebanyak berjaya pada mengatasi kemelesetan ekonomi dunia di-bandingkan dengan negara2 yang lain yang kurang baik. Dari itu, ada-lah menjadi dasar bagi Kerajaan Paduka Adinda supaya Negara Brunei Darussalam akan terus bekerjasama dengan rapat dengan rakan2-nya dalam ASEAN dalam usaha2 ini menurut keupayaan-nya.

Dalam usaha2 Kerajaan Paduka Adinda untuk membuat sumbangan yang positif ke-araf keamanan, kemajuan dan kerjasama di-kalangan negara2 sedunia, Paduka Adinda telah membuat lawatan2 keluar negeri baru2 ini untuk menjalin tali persahabatan dengan negara2 yang ingin berbaik2 atas perinsip persamaan dan saling hormat-menghormati. Insha Allah, Kerajaan Paduka Adinda akan menjadikan-nya dasar utama dalam perhubungan luar Negara Brunei Darussalam. Dasar ini ada-lah sechuchuk dengan hasrat dan chita2 Paduka Adinda untuk memperkembangkan ekonomi bagi ra'ayat Negara Brunei Darussalam, dengan mengambil chontoh-tauladan yang baik dan sesuai dari negara2 yang maju, yang mana hasrat tersebut ada-lah menjadi satu tanggung-jawab yang penting dalam pentadbiran dalam negeri Kerajaan Paduka Adinda. Matalamat2 sedemikian adalah juga merupakan chita2 yang sama bagi masing2 Kerajaan kita, dan yang demikian akan sentiasa mendapat perhatian yang berat dari Paduka Adinda.

Bagi mengakhiri ucapan Paduka Adinda ini, Paduka Adinda berdua dengan penoh gembira, ingin sekali lagi mengalu2kan keberangkatan

Paduka Kekanda ke-Negara ini, dan Paduka Adinda serta Paduka Adinda Raja Isteri dan berdo'a semoga Paduka Kekanda dan Paduka Kekanda Baginda Raja Permaisuri Agong, akan sentiasa mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dan sentiasa berada dalam kandungan sihat wal'afiat, aman sejahtera berkekalan, dan semoga lawatan Paduka Kekanda ini akan mengeratkan lagi persaudaraan di-antara Kerajaan dan ra'ayat Paduka Kekanda, Malaysia dengan Kerajaan dan ra'ayat Paduka Adinda, Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Di Majlis Pertandingan
Membaca Al-Qur'an Peringkat Negara
Di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien
Bandar Seri Begawan Pada 9 Mei 1984**

Assalamu 'alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Alhamdulillah, shukor kehazarat Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kepada Junjongan kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, Kerabat dan Sahabat2 serta pengikut2 Baginda yang setia lagi jujur hingga ke-akhir zaman.

Beta sangat gembira mengetahui bahawa pengajaran membaca Al-Qur'an di-negara ini semakin berkembang dengan baik-nya. Pengajaran itu selain daripada melalui tunjok ajar guru2 ugama, ia juga di-kembangkan sechara tradisi melalui orang2 tua dahulu di-mana mereka yang berkebolehan dan berkelapangan, memimpin dan mengajar membaca Al-Qur'an sehingga khatam. Beta berbangga dengan sikap orang2 tua yang sedemikian dalam mana usaha dan jasa mereka itu ada-lah salah satu sumbangan yang besar kepada Negara Brunei Darussalam dalam mengasoh dan mendidik ra'ayat Negara ini pada mengenal dan meninggikan mutu baca'han Al-Qur'an. Maka berkat usaha mereka itu kita dapat menyaksikan sekarang suasana pembelajaran Al-Qur'an yang menggalakkan di-Negara Brunei Darussalam yang terchinta ini.

Mengenai dengan tema pertandingan pada tahun ini yang berbunyi "Keadilan Asas Kebahagia'an dan Kema'amoran" maka kita memahami bahawa Al-Qur'an menyeru kita supaya mencari kebahagiaan, khas-nya dalam mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan seikhlas2-nya, baik kebahagiaan di-dunia mahupun kebahagiaan di-akhirat. Kebahagia'an itu amat penting kepada kita dan meliputi bidang yang luas ia-itu: bahagia dalam hidup sehari2, bahagia dalam hidup berkeluarga, bahagia dalam hidup bermasyarakat dan bahagia dalam hidup bernegara.

Kema'amoran pula ada-lah di-perlukan untuk memenohi keperluan hidup, dan kema'amoran boleh di-jadikan salah satu unsur kebahagiaan jika ia di-gunakan dengan sebaik2-nya. Alhamdulillah, Negara kita Brunei Darussalam telah di-korniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kema'amoran dari berbagai2 sumbar, khas-nya daripada minyak dan gas. Kita bershukor kapada Allah Subhanahu Wata'ala di-atas kornia itu, dan menshukori kornia dan kema'moran itu sebenar-nya ada-lah menjadi tanda kebahagiaan kita di-negara ini.

Kebahagia'an dan kema'amoran itu memerlukan asas tempat-nya tegak dan subor dan asas utama kebahagiaan dan kema'amoran itu ia-lah keadilan. Keadilan dan berlaku adil melingkongi berbagai segi, termasuk-lah berlaku adil terhadap diri sendiri, ia-itu mengutamakan pertimbangan yang sihat berdasarkan akal yang waras dan pembawa'an ahlul permakawi menurut ajaran2 Allah di-dalam segala kepentingan hidup diri sa-saorang sebagai saorang manusia dengan tidak mementingkan diri sendiri dan, tidak pula mengenyepikan kepentingan umum. Di-samping itu kita di-suroh berlaku adil terhadap orang2 yang di-bawah jaga'an, saperti ketua berlaku adil terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan di-bawah-nya, pegawai2 dan kakitangan di-bawah jaga'an itu pula di-kehendaki berlaku adil kapada ketua mereka dengan chara menunaikan tugas dengan sempurna, bertanggungjawab dan amanah terhadap pekerja'an dan ketua-nya, serta menghormati ketua itu. Keadilan itu berma'ana jujur dan lurus, tidak memihak kemana2, tidak melebihi dan tidak mengurangi, bahkan semata2 berpegang kepada hak dan kebenaran menurut ajaran2 Allah.

Beta perchaya sebagai umat Islam, negara yang bahagia, negara yang ma'amor ada-lah negara yang di-asaskan kepada keadilan yang bersendikan ajaran2 Allah. Keadilan ada-lah di-hasratkan untuk melindungi nyawa, harta-benda, kehormatan, akal dan keturunan. Pada menegakkan surohan ugama yang mulia ini, Beta akan terus berusaha dengan tidak kendor2-nya bagi memastikan bahawa keadilan di-Negara ini akan terpelihara dan berjalan saksama. Beta perchaya hanya dengan memelihara dan menjaga keadilan, maka Negara Brunei Darussalam akan terus maju dalam suasana yang bahagia, aman ma'amor untuk kebajikan yang berkekalan kepada ra'ayat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Semoga-lah Allah akan sentiasa memelihara dan melindungi kita semua. Amin.

Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Di Majlis Istiadat Mengadap Sempena
Menyambut Hari Keputeraan Yang Ke-38 Tahun
Di Lapau, Bandar Seri Begawan
Pada 15 Julai 1984**

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, syukur kehadzarat Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala rahmat-Nya yang mana dengan izin-Nya jua membolehkan kita sekali lagi beramai-ramai berpandang wajah di istiadat yang berbahagia ini. Beta juga dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi terima kasih dan menchatitkan penghargaan beta kepada wakil-wakil kaum dan badan-badan kebajikan di atas isi kandungan ucap selamat dari mereka. Beta berdoa mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan mengorniakan balasan yang seimbang di atas ingatan baik dari semua pihak yang berkenaan itu.

Sejak istiadat yang serupa ini sempena Hari Keputeraan Beta yang ke-37 pada tahun yang lalu kita semua telah dapat menyaksikan beberapa peristiwa yang bersejarah di dalam perjalanan Negara kita Brunei Darussalam yang tercinta ini melangkah ambang era baru yang penuh dengan cabaran di sebalik kegemilangan yang kita semua nikmati. Tepat berakhirnya tahun Seribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Tiga, Negara Brunei Darussalam telah mengambil alih semula taraf kedudukannya di kalangan negara-negara antarabangsa sebagai sebuah negara yang merdeka lagi penuh berdaulat. Sesuai dengan pertukaran taraf negara kita itu maka sistem pentadbiran negara ini juga telah dibaharui dengan mengadakan sistem pentadbiran berkementerian dalam mana Beta sendiri memikul tanggungjawab selaku Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Di istiadat yang berbahagia ini Beta berasa

sangat gembira kerana dapat melafazkan titah Beta selaku tampuk pemerintahan dan teras negara kepada semua rakyat dan penduduk negara ini yang Beta kasihi.

Sebagaimana yang dapat kita semua saksikan dan nikmati pengambilan alih semula taraf kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang merdeka lagi penuh berdaulat telah diiringi oleh berbagai istiadat-istiadat dan aturcara-aturcara yang menarik, tersusun rapi dan sangat-sangat mengkagumkan pula dari segi sambutan yang hangat serta penyertaan yang sungguh-sungguh yang ditunjukkan oleh semua lapisan rakyat dan penduduk negara ini. Kemuncak kepada istiadat-istiadat dan aturcara-aturcara itu ialah Sambutan Hari Kebangsaan bagi meraikan kemerdekaan penuh lagi berdaulat Negara Brunei Darussalam yang telah diraikan pada 23 haribulan Februari, 1984 dan hari-hari yang berikutnya dalam suasana yang meriah dan penuh beristiadat, dengan aturcara-aturcara yang menarik dan sudah tentu akan menjadi ristaan bukan sahaja untuk masa ini bahkan untuk masa hadapan kita.

Bersabit dengan Sambutan Hari Kebangsaan bagi memperingati dan meraikan kemerdekaan yang penuh lagi berdaulat Negara Brunei Darussalam itu Beta adalah menyedari dan menghargai tentang peranan dan usaha-usaha yang gigih lagi berkesan yang memerlukan pemusatan pemikiran, keupayaan dan kesabaran semua mereka yang terlibat pada menjayakannya dengan kejayaan yang begitu cemerlang. Beta percaya bahawa kejayaan yang cemerlang itu sudah barang tentu tidak akan dapat kita capai dan nikmati bersama tanpa adanya sifat bekerjasama, saling bantu membantu dan muafakat dalam mengungkuhkan usaha-usaha untuk faedah dan kebaikan bersama di antara pegawai-pegawai kerajaan Beta dan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam ini. Khususnya para belia dan ahli-ahli badan kebajikan dan swasta juga turut serta dan bertungkus lumus tanpa mengira penat lelah, tenaga dan masa di dalam usaha itu. Maka bersempena dengan hari yang berbahagia ini, Beta dengan setulus ikhlasnya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli-ahli jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat khususnya jawatankuasa kerja bagi menyambut Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam serta pegawai-pegawai urusetianya dan semua ahli-ahli badan-badan belia kebajikan dan swasta serta orang-orang perseorangan yang telah bersama-sama turut bertungkus lumus untuk menjayakan Perayaan Hari Kebangsaan dengan kejayaan yang cemerlang

yang hanya dapat dicapai melalui usaha-usaha yang gigih lagi berkesan yang berlandaskan kepada dan melambangkan kemuncak hasil persefahaman, saling bertolak ansur, bantu membantu dan muafakat kerana Allah jua itu akan senatiasa menjadi ristaan dan petunjuk bagi kita semua khususnya dalam kita menempuh zaman kemerdekaan yang penuh cabaran di sebalik kegemilangan yang kita semua menikmati pada ketika ini.

Sehubungan dengan itu maka Beta juga sukacita mengambil kesempatan ini untuk berseru kepada semua rakyat dan penduduk negara ini yang beta kasihi agar mereka dengan tidak kendur-kendur akan mengekalkan azam dan tekad mereka untuk senatiasa berganding bahu dengan kerajaan Beta dan terus memikul tanggungjawab masing-masing sebagai rakyat dan penduduk sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik mengaulakan cintakan ketenteraman, keamanan, keselamatan negara kita Brunei Darussalam bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama Islam dan senantiasanya berusaha pada memperolehi kebajikan dan kebahagiaan serta kemajuan bagi semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Untuk mengakhiri ucapan Beta ini Beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan beta atas sumbangan mereka yang cemerlang di sepanjang tahun ini dan Beta berseru supaya mereka terus berkhidmat dengan penuh azam dan tekad bagi mewujudkan satu pentadbiran yang bersih, cekap, jujur dan penuh amanah semata-mata kerana Allah iaitu satu pentadbiran yang bebas dari tamak dan rasuah dan penyelewengan laila tugas dan kuasa agar semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini akan dapat bersama-sama menikmati kemudahan-kemudahan dan hasil-hasil dari projek-projek kemajuan di dalam suasana sebuah masyarakat yang adil dan saksama semata-mata kerana Allah jua. Beta juga ingin mengambil peluang ini untuk mencatatkan setinggi-tinggi penghargaan beta kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei atas segala sumbangan masing-masing dalam mempertahankan keselamatan dan menjaga keamanan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam yang kita semua cintai ini.

Alhamdulillah, dari semenjak negara kita merdeka, Negara Brunei Darussalam telah mempunyai sahabat-sahabat baik yang berjiran sama ada dekat mahu pun jauh.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah Di Daerah Tutong Sempena Menyambut Ulangtahun Puja Usia Yang Ke-38 Tahun Pada 17 Julai 1984

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala, Selawat serta salam kepada Junjongan Besar kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, bersyukur kehadzarat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin Nya jua kita dapat beramai-ramai pada hari ini sekali lagi berpandangan wajah untuk meraikan Ulang Tahun Hari Keputeraan Beta yang ke-38 bagi Daerah Tutong ini. Di samping kesyukuran itu, Beta juga dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi terima kasih atas ucapan selamat yang telah dilafazkan di istiadat ini dan mencatatkan penghargaan beta kepada wakil-wakil kaum dan badan-badan kebajikan bagi Daerah Tutong atas isi kandungan-kandungan ucap selamat dari mereka. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan balasan yang seimbang atas ingatan baik dari semua pihak yang berkenaan itu.

Sesungguhnya semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini adalah beruntung dan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas segala rahmat-Nya yang membolehkan kerajaan Beta merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan yang berfaedah demi untuk kemakmuran dan kesejahteraan serta keamanan yang kita semua nikmati. Di antara projek-projek pembangunan yang dapat kita saksikan berjalan dengan pesatnya ialah projek pembinaan jalanraya sepanjang pantai dari Jerudong ke Tutong yang teristimewa dengan kemudahan '*fly-over*' yang mana reka binaannya adalah yang terulung di Negara Brunei Darussalam dan di jangka akan mengurangkan kesibukan lalu-lintas melalui Pekan Tutong ini.

Beta juga merasa gembira kerana projek perbekalan air Sungai Benutan yang dijangka akan menambahkan pengeluaran air untuk kawasan di Daerah Tutong dan Brunei/Muara, pada masa ini sedang berjalan dengan lancarnya.

Kerajaan beta adalah sentiasa meneliti dan membuat kajian-kajian serta menitikberatkan lain-lain projek yang boleh mendatangkan faedah untuk dinikmati oleh rakyat beta dan penduduk di seluruh Negara Brunei Darussalam yang-sama-sama kita cintai ini.

Untuk mengakhiri ucapan Beta ini Beta sukacita mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua mereka yang berkenaan kerana telah memberikan sumbangan dan berusaha pada menyusun dan mengadakan berjenis-jenis upacara pada menjayakan sambutan bagi meraikan Ulang Tahun Hari Keputeraan Beta yang ke-38 di Daerah Tutong ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Di Daerah Temburong Sempena
Menyambut Ulangtahun
Puja Usia Ke-38 pada 19 Julai 1984**

Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, dan kita mengucapkan syukur kepada-Nya kerana telah mengizinkan kita semua dapat beramai-ramai pada hari ini berpandangan wajah seperti di tahun-tahun yang lalu untuk meraikan Ulangtahun Hari Keputeraan Beta yang ke-38 dan selawat serta salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan juga kepada kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, sebagaimana yang dapat kita saksikan di Daerah Temburong ini, beberapa kemajuan yang berfaedah kepada rakyat dan penduduk di Daerah ini sedang dan seterusnya dilaksanakan seperti projek-projek Rumah Sakit Baru, Sekolah Menengah dan Perumahan bagi guru-guru dan Ahli-Ahli Bomba. Projek-projek ini adalah perlu kita berikan keutamaan demi untuk kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat Beta di Daerah ini jua. Projek-projek seperti perbekalan air dan elektrik adalah di antara lain-lain projek yang dititikberatkan mengikut keutamaan dan keupayaan Kerajaan Beta.

Di hari yang berbahagia ini, Beta ingin merakamkan rasa kegembiraan Beta di atas perkembangan Ugama Islam di Daerah ini yang semakin bercahaya sinaran yang gemilang dengan adanya Pejabat Hal Ehwal Ugama yang baru dan dengan bertambahannya bilangan pemeluk-pemeluk Ugama Islam di Daerah ini yang benar-benar sudi mensucikan niat dan tekad mereka yang benar-benar taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Buat mengakhiri ucapan Beta, Beta ingin menyampaikan ucapan terima kasih yang tulus ikhlas kepada semua yang berkenaan di Daerah Temburong ini yang telah memberikan apa jua sumbangan pada mengungkayahkan berjenis-jenis upacara bagi menyambut Ulangtahun Hari Keputeraan Beta yang ke-38 di Daerah ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan memberikan ganjaran baik kepada mereka semua.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Di Daerah Belait Sempena Menyambut
Ulangtahun Puja Usia
Yang Ke-38 Tahun Pada 22 Julai 1984**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasalam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat beramai-ramai pada hari ini berpandangan wajah untuk meraikan Ulangtahun Hari Keputeraan Beta yang ke-38 bagi Daerah Belait ini. Di samping kesyukuran itu, Beta juga dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi terima kasih atas ucap selamat yang telah dilafazkan di istiadat ini dan mencatatkan penghargaan Beta kepada wakil-wakil kaum dan badan-badan kebajikan di Daerah Belait ini atas isi kandungan ucap selamat dari mereka. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan balasan yang seimbang atas ingatan baik semua pihak yang berkenaan itu.

Beta percaya bahawa penduduk di Daerah ini juga telah berkesempatan mendengar titah perutusan Beta pada malam menjelang Hari Raya yang lalu. Beta ingin mengambil kesempatan ini untuk mengulangi bahawa Beta berharap yang kenaikan gaji bagi semua pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Beta itu tidak akan digunakan sebagai alasan untuk mengenakan kenaikan harga-harga yang tidak munasabah dan berpatutan di kalangan peniaga-peniaga di Negara ini. Selaku tampuk pemerintahan dan teras negara Beta dengan sesungguhnya menegaskan bahawa Kerajaan Beta tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kenaikan harga di Negara ini termasuk mengadakan langkah-langkah campurtangan di dalam pasaran barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan di mana yang perlu.

Dengan perubahan gaji yang telah Beta perkenankan itu maka Beta berharap dan berseru kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Beta dalam semua bahagian dan bidang pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam termasuk anggota-anggota dalam Pasukan Polis Di-Raja Brunei dan Angkatan Bersenjata Di-Raja Brunei agar mereka akan meningkatkan lagi azam dan tekad mereka untuk terus berusaha mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap, jujur dan penuh amanah dalam Kerajaan Beta serta sentiasa memelihara dan menjaga keselamatan, keamanan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Sememangnyaalah menjadi hasrat Beta supaya segala usaha yang dirancang itu akan dapat dirasakan dan dinikmati oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk Negara ini tanpa mengira daerah atau kawasan. Di dalam hubungan ini Beta sukacita untuk mengetahui bahawa di Daerah Belait ini juga terdapat beberapa projek kemajuan yang dirancang untuk mendatangkan faedah kepada rakyat Beta dan laila penduduk sedang rancak dan terus diusahakan, terutamanya pembinaan sedang rancak dan terus diusahakan, terutamanya pembinaan Bangunan Kedai Bumiputera di Kuala Belait dan Seria dan penyediaan tapak-tapak tanah untuk perumahan bagi menempatkan rakyat jati yang berkepentingan di Daerah ini iaitu kepada mereka yang tidak mempunyai tanah dan rumah untuk kediaman sendiri.

Sebagai penutup, Beta tidak lupa untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua mereka yang berkenaan kerana telah bertungkus lumus menyusun dan mengadakan berjenis-jenis upacara pada menjayakan sambutan bagi meraikan Ulangtahun Hari Keputeraan Beta yang ke-38 di Daerah Belait ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Ulangtahn Hari Keputeraan
Yang Ke-38 Yang Diadakan Oleh
Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampung
Daerah Brunei Dan Muara
Pada Hari Rabu 9 Ogos 1984**

Alhamdulillah Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga membolehkan kita beramai-ramai hadir di majlis yang permai ini dan selawat serta salam bagi Nabi Besar kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kerabat dan sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang ta'at lagi setia hingga ke akhir zaman.

Beta dengan ikhlas mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara kerana menjemput Beta ke Majlis Kesyukuran pada malam ini bagi meraikan Ulangtahn Hari Keputeraan Beta yang ke-38.

Bersempena malam yang bersyafa'at ini, Beta sukacita untuk mencatatkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung di atas kerjasama yang mereka berikan kepada Kerajaan Beta dalam semua kegiatan-kegiatan dan rancangan-rancangan kerajaan beta termasuklah pada memelihara keamanan, ketenteraman dan keselamatan di negara ini. Dengan adanya suasana keamanan dan ketenteraman itu, kita telah dapat merasakan nikmat kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini dengan lebih bermakna lagi dan Insyallah akan terus dapat pula melaksanakan rancangan-rancangan kemajuan negara sebagaimana yang dihasratkan.

Pada memelihara dan menjamin wujudnya suasana keamanan dan ketenteraman itu, maka adalah mustahak bagi Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung mengeratkan lagi hubungan silaturahim mereka dengan anak buah kampung dan mukim supaya dengan itu Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung akan dapat mengetahui keadaan serta masalah-masalah anak-anak buah kampung dan mukim mereka. Beta ingin menyeru supaya Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung akan bersikap lebih sensitif

terhadap apa jua keadaan yang terdapat di kawasan yang di bawah tanggungjawab mereka supaya dengan sikap sedemikian mereka akan dapat memberikan sumbangan yang lebih positif dan berkesan kepada kemajuan kampung dan mukim serta lebih berwaspada terhadap apa jua perkara yang mungkin mencurigakan keamanan kampung dan mukim mereka.

Beta memahami betapa beratnya tugas yang dipikul oleh Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua kampung, dan begitu pun jua banyaknya peranan dan harapan-harapan yang dituntut oleh berbagai pihak dari seorang pPenghulu atau Ketua Lampung. Maka melalui majlis yang mulia ini, Beta ingin pula meminta semua penduduk kampung dan mukim supaya akan dapat memberikan sepenuh sokongan dan kerjasama secara ikhlas, jujur dan amanah kepada Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung baik berupa tenaga mahupun pandangan dan buah fikiran yang sihat lagi membina cintakan ketenteraman, keamanan dan keselamatan serta cintakan kemakmuran dan kemajuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

Buat mengakhiri ucapan Beta ini, Beta sekali lagi mengucapkan banyak-banyak terima kasih.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Di Majlis Jamuan Yang Diadakan Oleh
Persatuan Penuntut-Penuntut Brunei
Di United Kingdom,
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-38
Pada 15 Ogos 1984 Jam 8.00 Malam**

Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala dan kita mengucapkan syukur kepada-Nya kerana telah mengizinkan kita semua dapat beramai-ramai pada hari ini berpandangan wajah seperti di tahun-tahun yang lalu untuk meraikan Ulangtahun Hari Keputeraan Beta yang ke-38 dan selawat serta salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan juga kepada kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Beta dengan ikhlas mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Persatuan Penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom kerana mengadakan jamuan yang indah permai ini sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Beta yang ke-38.

Beta sesungguhnya merasa bangga pada mengetahui akan wujudnya semangat perpaduan dan persefahaman yang ditunjukkan oleh penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom yang walaupun jauh dari tanahair, tetapi telah sama-sama meraikan saat bersejarah apabila Negara Brunei Darussalam mencapai semula tarafnya sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat pada 1 haribulan Januari 1984 yang lalu. Beta berharap semangat sedemikian akan terus dipupuk dan dipelihara di masa akan datang.

Sebagaimana Awang-Awang dan Dayang-Dayang maklum, Kerajaan Beta pada bulan Januari tahun ini telah pun memberikan kenaikan kadar elaun penuntut-penuntut di seberang laut secara kebelakangan mulai 1 haribulan Januari 1983. Beta berharap penganugerahan itu akan menjadi daya pendorong kepada penuntut-

penuntut supaya akan dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada tanggungjawab masing-masing untuk belajar dengan lebih tekun dan gigih lagi bagi memperolehi kelulusan-kelulusan yang diperlukan oleh Negara Brunei Darussalam.

Di majlis yang bersukut baik ini, Beta dengan ikhlas ingin mengucapkan tahniah kepada penuntut-penuntut yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka dan berharap supaya mereka akan dapat pula memberikan khidmat bakti mereka kepada bangsa dan Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini. Kepada mereka yang masih belajar, sekali lagi Beta ingin menasihatkan supaya mereka akan dapat berazam dan bertekad mengikut pelajaran masing-masing dengan bersungguh-sungguh dan tidak akan mensia-siakan harapan Kerajaan dan ibu bapa mereka.

Beta merasa gembira pada mengetahui bahawa keadaan penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom, terutama yang bermastautin di Brunei Hall adalah lebih menggalakkan dari beberapa tahun yang lalu. Sungguhpun demikian, beta telah difahamkan masih terdapat beberapa masalah di kalangan penuntut Brunei di United Kingdom dewasa ini, yang antara lainnya ialah keputusan pelajaran mereka yang kurang memuaskan serta adanya beberapa perkara yang mungkin dapat mempengaruhi penuntut-penuntut seperti soal dadah dan ajaran-ajaran ugama yang bukan menurut Ahli Sunnah Wal- Jemaah. Dalam hubungan ini, maka Kerajaan Beta akan membuat beberapa usaha pada mengatasi masalah yang Beta sebutkan tadi dengan harapan supaya penuntut-penuntut akan dapat mencapai keputusan peperiksaan yang lebih baik dan disiplin yang lebih tinggi serta pengawalan pendirian yang lebih terjamin. Di samping itu, Kerajaan Beta juga akan berusaha pada memperkemaskan lagi Unit Pelajaran di London, supaya unit ini akan dapat bergerak sebagaimana yang dihasratkan. Melalui majlis yang mulia ini, Beta ingin mengingatkan kepada semua penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam di seberang laut bahawa Kerajaan Beta tidak akan ragu-ragu untuk menamatkan dermasiswa penuntut-penuntut yang lengah terhadap pelajaran mereka.

Beta sekali lagi ingin menasihatkan semua penuntut-penuntut Brunei di seberang laut supaya sentiasa berwaspada pada menjaga maruah dan nama baik Negara Brunei Darussalam dengan mempertahankan dan memelihara identiti ke Bruneian serta mengamalkan ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jemaah.

Pada mengakhiri ucapan Beta ini, Beta sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Penuntut-Penuntut Brunei di United Kingdom kerana bersusah payah mengadakan jamuan yang permai ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Di Majlis Kesyukuran Yang Diadakan Oleh
Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei
Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-38
Di Dewan Persantapan Lapau
Bandar Seri Begawan
Pada 19 Ogos 1984 Jam 7.50 Malam**

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengizinkan kita semua hadir beramai-ramai di malam yang berbahagia ini, selawat dan salam kepada Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Beta dengan ikhlas mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei kerana menjemput Beta ke majlis kesyukuran pada malam ini, sempena meraikan Ulang Tahun Hari Keputeraan Beta yang ke-38.

Di dalam ucapan Beta di majlis yang sama di tahun-tahun yang lalu, Beta sentiasa sahaja mengingatkan guru-guru akan pentingnya tugas dan tanggungjawab mereka dalam mendidik anak-anak bangsa menyempurnakan kelulusan mereka (murid-murid) untuk menjadi warganegara yang berguna di masa akan datang. Pada malam yang mulia ini, Beta sekali lagi ingin mengulangi dan menekankan peri mustahaknya tugas dan tanggungjawab tersebut terutama di masa Negara Brunei Darussalam sudah mencapai semula tarafnya sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat ini. Beta memandang serius terhadap perkara ini, kerana sistem pendidikan memainkan peranan yang besar dalam pembentukan masyarakat Negara Brunei Darussalam yang mana sistem tersebut didukung dan digerakkan sebahagian besarnya oleh guru-guru sendiri. Di samping itu, Negara Brunei Darussalam mempunyai 47 peratus penduduknya yang terdiri dari golongan muda yang berumur 18 tahun ke bawah yang kebanyakannya masih berada di bangku sekolah-sekolah di negara ini. Golongan muda sedang menghadapi arus perubahan iaitu perubahan ekonomi, sosial, politik dan persekitaran. Politik yang

Beta maksudkan, menurut fatwa orang-orang kuratu, pertama politik sihat, kedua politik jahat atau politik yang kurang sihat, ketiga politik hanya pandai melihat dan keempat politik ilat-muslihat. Kalau politik itu kurang sihat dan hanya pandai melihat dan lebih-lebih lagi politik jahat dan politik pandai melihat dan politik ilat-muslihat dan itu bukan politik.

Beta sukacita guru-guru yang benar-benar menjalankan tugas yang bertanggungjawab dan tulus ikhlas pada menyempurnakan kelulusan anak-anak bangsa untuk menjadi warganegara yang berguna yang mendatangkan kemanfaatan kepada rakyat dan Negara Brunei Darussalam. Mereka tidak pernah mengalami seperti apa yang dialami oleh penuntut-penuntut 30 atau 40 tahun yang lalu. Oleh itu, di sinilah letaknya tugas kerana Allah dan tanggungjawab guru-guru yang tulus ikhlas untuk menyampaikan pendidikan yang sempurna supaya generasi muda ini tidak hanyut oleh arus perubahan masa. Insyallah masa depan Negara Brunei Darussalam tidak syak lagi bergantung kepada kesempurnaan pendidikan yang mereka terima, baik formal atau pun informal kepada sikap dan nilai-nilai yang ditanamkan kepada mereka serta ajaran agama dan akhlak yang disampaikan kepada mereka. Walau bagaimanapun, Beta yakin dengan semangat kebruneian yang tulin dan dengan penuh dedikasi dan tanggungjawab, guru-guru semua dengan kerjasama seluruh anggota masyarakat akan dapat menyempurnakan tanggungjawab ini dengan jujur dan amanah kerana Allah dan demi kepentingan Negara Brunei Darussalam yang sama-sama dicintai ini.

Beta juga merasa gembira pada mengetahui bahawa lebih ramai lagi guru-guru yang berminat meninggikan ilmu pengetahuan akademik mereka dari setahun ke setahun. Akan tetapi, Beta ingin pula menasihatkan supaya tujuan yang mulia ini hendaklah diasaskan semata-mata untuk faedah anak bangsa sendiri, yakni jangan sampai matlamat untuk mendapatkan kelulusan-kelulusan itu hanya semata-mata untuk mencapai kepentingan tertentu seperti kenaikan gaji sahaja atau jangan sampai ianya menjejaskan tugas dan tanggungjawab untuk guru-guru sebagai pendidik bangsa.

Buat mengakhiri ucapan Beta ini, Beta sekali lagi mengucapkan
berbanyak-banyak terima kasih kepada Persekutuan Guru-guru
Melayu Brunei.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Semasa Majlis Kesyukuran Sempena
Ulangtahun Hari Keputeraan Yang Ke-38
Yang Diadakan Oleh
Dewan Perniagaan Tionghwa Brunei
Pada 1 September 1984**

Dengan ikhlas Beta mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Dewan Perniagaan Tionghwa Brunei kerana menjemput Beta ke jamuan yang indah ini pada meraikan Ulang Tahun Hari Keputeraan Beta yang ke-38.

Pada malam yang berbahagia ini, Beta ingin mencatatkan setinggi penghargaan kepada masyarakat Tionghwa di Negara Brunei Darussalam ini, di atas kerjasama serta sumbangan yang mereka hulurkan kepada Kerajaan Beta di dalam berbagai bidang kegiatan dan rancangan yang berkebajikan yang telah diungkapkan sepanjang setahun yang lalu. Kerjasama serta sumbangan itu dengan jelas membuktikan akan wujudnya semangat perpaduan, persefahaman dan suasana harmoni di kalangan orang-orang Tionghwa di negara ini yang telah pun terjalin dengan eratnya sejak bertahun-tahun yang lalu. Beta penuh berharap semangat serta suasana harmoni ini akan terus dipupuk supaya menjadi sehati sebagai amalan hidup sehari-hari.

Walau bagaimanapun, Beta ingin juga untuk mengingatkan sekali lagi kepada masyarakat Tionghwa dan masyarakat keturunan lain di negara ini khususnya jenerasi muda supaya akan terus berusaha pada menyesuaikan diri dengan keperluan-keperluan dan aspirasi Negara Brunei Darussalam dalam berbagai bidang kehidupan, selaras dengan kedudukan Negara Brunei Darussalam yang dengan izin Allah, Insha-Allah, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang demokratik.

Di dalam bidang ekonomi, Beta ingin mengulangi seruan Beta supaya pengusaha-pengusaha atau peniaga-peniaga Tionghwa akan terus berusaha menolong rakan-rakan mereka pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga tempatan. Beta percaya dengan kerjasama yang erat dan sikap tolong-menolong, bantu-membantu secara ikhlas, jujur dan amanah, Negara Brunei Darussalam yang mempunyai kestabilan politik yang mana Beta telah jelaskan maksudnya di majlis yang indah permai serupa ini anjuran Persekutuan Guru-Guru Melayu Negara Brunei, begitu juga mengenai dengan ekonomi yang kukuh akan terus berkembang maju untuk kemakmuran negara kita Brunei Darussalam yang mana Negara Brunei Darussalam masih banyak mempunyai hutan, rimba, belukar yang Kerajaan Beta akan berusaha bagi memajukannya. Oleh itu, pada mencapai matlamat ini sekali lagi Beta menekankan betapa mustahaknya kita mengekalkan kehidupan bersatu-padu, hormat menghormati dan sikap mengadun bekerjasama di antara satu dengan yang lain.

Mengenai dengan kerakyatan, ada banyak orang-orang memohon kerakyatan, sekurang-kurangnya untuk bermastautin di Negara Brunei Darussalam. Beta sukacita menyatakan syarat kerakyatan dari tempoh 30 tahun, selama 25 tahun tetap berada di dalam Negara Brunei Darussalam. Syarat yang dibuat oleh Kerajaan Beta yang sedemikian adalah cukup meluaskan masa berada di Negara Brunei Darussalam, kalau bersekolah lulus darjah yang tinggi. Kalau tidak bersekolah, dilazimkan berbahasa Melayu, selama 25 tahun itu mahir Bahasa Melayu.

Demikianlah, pada mengakhiri ucapan Beta ini, Beta berharap orang-orang Tionghwa di negara ini akan terus kekal memelihara suasana keamanan dan ketenteraman supaya kesejahteraan, kemakmuran dan kemerdekaan negara kita Brunei Darussalam ini akan dapat dimegahkan oleh segenap lapisan rakyat dan penduduknya (Negara Brunei Darussalam).

Beta sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Dewan Perniagaan Tionghwa Brunei pada mengadakan majlis yang permai ini.

Sekian, terima kasih.



Titah Di Majlis Konvokesyen Yang Diadakan Di Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Pada 18 Oktober 1984

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah, selawat serta salam ke-atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke-akhir zaman.

Beta berasa shukur, kerana dapat beramai-ramai dalam majlis mengoraniakan sijil-sijil kepada penuntut-penuntut yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka dari Maktab Perguruan ini, yang mana Beta di-fahamkan mereka itu telah pun mulai menjalankan tugas sebagai guru di-berbagai sekolah.

Beta penuh yakin, guru-guru menyedari akan betapa penting-nya pada menyempurnakan didikan dan tanggungjawab mereka, ya'ani guru-guru, terhadap masa depan negara kita Brunei Darussalam, khas-nya dari segi pembentukan bersungguh-sungguh mensesuaikan bangsa kita atau '*Nation Building*'. Pembentukan ini seharusnya-lah dapat meneruskan chorak kehidupan orang-orang Brunei yang sentiasa ta'at kepada Allah, setia kepada Raja dan chintakan perkembangan dan pembangunan negara serta masharakat yang seimbang.

Ada-lah menjadi hasrat kepada Beta dan Kerajaan Beta, supaya bidang pendidikan akan menjadi saluran pada memupuk ketinggian adunan ilmu pengetahuan yang baik yang mendatangkan kemunafa'atan kepada negara kita Brunei Darussalam, dan mendidik serta mengasuh kemuliaan budi-pekeriti, di-samping berupaya melahirkan sumber tenaga manusia yang kemahiran yang berguna bagi memikul tanggungjawab pembentukan dengan seberapa lutan masharakat yang maju.

Guru-guru bahkan semua pihak, harus-lah merasa terlibat dan sama-sama bertanggungjawab pada melutani dan mengadun, bagi mencapai mutu pendidikan yang selaras dengan keperluan kita bersama, ia-itu pendidikan yang berfaedah bagi kemajuan negara, dan pelajaran yang mendidik kesentosaan dan kesempurnaan hidup, ya'ani chara hidup yang bersendikan adat resam orang-orang Melayu

Brunei yang turun-temurun, serta persekolahan yang sekali-kali tidak mengabaikan asuhan Ugama Islam, dan juga pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan perkembangan dunia dan sepadan dengan kedudukan Negara Brunei Darussalam yang Beraja.

Menyedari akan penting-nya peranan pendidikan ini, maka Kerajaan Beta - sentiasa melakukan berbagai usaha, semata-mata bagi memastikan pencepaian ilmu pengetahuan yang chemerlang di-kalangan murid-murid dan penuntut-penuntut, dan untuk tujuan ini, Kerajaan Beta akan senantiasa memberikan perhatian supaya pemberian dermasiswa tidak akan di-sia-siakan. Di-samping itu, penuntut-penuntut yang tekun akan berpeluang mendapatkan sijil dengan cepat, ia-itu melalui peperiksaan yang di-adakan dua kali setahun. Peluang-peluang bagi melanjutkan pelajaran tinggi ada-lah terbuka kepada semua anak sekolah yang rajin melalui sistem dwi-bahasa.

Kerajaan Beta juga ada-lah sentiasa memberikan perhatian akan nasib guru-guru, ia-itu guru-guru yang berdedikasi dan menunjukkan khidmat adunan yang membanggakan. Dan untuk tujuan ini, berbagai ranchangan bagi meninggikan taraf akademik dan pendapatan guru-guru Insha Allah, sentiasa di-lakukan. Kursus meninggikan taraf guru-guru yang di-jalankan pada masa ini, akan di-ikuti lagi dengan lain-lain ranchangan, termasuk-lah untuk memberi peluang guru-guru mendapatkan kelulusan ijazah yang mana kemunfa'atannya kepada negara kita Brunei Darussalam. Sehubungan dengan ini, tawaran-tawaran sedang di-buat untuk sesiapa jua, termasuk guru-guru yang bersesuaian, bagi mengikuti kursus-kursus lanjutan Ijazah Sarjana atau Masters Degree, dan kursus Dokto Falsafah atau Ph.D. Di-dalam jangka panjang, Beta berharap, Insha Allah, bilangan guru-guru tempatan akan dapat memenuhi keperluan negara. Beta juga yakin, Kerajaan Beta akan dapat mengambil langkah-langkah apada menjadikan bidang perguruan itu sebagai kerjaya yang benar-benar di-gemari.

Bagi menggerakkan usaha-usaha mengemaskan lagi sistem pendidikan dan perguruan dari semasa ke-semasa, maka mulai awal tahun 1985, Insha Allah, Kursus Sarjana Muda Pendidikan atau Bachelor of Education, akan dilaksanakan sebagai langkah permulaan. Lain-lain kursus seumpama ini akan juga di-sediakan semata-mata dengan harapan agar kebolehan guru-guru di-bidang ilmu pengetahuan akan dapat di-pertingkatkan, dan sechara berperingkat-peringkat kursus seperti ini akan membolehkan

guru-guru yang bersesuaian untuk memperbaiki kedudukan mereka, selaras dengan perkhidmatan mereka yang sangat penting di-dalam pada mengadun masharakat yang ikhlas dan jujur. Dengan maksud sedemikian itu, maka mulai dari tarikh yang sama Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah adalah di-tinggikan dan di-tukar menjadi Institusi Pendidikan.

Dengan melafazkan “Bismillaahir Rahmaanir Raheem”, Beta isytiharkan penubuhan ‘INSTITUT PENDIDIKAN SULTAN HASSANAL BOLKIAH’ itu.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Di Majlis Sambutan
Maulud Nabi Muhammad S.A.W
Di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien,
Bandar Seri Begawan
Pada 6 Disember 1984**

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, segala puji-pujian kepada Allah Subhanahu Wata'ala seru sekalian 'alam, selawat dan salam kepada Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga Baginda, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke-akhir zaman.

Kita menguchapkan shukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang mana dengan limpah kurnia-Nya jua pada hari ini kita di-seluruh Negara Brunei Darussalam memperingati Hari Ulang Tahun Keputera'an Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam suasana bersyukur dan gembira dalam keada'an negara kita telah hampir setahun menikmati kedaulatan dan adunan kemerdekaan yang rampam. Dan ini-lah pertama kali-nya Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diadakan dalam zaman kedaulatan dan kemerdekaan negara kita Brunei Darussalam. Mudah-mudahan sempena kita memperingati hari yang berkat ini, dengan ikhlas, amanah dan takwa, kita memohonkan agar Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa menchurahkan rahmat-Nya kepada kita, dan menjadikan kita dan Negara kita Brunei Darussalam, sentiasa dalam keada'an tenteram, aman, selamat bahagia di-redai oleh Allah Subhanahu Wata'ala sepanjang masa.

Dalam hampir setahun kita menikmati suasana laila kemerdekaan, negara kita Brunei Darussalam telah terkenal di-seluruh dunia sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja, yang mempunyai chara-chara yang tersendiri dalam kehidupan-nya, dan di-hormati sebagai sebuah negara yang mempunyai pendirian dan pegangan yang kukuh berdasarkan ajaran-ajaran Islam menurut Mahzab Ahli Sunnah Waljema'ah.

Untuk menghayati dan menchapai dengan adunan sempurna nya konsep Negara Melayu Islam Beraja itu, kita semua-nya perlu mengambil langkah-langkah yang positif dan segera, pada mengawal dan memelihara Negara ini dari apa jua anasir-anasir yang bertujuan untuk menghalang kita dari menchapai chita-chita dan tujuan-tujuan yang berkebakikan di-landasan yang di-asaskan itu.

Dalam pada itu, kita di-Negara Brunei pada masa ini, sentiasa berhadapan sechara langsung dengan masa'alah-masa'alah antarabangsa yang membabit kehidupan Negara kita sechara fisikal dan moral. Di-antara masa'alah-masa'alah itu ada yang mengandongi anasir-anasir yang tidak sihat. Perkara-perkara yang sedemikian, jika tidak di-kawal dan di-jaga atau tidak di-sedari, ia boleh menimbulkan kesan timbal-balik yang kurang menyenangkan kepada kita, sama ada pada masa ini ataupun pada masa-masa akan datang. Oleh itu, kita hendak-lah sentiasa berwaspada dan berpegang teguh dengan ajaran-ajaran Ugama kita.

Thema Sambutan Maulud pada tahun ini berbunyi, “MEMELIHARA ISLAM ADALAH KEWAJIPAN KITA”. Thema ini ada-lah baik dan patut di-jadikan ingatan kepada kita semua, kerana Negara ini ada-lah sebuah Negara Islam. Islam di-jadikan chara hidup yang sempurna, dan segala peraturan-peraturan kehidupan di-Negara ini ada-lah berasaskan ajaran-ajaran Islam, maka memelihara Ugama Islam, dengan apa jua chara yang di-suruh oleh Allah Subhanahu Wata'ala, ada-lah juga bererti memelihara Negara ini. Apabila kita sama-sama menghormati memelihara dan menjalankan kehendak-kehendak Ugama Islam, maka Insha Allah, segala jejak langkah kita akan di-berkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala, seperti kalau untuk mengetahui eja'an jawi, banyakkan membacha mukadam, kalau untuk mengetahui eja'an rumi, banyakkan membacha rumanais supaya tidak ghalat bacha'an kita.

Langkah-langkah memelihara Ugama Islam itu memerlukan pengetahuan dan kepandaian serta kemahiran, dan ia perlu di-ranchang dengan teliti dan berhati-hati. Beta suka mengingatkan bahawa langkah-langkah pada memelihara Ugama Islam di negara

kita ini sebenar-nya telah di-jalankan sejak zaman berzaman, khas-nya atas inisiatif Paduka Ayahanda Beta, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, khusus-nya dengan menubuhkan sekolah-sekolah ugama rendah dan menengah dan Maktab Perguruan Ugama, dan menghantar penuntut-penuntut belajar Ugama keluar negeri, serta lain-lain ranchangan lagi, maka anak-anak Brunei dapat mempelajari Ugama dengan seluas-luas-nya, mengetahui hukum-hukum Islam dengan sebaik-baik-nya, dan mereka di-latih sechara praktikal pada menjalankan suruhan-suruhan Ugama itu.

Alhamdulillah, setelah lebeh dari 30 tahun, maka kesan sekolah-sekolah Ugama dan pelajaran-pelajaran Ugama yang tersusun itu telah dapat di-lihat sekarang ini dengan jaya-nya, di-mana pada umum-nya kesedaran berugama, kesedaran mempertinggi kekuatan Ugama. Insha Allah, kita akan menambahkan usaha-usaha pada menggalakkan perkembangan Ugama Islam dan memperkuat kedudukan Negara ini dalam semua keada'an yang benar-benar menuju kearah nama baik Negara kita Brunei Darussalam dan keada'an yang baik ini perlu di-beri sokongan dan di-pertahankan, kerana pelajaran Ugama adalah jenis pendidikan pada menjalankan tugas kerana Allah.

Beta perchaya dengan ada-nya sekolah-sekolah Ugama di-Negara ini yang bertujuan untuk mengembangkan pelajaran Ugama, maka akan timbul-lah keinsafan yang mendalam dan keinginan yang kuat untuk tetap menjalankan suruhan-suruhan Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhir-nya, bersempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ini, dan pada menjunjung berkat dan shafa'at daripada Baginda, marilah kita sama-sama memelihara keimanan kita kepada Allah, dan memelihara serta mempertahankan Ugama Islam dengan se-ikhlas-ikhlasnya.

Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Semasa Berangkat Ke Kota Jakarta,
Pada 22 Oktober 1984**

Bismillaahir Rahmaanir Raheem.
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Yang Mulia Bapak Gabenor DKI Jakarta,
tuan2 dan puan2 sekalian.

Alhamdulillah, Beta bersyukur kehadzarat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua Beta mendapat peluang untuk melawat Kota Jakarta yang indah permai ini.

Beta sangat berterima kasih kapada Yang Mulia Bapak Gabenor DKI Jakarta kerana mengundang beta ka-Balai Kota ini, dan seterusnya menyerahkan kunchi Kota Jakarta kepada Beta yang mana Beta sangat gembira menerima-nya dan Insha-Allah, akan menjadi kenangan manis kepada Beta.

Sekian Terima Kasih.



**Titah Di Majlis Santapan Negara,
Republik Indonesia Pada 22 Oktober 1984**

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Tuan Yang Terutama Presiden Soeharto,

Ibu Tien Soeharto,

Pembesar2 Yang Terhormat,

Para hadirin dan hadirat yang di-hormati sekalian.

Adalah dengan tulus ikhlas Beta berdua serta rombongan Beta dari Negara Brunei Darussalam h setinggi-tinggi terima kaseh kepada Tuan Yang Terutama Presiden Soeharto dan Ibu Tien Soeharto, pemerintah dan ra'ayat Republik Indonesia sekalian kerana telah mengundang Beta melawat Republik Indonesia. Beta juga sukacita mengambil kesempatan ini untok menchatitkan setinggi2 penghargaan kepada pemerintah Republik Indonesia dan ra'ayat Indonesia atas ucap selamat dan tahniah yang Beta telah terima bersempena dengan Kemerdeka'an Negara Brunei Darussalam pada 1 haribulan Januari 1984, dan Hari Kebangsa'an untuk mera'iekan Kemerdeka'an tersebut pada 23 haribulan Februari 1984 yang mana juga telah di-hadziri oleh Tuan Yang Terutama Presiden Soeharto selaku pemerintah dan Ibu Tien Soeharto bagi mewakili Kerajaan dan ra'ayat Republik Indonesia.

Di-majlis yang berbahagia ini, Beta tidak lupa juga merakamkan penghargaan Beta kepada Tuan Yang Terutama Presiden Soeharto selaku pemerintah dan ra'ayat Republik Indonesia atas sambutan meriah dan layanan mesra yang telah di-berikan sempena keberangkatan rasmi Beta ke-Republik Indonesia yang indah ini. Sesungguh-nya undangan Tuan Yang Terutama Presiden Soeharto bukan saja merupakan satu penghormatan kepada Beta, Kerajaan dan ra'ayat Negara Brunei Darussalam, bahkan ia-nya juga mencherminkan hubungan silaturahim yang erat lagi mesra di-antara kedua2 negara. Bagi diri Beta, lawatan ini akan menjadi satu kenangan manis yang tidak akan Beta lupakan.

Sebagai sebuah Negara kecil yang sedang membangun, ada-lah hasrat dan cita2 Negara Brunei Darussalam untuk giat berusaha bagi mencapai kemajuan sosio-ekonomi yang pesat dan stabil demi kepentingan ra'ayat di-dalam-nya serta di-negara2 jiran serantau. Di dalam hubungan ini, Beta sukachita mengambil perhatian akan kemajuan di-dalam bidang ekonomi dan sosio-budaya yang sedang di-nikmati oleh ra'ayat Republik Indonesia di bawah pimpinan yang bijaksana Tuan Yang Terutama Presiden Soeharto. Kemajuan Republik Indonesia di dalam usaha2 pembangunan dan industri telah menjadikan-nya sebagai salah sebuah negara yang terkemuka dan penting di-rantau ini. Berpanduan perkembangan yang menggalakkan dan juga Republik Indonesia yang merupakan salah sebuah negara yang terdekat, maka ada-lah menjadi harapan Negara Brunei Darussalam untuk mengembangkan kerjasama di-antara kedua2 negara kita, bukan saja di bidang sosio-budaya tetapi juga di bidang2 yang lain termasuk kerjasama teknikal, pendidikan, pertanian dan perdagangan.

Hubongan yang erat dan harmoni di-antara Republik Indonesia dengan Negara Brunei Darussalam telah sekian lama terjalin bukan saja kerana chiri2 yang sama dari segi pengalaman sejarah, tradisi, bahasa dan kebudaya'an, tetapi lebih penting lagi kita mempunyai aspirasi dan matlamat yang sama dalam meningkatkan persahabatan dan kerjasama untuk menchapai keamanan dan kemakmuran di-rantau Asia Tenggara ini. Ini ada-lah sejajar dengan harapan supaya ra'ayat Republik Indonesia dan ra'ayat Beta bersama-sama dapat terus menikmati kehidupan berketenteraman, keamanan dan keselamatan di-dalam suasana yang stabil agar boleh meneruskan usaha2 ke-arah pembangunan negara masing2.

Negara Brunei Darussalam, dengan izin Allah, Insha Allah, sangat-lah berpegang tegoh kepada prinsip mengekalkan serta mempertingkatkan keamanan, keselamatan dan kestabilan di-rantau Asia Tenggara ini. Berdasarkan prinsip ini-lah juga keraja'an Beta berazam akan sentiasa bersama2 dengan Negara2 ASEAN yang lain dalam memberikan sokongannya yang kuat terhadap konsep "*Zone of Peace, Freedom and Neutrality*" atau ZOPFAN, yang mana telah sejak lama di-sarankan oleh ASEAN. Kepercayaan penuh terhadap prinsip-prinsip ASEAN ada-lah merupakan salah satu kuasa pendorong utama bagi Negara Brunei Darussalam memasoki Pertubuhan ini. Negara Brunei Darussalam

akan sentiasa saja bersedia untok memainkan peranan yang positif di-dalam ranchangan2 dan aktiviti2 ASEAN, sesuai dengan semangat kerjasama ASEAN yang memberikan kemunfa'atan bagi keamanan, keselamatan dan kestabilan rantau Asia Tenggara dan dunia keselurohan-nya, Insha Allah. Dengan terwujud-nya rantau ini sebagai sebuah kawasan yang aman, berkechuali dan bebas daripada sebarang rupa bentok champor-tangan kuasa2 luar yang benar2 akan mengadakan anchaman ketenteraman kepada Negara Brunei Darussalam sama ada dekat mahu pun jauh, Insha Allah, Negara Brunei Darussalam akan dapat mencapai cita-cita dan aspirasi ra'ayat yang inginkan taraf kesejahteraan hidup yang lebeh baik dan sentosa.

Sebagai penutup, Beta dengan penoh gembira memberikan ucap selamat kepada Tuan Yang Terutama Presiden Soeharto dan Ibu Tien Soeharto. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberikan rahmat-Nya kepada Tuan Yang Terutama Presiden Soeharto dan Ibu Tien Soeharto, dan kepada seluroh ra'ayat Indonesia, semoga sentiasa dalam keada'an aman, ma'amor lagi bahagia.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah Semasa Keberangkatan Rasmi Ke Republik Arab Mesir Pada 17 Disember 1984

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Tuan Yang Terutama, Presiden Mohamed Hosni Mubarak,

Para jemputan yang terhormat.

Beta sukacita mengucapkan penghargaan yang tulus ikhlas terhadap sambutan yang meriah dan layanan yang baik yang telah diberikan kepada Beta berdua dan rombongan Beta dalam lawatan kami ke negara Tuan Yang Terutama yang agung dan bersejarah ini. Adalah mengenai dengan persoalan Palestin, Negara Brunei Darussalam telah menyatakan keyakinan-nya bahawa Insha Allah, penyelesaian yang adil bijkasana, kekal dan menyeluruh ke-jalan berkebajikan hanya akan dapat dicapai dengan mengambil kira akan hak-hak mutlak rakyat Palestin di-dalam menentukan masa depan negara Palestin mereka sendiri. Oleh yang demikian, kami meyokong sepenuh-nya Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) di-dalam perjuangan-nya untuk mendapatkan hak-hak rakyat Palestin.

Mengenai Afghanistan, Negara Brunei Darussalam seperti juga Republik Arab Mesir, mengambil perhatian yang berat bersama-sama dengan lain-lain negara yang cintakan kedamaian bagi menyeru pengunduran tentera-tentera asing yang benar-benar tidak diingini dari Afghanistan dan pengembalian semula Negara Afghanistan sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berkecuali.

Tuan Yang Terutama,

Ini hanyalah sebilangan masalah yang mengganggu Timur Tengah dan kawasan yang berdekatan. Negara Brunei Darusslam benar-benar menyedari akan peranan penting yang telah dan akan terus dimainkan oleh Republik Arab Mesir di-rantau ini, dan

usaha-usaha gigih dan pengorbanan-pengorbanan bermunafa'at, berkebakikan yang dibuat oleh negara Tuan Yang Terutama demi untuk perjuangan bangsa Arab. Kami ingin mendo'akan kejayaan Tuan Yang Terutama di-dalam usaha-usaha yang tidak putus-putus bagi mencapai penyelesaian yang adil bijakasana terhadap masalah-masalah di-rantau ini.

Berdekatan dengan tanah air kami di-Asia Tenggara, kami juga bimbang dan berhadapan dengan masalah yang mana penyelesaiannya adalah sangat penting bagi kedamaian dan kestabilan rantau tersebut. Demikian juga penyerbuan yang berterusan ke atas Kampuchea oleh tentera-tentera Vietnam. Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara – ASEAN yang mana Negara Brunei Darussalam adalah ahli-nya, telah pun mengemukakan cadangan-cadangan membena bagi pengunduran tentera-tentera Vietnam dari Kampuchea dan bagi rakyat Kampuchea memulakan perdamaian kebangsaan dan masa depan mereka sendiri. Walaupun pihak Vietnam berdegil dengan pendirian-nya, ASEAN masih tetap bersikap *flexible* dan cergas di-dalam mencari satu penyelesaian yang adil mudahan berkekalan.

Tuan Yang Terutama,

Di awal tadi, Beta telah menyentuh mengenai perhubungan yang mesra dan muhibbah di-antara kedua-dua negara kita. Beta ingin mencatatkan penghargaan yang tulus dan kesyukuran kami di-Negara Brunei Darussalam kepada Republik Arab Mesir kerana menerima penuntut-penuntut untuk mengikuti pengajian mereka di-institusi-intstitusi pengajian universiti-universiti ugama atas yang terkenal di-negara ini. Kami telah pun menghantar penuntut-penuntut ke-negara ini (Negara Mesir) selama lebih 20 tahun, dan kebanyakan mereka telah pun pulang ke tanah air dan sekarang ini memberikan sumbangan mereka kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun dengan hanya mempunyai bilangan penduduk yang kecil, rakyat kami berkehendakkan latihan untuk mendapatkan kemahiran. Bantuan yang berupa akademik dan latihan keagamaan yang diberikan oleh negara Tuan Yang Terutama kepada penuntut-penuntut kami adalah sangat besar nilai-nya kepada kami dan adalah sangat-sangat di-hargai. Beta dengan tulus ikhlas berharap lawatan Beta ini akan

membuka jalan bagi kerjasama yang rapat di-antara kedua-dua Kerajaan kita dan kerjasama ini akan dapat diperluaskan bagi meliputi bidang-bidang usaha kemunafa'atan.

Tuan Yang Terutama,

Sukacita Beta sekali lagi mengucapkan terima kasih yang tulus ikhlas kepada Tuan Yang Terutama dan melalui Tuan Yang Terutama, kepada Kerajaan dan rakyat Republik Arab Mesir di-atas layanan yang baik yang telah dihulurkan kepada kami.

Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah Semasa Keberangkatan Rasmi Ke Jordan pada 19 Disember 1984

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Yang Maha Mulia-Yang Maha Mulia,

Beta Bersyukur kehadzarat Allah Subhanahu Wata'ala dan amat gembira dapat peluang melawat negara Yang Maha Mulia yang indah moden bentukan lama ini, dan Beta sukacita mengucapkan terima kasih yang tulus ikhlas di atas sambutan yang meriah dan layanan ikhlas yang telah diberikan kepada beta berdua dan rombongan beta.

Beta juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Maha Mulia di atas sokongan persaudaraan yang dihulurkan kepada Negara Brunei Darussalam bagi kemasukan-nya ke Pertubuhan Persidangan Islam dan ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Yang Maha Mulia,

Walaupun terdapat jarak geografi yang memisahkan antara kedua negara kita, Insha Allah, namun ini tidaklah bermakna Beta dan Negara Brunei Darussalam tidak merasa sensitif terhadap masalah-masalah yang mengganggu Timur Tengah. Kami sesungguhnya menyedari akan peranan penting yang dimainkan oleh Kerajaan Jordan di dalam mencari penyelesaian yang adil dan mudahan berkekalan terhadap masalah-masalah ini dan terhadap kegigihan yang ulung Yang Maha Mulia sendiri pada menegakkan kebenaran perjuangan bangsa Arab, termasuk bangsa Palestin. Mengenai dengan persoalan yang sangat penting, yakni soal Palestin, Beta ingin mengingatkan bagai mengulangi yang Negara Brunei Darussalam mempunyai keyakinan seperti kebanyakan negara-negara di dunia bahawa perdamaian yang berkekalan di Timur Tengah dengan izin Allah dan Insha Allah, hanya akan dapat dicapai dengan mengambil

kira sepenuhnya akan hak-hak mutlak rakyat Palestin, termasuk hak mereka untuk menentukan masa depan mereka dan untuk mempunyai tanah air mereka sendiri.

Yang Maha Mulia,

Beta sesungguhnya berharap yang lawatan Beta ini akan membuka rantisan jalan bagi kerjasama yang lebih erat di antara Negara Brunei Darussalam dengan Yang Maha Mulia dan Kerajaan Jordan di dalam perkara-perkara yang mempunyai kepentingan-kepentingan bersama kemunafa'atan di antara kedua-dua buah negara kita.

Akhirnya, Beta berdua mengucapkan salam muhibah kepada Yang Maha Mulia berdua semoga Yang Maha Mulia berdua sentiasa berada dalam keadaan sihat dan bahagia dan juga bagi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Yang Maha Mulia.

Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Acceptance Speech By His Majesty The Sultan And
Yang Di-Pertuan Of Negara Brunei Darussalam
On The Occasion Of The Admission Of
Brunei Darussalam
As The 159th Member Of The United Nations**

Mr President. Distinguished Delegates,

On behalf of my delegation, permit me Mr. President to add our congratulations to those of other distinguished delegations on your election as President of this Thirty-Ninth Session of the General Assembly. With your rich experience and wisdom, my delegation is confident that you will able manage the proceedings and affairs of this Assembly successfully. I would like to thank you, Mr. President and distinguished delegates for your kind words of welcome.

I would also like to take this opportunity, Mr. President, to thank all members of the Security Council who scrutinised our application for membership of this organization and for their favourable endorsement. We are particularly grateful to the members of ASEAN and to the United Kingdom for jointly sponsoring our application. Last, but not least, we wish to thank all those member states who co-sponsored the resolution before this Assembly, welcoming our admission into the United Nations.

My country and my people, Mr. President, are grateful to you and to the nations of this assembly for the honour that this moment marks. It marks not only our accession to membership in this fellowship of nations, but also the international endorsement of sovereignty and integrity as a nation.

By most of the traditional ways of measuring, Brunei Darussalam is a small nation. Our land area is modest. Our population barely exceeds 200,000. Our national resources, though they are plentiful and valuable are not as great as those of some.

Despite these limitations, my country can offer the world several things which in my judgement are valuable.

First of all, experience: the perspective lent by a long and difficult history. We are a new nation, but an ancient country: one of Asia's oldest. Visitors to Brunei many centuries ago found an established social system with a rich and flourishing culture. Five hundred years ago, under the leadership of my ancestor Sultan Bolkiah, the fifth Islamic Sultan, Brunei played an important role in the spread of the Islamic faith in South East Asia.

So we have known pride and glory. But we have also experienced much pain: for three hundred years from the Sixteenth through the Nineteenth centuries, our land and our region were attacked by rampant piracy; a series of wars; the violence of those who called themselves explorers, but whom we knew as exploiters.

In this century, we have lived under the protection of an imperial power, albeit a benevolent one – Great Britain and for a time during World War Two, under military occupation by Japan.

In short, our country has known peace – but also war; wealth, but also poverty; energetic commerce, but also isolation; development, but also exploitation; self government, but also foreign rule. All this has been without benefit to us. It has taught us to appreciate the realities of this world. Hence my delegation wishes to assure this Assembly that our approach to the United Nations is a realistic one. We do not see the aims and objects of the United Nations Charter as mere abstract concepts. As a small nation and rich with experience, we really appreciate the moral and legal significance of these principles and will always strive to achieve congruence between these principles and our own conduct in world affairs.

We wish to assure this assembly that we accept fully the obligations enshrined in the United Nations Charter. Together with other member states we will always strive to realise these aims and objectives. We genuinely believe in the preservation of world peace through collective security. We endorse the promotion of economic development through mutual help. We will uphold the principle that each country has the inalienable right to establish its own form of government, without any form of outside interference, and always having regard to the prevailing circumstances in each country and the aspirations of its own people for a better standard of livelihood and well-being.

We have a major stake in the efficacy of international law, in the principles of the United Nations Charter and in the collective security system which the United Nations represents. I therefore assure you, Mr. President, on behalf of my delegation that you will not find us wanting should our adherence to these principles ever be put to the test in future.

My delegation is conscious that there is a substantial body of opinion that maintains that the United Nations has fallen far short of expectations of its members, yet others suggest that it is becoming irrelevant. We believe that this is not because there is anything wrong with the ideals of the United Nations. We believe that the effectiveness of the United Nations depends on its members. It can only be as effective as its member states will allow it to be. For us small states, we need the United Nations more than others. But this is not to say that my delegation will be uncritical. When the need arises we will be critical, but we will not be intemperate in language nor lacking in objectivity.

We will support practical measures and we will not make propositions which violate the very norms which we profess to uphold.

We live in a world in which violence is a fact of life. In South East Asia, peace, security and stability is being threatened by forces that are disregarding the basic principles of the United Nations Charter. I refer, of course, to the armed invasion and continued occupation

of Kampuchea by Vietnamese forces, disregarding the principle of non-interference in the international affairs of other states; and in violation of international law and normal standards of international behavior.

In the Middle East, the continued denial of the legitimate rights of the Palestinian people constitutes to core of the problems of that region. Brunei Darussalam remains steadfast in her conviction that a just, lasting and comprehensive solution must take into account the legitimate rights of the Palestinian people to self-determination in their own State of Palestine. We also support the Palestine Liberation Organization as the sole representative of the Palestinian people. Brunei Darussalam joins other nations in opposing the continued Israeli occupation of Arab lands including Southern Lebanon.

We would also wish to express our deep concern at the continuing conflict between Iran and Iraq which conflict has cost thousands of lives and untold human sufferings and destruction of both sides. Brunei Darussalam joins other Muslim countries in earnestly calling upon the two nations to halt the war and settle their disputes peacefully in the interest of Islamic solidarity.

With regard to the situation in Afghanistan, Brunei Darussalam shares the indignation and concern of the majority of the nations of the world and calls for the withdrawal of foreign forces from Afghanistan and for respect for the right of self-determination of the Afghan people and the restoration of an independent non-aligned Afghanistan.

Mr President, as we are all aware, the Charter of the United Nations, among its provisions, calls for the promotion of the economic and social advancement of all people. Yet in South Africa the government continues to pursue its inhuman system of racial discrimination. Brunei Darussalam like other freedom-loving nations, strongly deplores the repressive policies and practices of the South African Government.

We wish also to express our support for the people of Namibia in their struggle for liberation from South African colonialism and for complete independence for Namibia.

Small countries like us want peace but we see a world where others want to settle issues by force of arms. We have no other hope than to look up to the moral and persuasive authority of the United Nations and its machinery for the maintenance of peace and security. We will of course, endeavor to build up our defences to the extent that men and resources will permit us, but we believe that in the world of today the collective strength of the United Nations is the ultimate hope for us small countries. We firmly believe that the security and well-being of our country can only be assured on the basis of strict adherence to the basic principles of the United Nations Charter. For small countries like us, world peace is a necessary pre-condition for our economic and political survival.

My delegation would also like to place on record our appreciation for the cooperation, friendship and support which our neighbours in the ASEAN region have extended to us. Even before we assumed full responsibility for our external affairs, the five member countries of ASEAN extended us their hand of friendship and cooperation. They encouraged us to get acquainted with matters of diplomacy and regional cooperation. As their efforts to strengthen regional peace, progress and prospects are entirely consistent with our own hopes and aspirations, we are now a part of ASEAN. As a new member of ASEAN will naturally work together to strengthen these bonds. We seek to strengthen the degree of cohesion among ASEAN members by preventing external interference and containing intra-regional differences. But we will still look to the United Nations to discharge effectively its responsibility for the maintenance of international peace and security in our region. For the unresolved foreign intervention and occupation of Kampuchea in violation of United Nations Charter principles, causes my delegation grave concern.

Mr. President, we need peace for more reasons than one. We have the resources to give our people a better life. Anyone who has visited Brunei Darussalam will vouch for the advancements that have been made in so many fields of endeavor for the well-being of our people. We have devoted our resources to free education, subsidized food and fuels, pensions for the aged and widowed, medical and health care including a flying doctor service and earnings without income tax. These and many other services are all provided to protect the citizen's welfare. We wish to be left alone, and free from foreign intervention. We want to build our country and give our people an even better life. We wish to see the realization of our aims for accelerated economic growth, social progress and cultural development. At the same time we need to develop productive sectors in agriculture, forestry, fisheries and manufacturing.

We are determined to continue to modernize our country while keeping faith with the principles of our ancient faith – Islam.

We are confident of the possibilities of success, because we have before us the example of my father, His Royal Highness The Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien, the 28th Sultan of Brunei Darussalam and the Architect of Modern Brunei. He began the modern development of Brunei; its successful commercial relations, its new buildings, its educational, religious and social welfare institutions. He held to the goal of national independence despite pressures to make other choices. He set before us the challenges of re-investing our wealth to create other sources of wealth and well-being for our people.

Mr. President, in our task of nation-building and development we need the United Nations to ensure peace and stability. We will also need much assistance. We will need training in specialized fields. We will need experts and technical expertise. We will need to acquire skills. We will turn to the United Nations and its agencies for such help as we may require. My delegation sincerely hopes that we will be able to secure such help when needed. In return, if there is any way in

which my small country can be of assistance to the United Nations, we will endeavor to do our best when called upon to do so.

Thank you, Mr. President.



Kumpulan Titah

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanah Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Tahun 1985**

Titah Pada Menyambut Tahun Masihi 1985 Melalui Siaran Radio Dan Televisyen, Negara Brunei Darussalam

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, salawat serta salam ke-atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke-akhir zaman.

Kita bershukur kehadzarat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya kita telah dapat melalui tahun 1984 yang baru kita tinggalkan ini dengan menikmati keamanan, ketenteraman dan mengikhtiarkan kemajuan bagi menambahkan kemakmuran di-dalam suasana negara kita mencapai semula taraf-nya sebagai sebuah negara yang penoh merdeka lagi berdaulat. Ini telah dapat di-chapai dengan usaha Kerajaan kita serta dengan kerjasama yang di-berikan oleh seluruh rakyat kita Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, kita ingin mengingatkan kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bahawa dengan terchapainya semula kemerdekaan itu, bukanlah bererti tugas kita telah selesai setakat itu. Kemerdekaan yang kita chapai semula itu ada-lah merupakan hanya satu detik dalam sejarah negara kita yang terchinta ini. Pada detik tersebut, maka terchatet kenyataan yang Negara Brunei Darussalam telah menchapai semula kemerdekaan dalam suasana aman tenteram. Bagi masa depan pula yakni mulai dari sekarang, ada banyak lagi tugas2 dan kewajipan yang perlu kita laksanakan dengan sempurna demi untuk kebajikan anak chuchu dan keturunan kita di-masa yang akan datang. Dalam melaksanakan tugas2 dan kewajipan itu, barang setentunya kita akan menghadapi berjenis2 chabaran dan rintangan. Oleh itu, ada-lah mustahak bagi kita semua di-Negara Brunei Darussalam ini membaharui tekad serta azam untuk berusaha serta bertawakkal kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada mengatasi chabaran2 dan rintangan2 itu dan mudah-mudahan usaha-usaha kita yang berkebajikan itu akan mendapat keredaan Allah jua.

Di-samping itu, kita juga ingin menekankan sekali lagi akan peri mustahak-nya bagi rakyat dan seluruh penduduk negara ini untuk hidup bersatu-padu di dalam keadaan yang bersefahaman dan saling bekerjasama dan akan sentiasa berwaspada terhadap apa jua anasir yang chuba untuk mengachau keamanan dan merosakkan kedaulatan negara kita yang terchinta ini.

Bersempena dengan tahun baru 1985, kita ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan kita di-semua peringkat yang telah menjalankan tugas masing2 dengan sempurna dan jujur lagi amanah, dan kita berharap mereka akan terus memberikan perkhidmatan yang chekap, jujur dan amanah dalam erti kata yang sebenar2-nya tugas kerana Allah untuk kemajuan Negara kita Brunei Darussalam. Kita juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua mereka yang bekerja di-sektor persendirian atas sumbangan yang mereka berikan dan hendak-lah usaha-usaha yang berkebajikan itu terhadap kemajuan Negara Brunei Darussalam sebagai ibadah kita semua.

Pada sa'at yang berbahagia ini, mari-lah kita sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan rahmat-Nya kepada Negara Brunei Darussalam dan isi dalam-nya supaya semua usaha berkebajikan yang kita laksanakan bagi kemajuan ini akan dapat di-sempurnakan untuk kemakmuran Negara Brunei Darussalam.

Akhir-nya, kami dan ahli2 keluarga kami dengan sukachita mengucapkan shukur dan Selamat Tahun Baharu kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Di Majlis Sambutan Ulangtahun Pertama Hari
Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Di Stadium
Negara Hassanal Bolkiah
Bandar Seri Begawan
Pada Hari Sabtu 23 Februari 1985**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamua'alaikum warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataa'ala, seru sekalian 'alam, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat Baginda, sahabat-sahabat dan para pengikut baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, kerana semenjak Negara Brunei Darussalam mengambil alih semula tanggungjawab penuh sebagai sebuah Negara merdeka lagi berdaulat pada tahun lepas, rakyat dan penduduk Negara ini terus-menerus dapat menikmati keadaan sosio-politik dan ekonomi yang mantap dan berkembang maju. Kerajaan kita juga dengan sokongan rakyat serta penduduk yang sentiasa bersatu-padu telah membuktikan keupayaannya memikul tanggungjawab sepenuhnya sesuai dengan taraf negara merdeka.

Kita juga telah diterima menjadi ahli penuh kepada berbagai-bagai pertubuhan antarabangsa pada misalnya ASEAN, OIC, Pertubuhan Negara-Negara Commonwealth dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Alhamdulillah, secara beransur-ansur kita telah dapat memainkan peranan yang aktif dan berkesan dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa itu sesuai dengan sikap dan pendirian serta konsep Negara Brunei Darussalam. Insya Allah, Brunei Darussalam dari semasa ke semasa akan meneruskan pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur-tangan dari luar negeri.

Perhimpunan yang diadakan pagi ini adalah di-maksudkan sebagai Perbarisan Perpaduan. Ini amatlah bersesuaian lebih-lebih lagi pada awal zaman Negara kita menikmati semula kemerdekaan yang penoh lagi berdaulat. Perpaduan dalam erti-kata yang sebenar-benarnya akan dapat menjamin perkembangan dan kemajuan sesebuah negara itu. Oleh itu, adalah mustahak bagi seluruh rakyat dan penduduk Negara ini supaya hidup bersatu-padu di dalam keadaan yang bersefahaman. Saling bekerjasama dan hormat-menghormati di antara satu dengan lain. Adalah sebaik-baik amalan bagi mereka untuk terus-menerus mempunyai sikap hidup berdisiplin supaya perpaduan yang sudah sedia ada itu akan dapat dipertahankan dan akan terus dipelihara dan dipupuk di antara berbagai puak keturunan yang mencurahkan taat setia kepada Raja dan Negara ini. Apa jua anasir-anasir yang ingin menimbulkan salah faham dan kucar-kacir dikalangan masyarakat kita hendaklah dicegah supaya niat dan perbuatan mereka yang jahat itu akan dapat dipatahkan untuk selama-lamanya.

Bersempena dengan Sambutan Ulangtahun Pertama hari kebangsaan Negara kita ini, kita sukacita mencatatkan penghargaan kita kepada pegawai-pegawai dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei serta Pasukan Keselamatan yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka yang berat pada mempertahankan keselamatan dan menjaga kesejahteraan kita. Kita juga tidak lupa mengucapkan terima kasih dan tahniah kita kepada semua Pegawai-pegawai dan seluruh kakitangan dalam Perkhidmatan Awam kerajaan kita yang telah bekerja dengan tekun dan rajin dan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang cintakan keamanan dan kedamaian yang telah memberikan sumbangan dan kerjasama kepada Kerajaan kita dalam usaha-usahnya yang berkebakikan dan munafaat. Disamping itu, kita ingin jua mengambil peluang untuk mencatatkan penghargaan kita kepada semua yang telah melibatkan diri dan menyumbangkan tenaga di dalam menyempurnakan aturcara perayaan pada pagi ini, terutama kepada jawatankuasa yang berkenaan dan juga kepada mereka yang telah mengambil bahagian pada menjayakan perayaan ini.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah Subahanahu Wata'ala akan terus melimpahkan rahmat-Nya kepada Negara Brunei Darussalam dan segala manusia isi di dalamnya, supaya semua usaha-usaha berkebajikan yang kita laksanakan bagi kepentingan dan kemajuan Negara ini akan dapat disempurnakan dan akan mendapat keredaan Allah jua.

Sekian Wabillahit Taufiq Wal-hidayah, Wassalam 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Di Majlis Upacara Pembukaan Rasmi
Pesta Sukan Merdeka 1985,
Bertempat Di Stadium Negara Hassanal Bolkiah
Pada Hari Ahad
2 Rejab 1405 Bersamaan Dengan 24 Mac 1985**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, dan selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu'alaihi Wasallam serta Sahabat-Sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Kita mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah serta rahmat dan dengan izin-Nya jua dapatlah kita berkumpul beramai-ramai, bertemu wajah sambil kenal-mengenal di antara satu dengan yang lain di upacara yang indah lagi permai ini.

Semenjak terbinanya Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang mana telah disempurnakan perasmianya pada 23 hari-bulan September 1983, beberapa upacara yang gemilang dan meriah telah pun dilangsungkan di Stadium ini. Di antara upacara-upacara bersejarah yang telah diadakan itu ialah Upacara Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 haribulan Februari 1984, dan diikuti pula dengan sambutan Ulangtahun Pertama Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang telah diadakan baru-baru ini.

Alhamdulillah, kini satu lagi upacara yang tidak kurang pentingnya akan berlangsung di sini, yakni Pesta Sukan Merdeka, yang mana antara tujuannya ialah bagi memperingati Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Dengan terlaksananya Pesta Sukan Merdeka ini, maka Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam telah maju setapak lagi

dalam membuktikan kemampuannya bagi mengendalikan acara sukan yang bertaraf antarabangsa buat julung-julung kalinya diadakan di Negara ini. Bagi ahli-ahli Sukan Negara, pesta sukan ini merupakan satu peluang untuk mereka mengambil bahagian dalam acara-acara sukan yang di-pertandingkan. Namun begitu sukan ini bukan hanya bertujuan untuk merapatkan silaturrahim, persefahaman dan perpaduan di kalangan semua ahli-ahli sukan, tetapi juga merupakan suatu kesempatan bagi ahli-ahli sukan tanah air untuk membuktikan kebolehan serta kecekapan mereka di samping menambah pengalaman dalam sukan yang bertaraf antarabangsa. Hendaklah kesempatan itu di-ambil dengan sebaik-baiknya pada meninggikan lagi mutu dan prestasi kesukanan.

Sebagaimana yang kita telah difahamkan bahawa selain daripada penyertaan ahli-ahli sukan tanah air, ahli-ahli sukan yang berpengalaman daripada kelima-lima negara ASEAN yang lain telah juga diundang untuk menyertai dalam kesebelasan acara sukan yang dipertandingkan. Adalah diharapkan agar setiap peserta bukan hanya settakat untuk menyertai acara sukan saja atau hanya untuk memperolehi kemenangan bahkan juga mensifatkannya sebagai satu asas perpaduan di kalangan para peserta anggota ASEAN semua, tanpa membabitkan hal-hal sosial dan politik negara masing-masing.

Saperti yang sering kita dengar dan perhatikan bahawa sukan itu boleh menghindarkan daripada aktiviti-aktiviti yang kurang sihat kerana kegiatan ahli sukan bnayak tertumpu kepada usaha untuk memperbaiki prestasi mereka masing-masing bagi sama-sama meninggikan lagi imej negara dengan semangat kesukanan yang tulen serta hormat menghormati.

Pertandingan sukan yang seumpama ini boleh dianggap sebagai suatu tradisi yang sebaik-baiknya, kerana walau betapa pun penatnya setelah beradu kebolehan serta kecekapan dalam pelbagai acara sukan, semangat kesukanan yang kukuh serta padu akan sentiasa wujud di sanubari para ahli sukan yang benar-benar dedikasi dan bertanggungjawab. Di samping itu, kesihatan tubuh badan dari segi fizikal dan mental adalah merupakan kunci penggerak kepada

kemajuan sosial dan bernegara, di mana ianya akan dapat memupuk semangat persefahaman di antara satu dengan yang lain. Selain daripada itu, ianya juga boleh bertindak sebagai asas menyatupadukan golongan ahli sukan di peringkat amaturnya dan profesional dengan para pemimpin sukan yang berkhidmat secara suka-rela.

Kita dengan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa Penyelenggara Pesta Sukan Merdeka kerana telah berkeupayaan dalam mengumpulkan ahli sukan dari keenam buah negara ASEAN untuk sama-sama menyertai dalam pesta Sukan Merdeka ini. Di atas usaha ini juga, kita memberi penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan kita, pihak swasta, orang-orang perseorangan dan juga kepada semuanya yang terlibat sejak dari peringkat persediaan sehinggalah ke peringkat pelaksanaan Pesta Sukan Merdeka ini. Semoga usaha yang berkeabajikan ini akan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Kita sukacita juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada semua peserta dan pegawai-pegawai sukan daripada negara-negara sahabat yang ada bersama-sama dengan kita pada hari ini.

Dengan mendahulukan kelimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim' dengan sukacitanya "Pesta Sukan Merdeka Tahun 1985", kita rasmikan pembukaannya.

Sekian. Wabillahit-Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Di Majlis Pertandingan Membaca
Kitab Suci Al-Quran Peringkat Negara
Di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien,
Bandar Seri Begawan
Pada 3 Syaaban 1405 / 23 April 1985**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam bagi junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat baginda, sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kita pada malam ini dapat lagi berkumpul bersama-sama dalam suatu majlis yang penuh dengan kebajikan dan berkat, sebagaimana juga di tahun-tahun yang sudah.

Tetapi, pada tahun ini ada satu kelebihan yang membanggakan kita iaitu sebagaimana kita telah difahamkan bahawa pertandingan kali ini ialah pertandingan yang ke-25 yakni genap 25 tahun kita mengadakan pertandingan membaca Al-Quran bagi Negara Brunei Darussalam iaitu suatu jangka masa yang agak panjang juga dan dengan demikian ia telah menjadi salah satu cara kita menghayati Al-Quran.

Pertandingan dan pelajaran-pelajaran Al-Quran di negara ini, antara lain merupakan usaha kerajaan kita yang terus-menerus pada meninggikan mutu bacaan Al-Quran itu sendiri, serta juga untuk kepesatan pelajaran agama yang lebih menjamin dari segi amalan-amalan fardu 'ain dan ibadat umat Islam. Kita berharap kesempatan dan peluang yang telah dan sedang diberikan dengan luasnya oleh kerajaan kita dalam bidang-bidang keagamaan hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya, terutama oleh generasi baru, yang menjadi harapan masa depan Negara Brunei Darussalam, bagi mendapatkan sebanyak-banyaknya kemahiran di bidang pembacaan Al-Quran dan juga kefahaman yang betul mengenai ajaran-ajaran agama Islam serta menghayatinya dengan penuh kesedaran.

Menyentuh generasi baru ini, boleh dikatakan bahawa semua negara di dunia, masing-masing menghadapi masalah belia-belia mereka. Setengah daripada masalah-masalah itu amat membimbangkan kita sebagai suatu bangsa yang berkehendakkan kehidupan yang stabil dan berbudi pekerti.

Sebahagian belia-belia pada setengah-setengah tempat atau negeri tidak lagi menjadi ejen kebajikan, tetapi menjadi beban yang berat kepada negara mereka, tidak lagi menjadi kebanggaan bangsa tetapi bertukar menjadi kebencian umum pula, iaitu setelah belia-belia itu bersikap liar dan menjadi ancaman kepada negara, serta menjadi penyebar kerosakan dan penyakit sebagai pelanggar tata-susila dan budaya yang sopan lagi senonoh.

Bagi memastikan pendidikan yang sempurna yang berasaskan ajaran-ajaran Al-Quran yang secocok dengan tema pada malam ini, maka ketinggian ilmu pengetahuan hendaklah digandungi oleh kemuliaan budi pekerti supaya dengan yang demikian tercapailah pendidikan yang bermanfaat kepada kemajuan Negara Brunei Darussalam melalui tenaga manusia yang jujur lagi ikhlas. Ke arah cita-cita tersebut dan sebagai lanjutan kepada kursus Sarjana Muda Pendidikan yang sedang dikendalikan oleh Institusi Pendidikan Sultan Hassan al-Bolkiah pada masa ini, kerajaan kita, melalui Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, insya-Allah, mulai tahun ini akan meluaskan lagi kursus-kursus Sarjana Muda itu meliputi beberapa mata pelajaran yang mana akan memberikan kemudahan yang lebih luas dalam bidang pengajian tinggi di negara ini sendiri. Dalam ertikata lain, insya-Allah, kerajaan kita akan menubuhkan sebuah universiti di Negara Brunei Darussalam pada tahun ini dengan memulakan kursus-kursus yang mengandungi berbagai-bagai mata pelajaran itu mulai akhir tahun ini.

Oleh kerana itu, dengan penuh kesedaran serta penuh keimanan, kita hendaklah meletakkan Al-Quran itu ditempatnya yang paling tinggi sebagai dasar pedoman pendidikan bangsa supaya kita tidak terumbang-ambing dirosakkan oleh ciri-ciri kehidupan yang liar, yang sudah mula ingin memenuhi setiap ruang masa dan keadaan hari ini. Adalah mustahak bagi kita mempelajari dan menyedari akan dasar-dasar pendidikan Al-Quran, kerana tugas ini adalah merupakan suatu kewajipan yang terbesar bagi kita masyarakat Islam. Kita percaya bahawa hanya dengan menerima dan mengamalkan isi pendidikan Al-Quran dan dibantu oleh cara-cara dan kaedah

yang sesuai dengan zaman sekarang ini, maka keselamatan dan kesejahteraan akan sentiasa dapat kita perolehi, yakni keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Untuk mengakhiri ucapan kita ini, marilah kita sama-sama terus berusaha dan berharap serta berdoa mudah-mudahan usaha-usaha kita yang tekun lagi jujur ke arah meninggikan syiar agama Islam di Negara Brunei Darussalam ini, akan sentiasa diberkati dan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Di Majlis Pembukaan Rasmi
Pusat Da'wah Islamiah
Pada 1 Muharram 1406 / 16 September 1985**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala limpah rahmat-Nya yang dengan izin-Nya jua membolehkan kita beramai-ramai hadir di majlis yang bersejarah bersempena sukut yang baik awal tahun 1406 Hijrah ini. Selawat serta salam ke atas Nabi Besar kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kerabat dan sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Kita merasa bersyukur dan gembira kerana satu lagi projek kerajaan iaitu Bangunan Pusat Da'wah Islamiah telah berjaya disiapkan dalam usaha kita mempertinggi dan memperkuat syiar agama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Dengan adanya Pusat Da'wah Islamiah ini kita yakin usaha-usaha kita untuk menjadikan Islam sebagai “UGAMA YANG UTAMA” di Negara Brunei Darussalam, akan berjalan dengan lebih licin dan sempurna. Maka untuk mencapai tujuan-tujuan ini sangatlah kena pada tempatnya bagi Pusat Da'wah Islamiah ini menjadi sebuah institusi perkembangan dakwah Islam di negara ini, dan mempertinggi pengetahuan rakyat berhubung dengan ajaran-ajaran Islam. Kita juga berharap supaya diadakan kerjasama dan pertukaran maklumat-maklumat dengan negara-negara Islam yang lain berhubung dengan perkembangan dakwah Islam secara teratur dan berkesan untuk menambahkan berkesannya usaha ke arah pencapaian tujuan-tujuan itu.

Kita yakin bahawa dakwah Islam yang di-jalankan dengan cara teratur dan berkesan, akan menambahkan kefahaman orang mengenai Islam dan dengan demikian memudahkan umat Islam menghayatinya dengan sepenuh keimanan dan membuka lebih banyak jalan kepada orang lain untuk menganuti Islam di negara ini.

Kita percaya, usaha-usaha penyebaran dakwah Islam hanya akan dapat berjalan dengan teratur dan berkesan, jika dijalankan berdasarkan ilmu pengetahuan yang sihat dan cara-cara yang sesuai dengan peredaran zaman dan keadaan masyarakat yang dihadapi. Sebagaimana dimaklumi bahawa Islam adalah agama yang menggalakkan penganut-penganutnya menuntut ilmu pengetahuan yang sihat untuk menjadi bekalan hidup di dunia dan akhirat.

Memandangkan tujuan Pusat ini sangat besar maka perlulah pegawai-pegawai menjalankan tugas-tugas mereka dengan jujur dan gigih dengan kerjasama pegawai-pegawai jabatan lain serta seluruh umat Islam di negara ini, demi meninggikan syiar agama Islam, dan meningkatkan taraf pemikiran dan ilmu pengetahuan rakyat negara ini.

Kita difahamkan bahawa bersempena dengan pembukaan Pusat Da'wah Islamiah ini satu seminar berhubung dengan "Kefahaman Akidah Ahlus Sunnah Wal-Jamaah" akan diadakan selama empat hari. Dengan berlangsungnya seminar ini. Kita berharap pegawai-pegawai Kerajaan khasnya, dan umat Islam negara ini umumnya, akan dapat meningkatkan kefahaman mereka terhadap akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan memperkukuhkan akidah mereka.

Dengan tingginya pengetahuan dan kukuhnya akidah, maka teguhlah keimanan dan ketakwaan kita, untuk membolehkan kita menghayati suruhan-suruhan agama terutama amalan ibadat sehari-hari dengan sempurna, di samping dapat mengenali larangan-larangan agama dengan pasti serta dapat menjauhkan diri dari larangan-larangan itu dengan perasaan yang tetap.

Seminar seumpama ini memanglah sesuai diadakan kerana Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Islam yang mengamalkan mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Dengan seminar ini dapatlah para peserta yang terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan yang bertanggungjawab menjalankan dasar-dasar dan pentadbiran kerajaan, memahami seluas-luasnya akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah itu. Dengan demikian, mereka akan dapat mempertahankan akidah mereka dan menjauhi pengaruh dan aliran mazhab yang selain daripada Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Sebagaimana juga dimaklumi bahawa satu Peraduan Menulis Khat Asean dan Pameran Perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam diselajurkan dengan pembukaan Pusat ini.

Kita percaya, Peraduan Menulis Khat bagi peserta dan pencinta-pencinta tulisan jawi di Negara-Negara ASEAN adalah merupakan satu usaha Negara Brunei Darussalam dalam memperkembangkan penggunaan tulisan jawi.

Alhamdulillah, sejak pengumuman bagi penubuhan Universiti Brunei Darussalam, usaha-usaha ke arah penubuhan itu telah berjalan dengan lancarnya termasuklah aspek-aspek akademik, fizikal, pemilihan pensyarah-pensyarah serta penuntut-penuntut, maka dengan pencapaian ini, insya Allah, Universiti ini akan memulakan kursusnya mulai dari hari Isnin, 28 haribulan Oktober 1985. Kita berdoa mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa mengurniakan keredhaan-Nya.

Dengan mendahulukan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, maka dengan ini kita rasmiakan Pembukaan Pusat Da'wah Islamiah dan Pameran Perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam ini.

Walbillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah Di Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Komanwell Di Maldives Pada 1 – 2 Oktober 1985

Bismillahir Rahmanir Rahim

Your Excellency President Maumoon Abdul Gayoom,
Your Excellency Secretary-General Shridath S Ramphal
Distinguished Delegates

It is a great honour for me to be given the opportunity to address this distinguished gathering.

At the outset I wish to express my sincere thanks to you Mr President for inviting me to attend this meeting of Commonwealth Finance Ministers and thus giving me the opportunity to make new friends and to meet old ones.

Like many countries of the commonwealth, Brunei Darussalam is a small nation. Our land area is modest, our population small, and our resources are not as abundant as those of some member countries. Nevertheless the hopes and aspirations of our people for an even better life are no less intense than those of others. We are only too well aware that we live in an increasingly inter-dependent world, in which problems faced by some countries are also felt by others and in which the current economic situation and prospects for growth, especially in the developing countries of which Brunei Darussalam is one, are at best uncertain.

It is my country's declared policy to work together with all our friends and allies towards the achievement of peace, economic progress and friendship among nations. It is therefore my hope that the deliberations and recommendations of this meeting will point the way towards helping to ease the more pressing economic difficulties being faced by developing countries of the commonwealth.

In conclusion, I wish to express my deep appreciation to you Mr President, your good government and the people of the Maldives for the warm welcome and generous hospitality extended to me and my delegation, and for the meticulous arrangements for our comfort and well-being while on these beautiful island of the Maldives.



**Titah Di Majlis Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan
Komanwell Di Nasau Bahamas
Pada 15 – 22 Oktober 1985**

Mr. chairman, distinguished colleagues,

I have read with great interest the report of the Commonwealth Consultative Group dealing with small states, and I am impressed by its depth and thoroughness.

My colleagues will have observed that Brunei Darussalam stands alone in Asia in being classified as a small state having a population of just over two hundred thousand and a land area of slightly more than two thousand square miles.

Brunei Darussalam shares the concern of its fellow small states about the future. Given its location, Brunei is especially sensitive to developments in South-East Asia, and particularly to any which threaten the stability and prosperity of our region. This sensitivity is felt not just by Brunei, but also by our partners in the Association of South-East Asian Nations – ASEAN. Events in Indochina are a stark reminder to us of how vulnerable small states are to external intervention. I have specifically mentioned Indochina because it is only a few hundred miles from our shores across the South China Sea.

Twenty-three years ago my country went through the narrowing experience of an internal uprising masterminded by a small group of ambitious power-seekers encouraged by elements outside the state. Fortunately at the time, in 1962, we were able to call for assistance from Britain with whom we had a treaty of protection. With British help, for which we remain grateful, the situation was brought under control within a short time.

We are an old country with a new setting. Since January last year, Brunei Darussalam has joined the ranks of sovereign and independent states, and we have since been treated by nations big and small as an equal.

Like everybody else, we are of course proud of our independence. But situated as we are in a region plagued by turbulence and strife, and in the midst of larger and more populous neighbours, Brunei Darussalam is always conscious of its vulnerable position.

This fact, coupled with our experience in 1962 to which I have already alluded, and the conflicts which are today happening around the world, have reminded us that nations in fact are not equal in their ability to defend their own security and territorial integrity.

Hence, in our negotiations with Britain, Brunei had insisted that it would agree to the ending of British protection, only if satisfactory assurances were forthcoming that Britain would continue to assist us in the important areas where British help would be needed, including the training of police and military personnel.

There can be few instances in the history of the relationship between a protecting power and a protected state where the protector applied pressure on the protected to accept early independence, and this pressure was vigorously resisted by the latter. That was precisely what happened between Britain and Brunei.

However, Britain in the end accepted our need for a reasonable time-frame within which to prepare for independence, and a Treaty of friendship and co-operation was signed in 1979, making way for Brunei Darussalam to resume its status as a fully independent and sovereign state on 1st of January 1984.

Our entry into the international community of nations was warmly welcomed by our neighbours in ASEAN who promptly accepted Brunei Darussalam as a new member of the Association. Brunei is now in the happy position of being accorded assistance in many practical ways not only by Britain, but also by our partners in ASEAN, especially by Malaysia and Singapore. ASEAN of course is not a military pact, but an association for mutual co-operation in the economic, social and cultural fields. We work closely within ASEAN on matters of common interest and concern. Our ministers and officials frequently

get together to share their thoughts on regional issues, and by these personal contacts we have developed very close bonds which enable us to better understand each other's view-points and perceptions, as well as sensitivities.

Brunei Darussalam joined ASEAN because we believed, and still do, that the Association can play an important role in bringing about stability, prosperity and cohesion to our region, and that the stability and prosperity of our larger neighbours will in turn ensure Brunei's continued stability and prosperity.

On our independence we also received friendly greetings from countries all over the world, including those represented at this meeting. Brunei values your friendship and we thank you for it.

Mr. Chairman, distinguished colleagues,

I have recounted these facts about our experience as a small state so that larger nations can have a better understanding of the need of small states for reassurance about their security and of their need for practical assistance from friends to enable them to face the future with confidence.

Brunei Darussalam is gratified that the commonwealth has drawn attention to the special needs of small recommendations contained in the report.

In conclusion, Mr. Chairman, I wish to express my sincere thanks and appreciation to you, to the government and people of the Bahamas for your warm hospitality. I wish also to thank the many colleagues and the Secretary General for their kind words of welcome.

Thank you, Mr. Chairman.



Titah Semasa Keberangkatan Lawatan Ke Mukim Kuala Belait Pada Hari Rabu, 11 Disember 1985.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, kita dapat berkumpul beramai-ramai di Mukim Kuala Belait pada pagi ini. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan kepada sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga akhir zaman.

Pada pagi ini, kita meneruskan lagi siri lawatan kita ke Mukim-Mukim dan Kampung-Kampung, dan Mukim Kuala Belait adalah merupakan Mukim pertama yang kita lawati bagi Daerah Belait dan juga Mukim pertama kita lawati di luar kawasan Daerah Brunei dan Muara.

Sebagaimana yang kita telah sampaikan dalam lawatan kita ke Mukim-Mukim di Daerah Brunei dan Muara bahawa tujuan kita membuat lawatan seumpama ini ialah untuk melihat dan meninjau secara dekat akan keadaan kehidupan rakyat kita, dan dengan adanya lawatan ini, kita berharap penduduk-penduduk di Mukim ini akan berkesempatan menghadapi apa jua buah fikiran pada memperbaiki lagi keadaan yang terdapat di kampung-kampung dan dengan cara ini mudah-mudahan kita bersama-sama akan dapat berusaha untuk memperbaiki apa jua yang boleh, semata-mata untuk kebaikan bersama dan kerana Allah jua.

Kita juga ingin menyatakan bahawa apa jua yang dikemukakan yang difikirkan berpatutan akan kita arahkan supaya disiasat dan diteliti oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan kita, dan mana-mana yang boleh, tindakan yang sesuai lagi munasabah, Insyallah, akan diambil menurut peraturan serta dasar-dasar dan keutamaan kerajaan kita.

Hasrat kerajaan kita ialah untuk menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan dan kemudahan bagi kesempurnaan hidup seluruh rakyat serta penduduk negara ini. Dalam pada itu, penduduk-penduduk kampung, khususnya penghulu dan ketua-ketua kampung hendaklah memberikan kerjasama dan penglibatan yang penuh

dan bertanggungjawab terhadap apa jua rancangan dan projek kerajaan, kerana sesuatu rancangan atau projek itu tidak akan berjaya sepenuhnya jika tidak disertai dengan tekad dan azam yang kuat dari setiap rakyat dan penduduk negara ini. Kerajaan kita akan terus-menerus membuat perancangan yang teliti dan menjalankan langkah-langkah yang berkesan untuk mencapai hasrat pada meningkatkan lagi kesempurnaan hidup seluruh rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam ini.

Dalam usaha kerajaan kita untuk meneruskan pembangunan negara, maka kita sukacita mengumumkan bahawa kerajaan kita telah pun menyediakan Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun Yang Baharu, dan adalah menjadi hasrat kita supaya Rancangan Lima Tahun Yang Baharu ini akan dimulakan perlaksanaannya pada tahun hadapan bagi tempuh tahun 1986 hingga 1990, yakni sebagai Rancangan Lima Tahun Yang Pertama Kali akan dilaksanakan sejak Negara Brunei Darussalam mencapai semula kemerdekaan yang penuh. Isi kandungan Rancangan Kemajuan Negara Yang Baharu itu akan diumumkan kemudian.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wasallamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

Sepertimana jua dalam lawatan kita ke Mukim-Mukim yang lain. Kita menjemput rakyat dan penduduk di Mukim ini untuk mengemukakan kemusykilan-kemusykilan atau masalah-masalah yang dihadapi di Mukim ini. Barangkali bisaitah jua kita memulakan dengan menanyakan beberapa soalan kepada Penghulu Mukim ini.



Kumpulan Titah

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanah Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Tahun 1986**

**Titah Di Majlis Pembukaan Rasmi
Masjid Sultan Sharif 'Ali, Mukim Sengkurong
Negara Brunei Darussalam
Pada Hari Jumaat, 28 Februari 1986**

Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, seru sekalian alam, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat baginda, sahabat-sahabat dan para pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Kita mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama di majlis yang berbahagia dan penuh berkat ini, untuk menyatakan kesyukuran kita di atas sempurnanya pembinaan masjid yang indah ini bagi membolehkan kita beribadat dengan lebih khusyuk dan lebih tawaduk.

Usaha-usaha dalam mempertingkatkan dan memperkuat pegangan dan keyakinan kita terhadap ajaran-ajaran agama Islam telah kerajaan kita laksanakan sejak bertahun-tahun lamanya, sehingga menjadikan negara ini sebagai salah sebuah negara yang sangat dihormati dan digalati oleh negara-negara jiran dan sahabat, dan perkara ini telah dinyatakan dengan tegasnya kepada masyarakat antarabangsa. Alhamdulillah, kita bersyukur dan berbangga dengan keadaan dan pendirian kita itu. Apa yang perlu dan wajib kita buat ialah melaksanakan dan menunaikan kewajipan kita dalam memastikan bahawa usaha-usaha dan kegiatan-kegiatan kita dalam mempertingkatkan dan memperkuat pegangan terhadap ajaran-ajaran Islam.

Dalam keadaan seperti itulah, kerajaan kita sangat-sangat menaruh perhatian berat dan akan terus berusaha bagi memastikan bahawa perkembangan dan pegangan yang teguh terhadap agama Islam akan terus terpelihara bahkan akan meningkat dari semasa ke semasa demi untuk mencapai keredaan Allah dan menjaga nama baik negara ini di mata dunia, khususnya di kalangan negara-negara seagama. Biarlah usaha-usaha dan langkah-langkah kita yang berkebakikan ini akan menjadi contoh dan ristaan kepada generasi yang akan datang. Kita berharap semoga generasi baru ini nanti

memahami dan menyedari akan langkah dan usaha yang telah kita buat, dan mereka mencari jalan untuk memperbaikinya lagi dan lebih membisaikannya seberapa yang boleh.

Alhamdulillah, terbinanya masjid yang tersergam indah ini, menambahkan lagi bukti keazaman kerajaan kita untuk melihat perkembangan dan kemajuan agama Islam tetap mendapat tempat yang utama di dalam rancangan pembangunan negara, baik yang telah berlalu mahupun yang akan datang.

Oleh yang demikian, inginlah kita berseru kepada rakyat dan penduduk negara ini, khususnya umat Islam, agar bersikap penuh rasa tanggungjawab dan penuh kesedaran terhadap langkah-langkah dan usaha-usaha yang telah diungkapkan oleh kerajaan kita dalam menyediakan dan menjamin kesenangan dan kesejahteraan hidup mereka.

Sebagai misalnya, dengan terbinanya masjid yang indah ini yang dihasratkan untuk memberikan kemudahan dan keselesaan kepada umat Islam seluruhnya, khususnya umat Islam di mukim ini, untuk menunaikan ibadat sembahyang dan lain-lain kegiatan keagamaan yang diredai Allah, maka terpulanglah kepada mereka untuk menyemarakkan dan menghidupkan masjid ini dengan apa saja kegiatan yang bersesuaian dan berkebajikan yang tidak bertentangan atau menyeleweng dari hukum-hukum Islam dan undang-undang negara, dengan sikap dan perasaan penuh bertanggungjawab terhadap kesempurnaan dan kebersihannya.

Dalam pada itu, di dalam majlis yang berbahagia ini, kita ingin mengingatkan semua umat Islam di negara ini agar sentiasa berwaspada dari anasir-anasir yang ingin memecah belahkan perpaduan dan pegangan kita terhadap agama Islam, terutama sekali yang bersangkutan paut dengan akidah kita. Anasir-anasir tersebut sama ada dari luar atau dari dalam negeri tampil dalam berbagai bentuk dan cara di dalam kesempatan-kesempatan atau peluang-peluang yang tidak disedari dan tidak diduga, tetapi tujuannya hanya satu, iaitu kehancuran dan perpecahan. Oleh yang demikian, jalan yang paling berkesan dan dapat menghindarkan anasir-anasir tersebut dari masuk mencelah ialah dengan menghayati akidah atau pegangan keagamaan kita berpandukan kefahaman Ahli Sunnah Wal-Jamaah, serta mengamalkan apa yang dikehendaki dan dimaksudkan oleh akidah atau pegangan itu sendiri. Agama Islam adalah agama perpaduan dan keamanan, dan akidah Islam ialah

akidah yang mengajak manusia supaya menggunakan akal fikiran yang waras dan tenang.

Kita percaya dengan adanya sikap dan sifat berhati-hati serta waspada, maka akan timbullah kesedaran yang mendalam dan keinginan yang kuat untuk terus maju membangun dan meneguhkan pegangan kita terhadap agama dan sentiasa taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya, dengan melafazkan kalimah 'Bismillaahir Rahmaannir Raheem' kita rasmikan bangunan Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong ini.

Sekian, Walbillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.



**Titah Di Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran
Bahagian Dewasa Peringkat Negara Brunei Darussalam
Di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien
Negara Brunei Darussalam
Pada 9 April 1986**

Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, serta pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kita pada malam ini dapat berkumpul bersama-sama untuk menyaksikan pertandingan membaca Al-Quran Al-Karim.

Kita merasa amat berbahagia kerana nikmat kesenangan dan keamanan yang dikurniakan oleh Allah yang kita rasakan selama ini adalah sebagai tanda Allah Subhanahu Wata'ala sangat-sangat menyayangi kita hamba-hamba-Nya yang tahu bersyukur dan menunaikan segala tugas dan tanggungjawab masing-masing di dunia dan bagi akhirat dengan penuh ikhlas dan amanah, bukan secara terpaksa atau didorong oleh kepentingan-kepentingan tertentu apatah lagi secara berpura-pura.

Sejarah negara ini telah membuktikan bahawa sikap dan rasa tanggungjawab dengan penuh ikhlas, amanah dan jujur para pemimpin dan pembesar negara serta rakyat sekaliannya dalam mempertahankan maruah keagungan agama dan kedaulatan negara yang tercinta, adalah faktor yang penting bagi asas-asas keteguhan dan kekuatan negara ini sehingga dapat meletakkan Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang mempunyai imej yang tinggi dalam pegangan dan keteguhan beragama.

Oleh yang demikian, sesuai dengan tema pertandingan kali ini, iaitu "MEMBANGUN ADALAH SUATU TANGGUNGJAWAB DAN IBADAT" maka kita berseru kepada rakyat kita sekalian, khususnya yang beragama Islam, agar tetap teguh memiliki sikap dan sifat yang telah kita sebutkan tadi, terutama sekali apabila menyedari hakikat bahawa kejayaan sesuatu pembangunan itu adalah memerlukan

sokongan dan penyertaan semua pihak, yang mana hal seperti ini kita percaya adalah sudah sepatutnya mempunyai asas-asas keagamaan kerana sebagaimana yang telah sama-sama kita maklumi bahawa agama Islam kita menyeru supaya bekerjasama untuk tujuan-tujuan kebajikan. Apatah lagi Rancangan Kemajuan Negara Yang Kelima pada tahun 1986-1990 yang kerajaan kita lancarkan adalah semata-mata untuk kebajikan rakyat dan penduduk negara ini pada masa ini hingga pada masa yang akan datang. Insya-Allah, adalah menjadi hasrat kita supaya rancangan tersebut dan juga rancangan-rancangan masa depan akan sentiasa memelihara perjalanan nilai-nilai dan norma-norma agama Islam yang maha suci, yang sesuai dengan segala zaman dan tempat, kerana Islam tidak pernah menghalang apa jua corak pembangunan yang baik dan berkebakikan yang tidak bertentangan dengan kehendaknya, malah memberikan galakan dari semasa ke semasa seterusnya menjadikan usaha-usaha seperti itu sebagai ibadat yang sangat-sangat dituntut di dalam agama.

Oleh kerana itulah, kerajaan kita tidak akan kendur-kendurnya mengusahakan kemajuan agama Islam dalam hasrat pada mewujudkan pembangunan yang seimbang. Dengan demikian, insyaa Allah, kestabilan dan kekukuhan negara ini tidak akan dapat diganggu-gugat oleh apa jua anasir dan pancaroba.

Akhirnya, marilah kita sama-sama terus berusaha dan berdoa mudah-mudahan segala usaha kita yang tekun lagi jujur ke arah menegakkan dan meninggikan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam ini, akan sentiasa diberkati dan mendapat ganjaran yang setimpal serta keredaan dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian, Walbillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.



Titah Sempena Hari Raya Aidilfitri Pada Tahun 1986

Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Walillahilhamd

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah kerana dengan izin-Nya jua kita telah dapat menyempurnakan ibadat berpuasa sepanjang bulan Ramadan, Nikmat berpuasa yang kita telah perolehi itu adalah hasil dari ketabahan dan kejayaan kita pada mendisiplinkan diri sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam sepanjang bulan yang mulia itu. Setahun demi setahun, barang setentunya ibadat berpuasa yang kita amalkan itu akan memperkukuhkan lagi iman kita sebagai orang Islam pada menghadapi cabaran-cabaran serta rintangan-rintangan dalam kehidupan kita di dunia ini dan mudah-mudahan akan menjadi bekalan yang diredai Allah untuk di akhirat kelak.

Semangat berdisiplin serta tabah itu adalah diperlukan bagi kita dalam tugas masing-masing untuk meningkatkan usaha dalam pembangunan negara yakni pada meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam serta segala isi di dalamnya.

Bersempena hari yang berbahagia ini, kita bersama dengan keluarga kita dengan sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakyat kita dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam. Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, mudah-mudahan Negara Brunei Darussalam serta segala isi didalamnya akan sentiasa mendapat perlindungan Allah dan akan terus menikmati suasana aman tenteram lagi bahagia.

Sekian dan kita sekali lagi dengan ikhlas mengucapkan Selamat Berhari Raya.

Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah Di Majlis Istiadat Mengadap Bersempena Hari Keputeraan Yang Ke-40 Di Lapau, Bandar Seri Begawan Pada 15 Julai 1986

Bismillahir Rahmaanir Raheem
Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala serta salam kepada Junjungan Besar Kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat dan sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga akhir zaman.

Alhamdulillah, kita mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala rahmat-Nya dan izin-Nya juga yang membolehkan kita sekali lagi beramai-ramai di istiadat yang permai ini. Kita dengan tulus ikhlas mencatatkan penghargaan kita dan ucapan banyak terima kasih kepada semua pihak, wakil-wakil kaum dan badan kebajikan di atas isi kandungan ucap selamat dari mereka. Kita berdoa mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan balasan yang seimbang di atas ingatan baik dari semua pihak yang berkenaan itu.

Hari ini, sesungguhnya kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala kemajuan yang telah kita capai yang mana Negara Brunei Darussalam terus-menerus menikmati keadaan yang mantap dan berkembang maju.

Dibidang pertahanan dan keselamatan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah berkembang maju sebagai sebuah pasukan pertahanan yang terlatih dan berdisiplin serta mempunyai peralatan yang moden. Buat pertama kali dalam sejarahnya, seorang anak tempatan telah dipertanggungjawabkan sebagai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Pasukan Polis Diraja Brunei juga telah dan sedang meningkatkan kebolehannya pada melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan pada pasukan itu.

Mengenai dengan bidang antarabangsa pula, kita terus mengamalkan dasar berbaik-baik dengan negara-negara jiran dan negara-negara sahabat, baik yang jauh mahupun yang dekat, serta mempererat lagi perhubungan kerjasama dengan negara-negara yang berkenaan. Di samping itu, kita juga telah pun mengadakan perundingan-perundingan dengan negara-negara sahabat untuk

mengadakan Perjanjian Perkhidmatan Udara supaya Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dapat menambah serta memperluaskan lagi perkhidmatan-perkhidmatan ke destinasi-destinasi berkenaan.

Penyertaan negara kita dalam exposisi antarabangsa yang diadakan pada tahun lepas di Bandar Raya Tsukuba, Jepun dan pada masa ini Vancouver, Canada telah berjaya menarik minat berjuta-juta orang. Kejayaan kita dalam memperkenalkan negara kita yang kecil dan mempunyai penduduk yang sedikit ini dapat membuktikan keupayaan dan kematangan negara dan orang-orang kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dalam mengendalikan urusan antarabangsa. Pameran-pameran itu diharapkan sedikit sebanyak memberikan pemahaman kepada masyarakat dunia untuk mengenali Negara Brunei Darussalam yang sebenarnya dengan lebih jelas dan mengelakkan mereka membuat tafsiran yang sewenang-wenangnya terhadap negara kita.

Menyentuh tentang bidang pengajian tinggi, alhamdulillah, Universiti Brunei Darussalam kini sedang berjalan lancar. Kita mempunyai keyakinan penuh bahawa universiti tersebut akan mengeluarkan siswazah-siswazah yang berkaliber dan mempunyai keupayaan yang setaraf dengan siswazah-siswazah yang berkelulusan dari luar negeri. Mudah-mudahan hasrat kita untuk melengkapkan rakyat kita dengan ilmu pengetahuan bagi maksud melahirkan generasi yang bertanggungjawab dan berdisiplin akan mendapat kejayaan supaya dapat menjamin masa depan negara kita. Pada tahun yang lepas juga, kita telah pun membuka rasmi Pusat Da'wah Islamiah, yang mana Pusat tersebut diadakan dengan tujuan untuk mempertingkatkan dan memperkuatkan syiar agama Islam di Negara Brunei Darussalam ini.

Perhimpunan Menteri-Menteri Pelajaran Asia Tenggara di negara kita pada awal tahun ini telah mencatat lagi satu sejarah perkembangan pelajaran di negara kita dan ini menandakan suatu penghormatan, kepercayaan dan persefahaman serantau kepada kita.

Kerajaan kita akan terus membuat perancangan yang teliti untuk menjamin kemajuan yang berterusan dan segala usaha yang berkebakikan yang dirancangkan itu akan dapat pula dirasakan dan dinikmati oleh segenap lapisan rakyat kita. Kerajaan kita telah memperkukuhkan tiga ribu tujuh ratus juta ringgit untuk perbelanjaan bagi pembangunan di bawah Rancangan Kemajuan

Negara yang Kelima dan dari jumlah ini sejumlah seribu juta ringgit atau hampir 30 peratus akan diperuntukkan bagi perkhidmatan sosial seperti perumahan, pelajaran, perubatan dan kesihatan. Rancangan tersebut juga meliputi dasar perindustrian untuk menggalakkan kemajuan perusahaan pengganti import dan perusahaan eksport seperti pertanian, ternakan, perikanan, kehutanan dan perusahaan ringan. Melalui Rancangan Perpindahan Negara, Kerajaan kita sedikit sebanyak telah dapat menyediakan tempat-tempat tinggal dan perumahan yang teratur lagi selesa. Rancangan Pemberian Tanah kepada Rakyat Jati juga kini sedang berjalan dengan baik, dan Insya-Allah akan dapat memenuhi kehendak-kehendak rakyat kita yang tidak mempunyai tanah.

Bersempena dengan hari yang berbahagia ini, kita sukacita mengambil kesempatan untuk berseru kepada semua rakyat kita dan penduduk negara ini agar mereka dengan tidak kendur-kendur mengekalkan azam dan tekad untuk sentiasa berganding bahu dengan kerajaan kita dan terus memikul kewajipan masing-masing sebagai rakyat dan penduduk yang jujur dan bertanggungjawab.

Untuk mengakhiri ucapan ini, kita sukacita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan kita atas sumbangan yang cemerlang di sepanjang tahun ini, dan kita berseru supaya mereka terus berkhidmat dengan penuh azam dan tekad bagi mewujudkan sebuah pentadbiran yang efisien, bersih, jujur dan amanah semata-mata kerana Allah jua, yakni satu pentadbiran yang tidak mementingkan diri sendiri, akan tetapi yang mengutamakan kepentingan negara dan rakyat berlaku adil dan bertimbang rasa.

Kita juga ingin mengambil peluang ini untuk mencatat setinggi-tinggi penghargaan kita kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei atas segala sumbangan mereka dalam mempertahankan keselamatan dan menjaga keamanan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam yang kita semua cintai ini.

Sekian, Walbillahit Taufik Wal-Hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah Di Daerah Temburong Sempena Menyambut Ulangtahun Hari Keputeraan Yang Ke-40 Pada Hari Selasa, 22 Julai 1986

Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala selawat serta salam kepada Junjungan Besar Kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga akhir zaman.

Alhamdulillah, kita mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala rahmat-Nya jua yang membolehkan kita sekali lagi beramai-ramai di istiadat yang permai ini.

Sebagaimana yang telah kita nyatakan di upacara yang sama di Lapau baru-baru ini, kita ingin berseru lagi kepada rakyat kita dan penduduk Negara Brunei Darussalam termasuk yang di daerah ini supaya mereka sentiasa mengekalkan azam dan tekad untuk sama-sama berganding bahu dengan kerajaan kita dan terus-menerus memikul kewajipan masing-masing sebagai rakyat dan penduduk yang jujur dan bertanggungjawab kerana pembangunan tidak dapat mencapai kejayaan yang kita hajati tanpa negara kita menikmati keadaan yang mantap dan tenteram. Dari itu, rakyat dan penduduk hendaklah sentiasa memelihara perpaduan demi menjamin keamanan dan ketenteraman negara kita. Apa yang kita maksudkan ialah supaya kita sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir yang cuba mengancam keamanan serta merosakkan kedaulatan negara kita yang tercinta ini dan kita tidak akan terpedaya oleh siasah-siasah palsu dan politik-politik yang tidak jujur yang hanya mementingkan kehendak-kehendak persendirian.

Kerajaan kita, Insya-Allah akan terus-menerus merancang dan mengadakan berbagai-bagai jenis kemajuan serta projek untuk faedah dan kesenangan rakyat dan penduduk negara ini termasuklah masyarakat di daerah ini.

Kita dengan tulus ikhlas mengucapkan banyak terima kasih kepada semua yang berkenaan yang telah menyumbangkan tenaga dan bersusah payah untuk menjayakan berbagai-bagai upacara perayaan pada menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan kita di

daerah ini. Semoga usaha-usaha baik mereka itu diberi ganjaran balasan yang setimpal.

Sekian, Walbillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.



Titah Di Daerah Tutong Sempena Menyambut Ulangtahun Hari Keputeraan Yang Ke-40 Pada Hari Khamis, 24 Julai 1986

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala selawat serta salam kepada Junjungan Besar Kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga akhir zaman.

Alahmdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah mengizinkan kita semua dapat berkumpul beramai-ramai pada pagi yang permai ini. Dengan perasaan yang tulus ikhlas, kita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua yang berkenaan di daerah ini yang telah menyumbangkan tenaga dan fikiran pada menyusun dan menjayakan beraneka jenis upacara untuk menyambut Ulangtahun Hari Keputeraan Kita yang ke-40. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala akan memberi ganjaran balasan yang setimpal kepada semua yang berkenaan.

Kita percaya rakyat Kita dan penduduk di daerah ini telahpun berkesempatan mendengar titah Kita di Lapau dan di Daerah Temburong baru-baru ini. Kita berdoa mudah-mudahan keamanan dan kemakmuran yang sedang kita nikmati sekarang ini dan perpaduan yang sama-sama kita pelihara akan berterusan supaya rancangan-rancangan kemajuan yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Kita dapat mencapai matlamat sepenuhnya, yakni pada memperbaiki dan meningkatkan lagi taraf hidup rakyat kita serta memajukan negara ini, dengan izin Allah jua.

Dalam hubungan ini, Kita sekali lagi menekankan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas di daerah ini supaya sentiasa mengamalkan sikap bekerjasama, rajin bekerja dan berlaku adil kerana apa yang kita kehendaki ialah satu pentadbiran yang cekap, bersih, jujur dan amanah semata-mata kerana Allah jua. Hanya dengan sikap yang demikian serta keinginan untuk berbakti sajalah negara kita akan terus berkeadaan aman dan makmur dengan rakyat dan penduduknya bahagia.

Sekian, Walbillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah Di Daerah Belait Sempena Menyambut Ulangtahun Hari Keputeraan Yang Ke-40 Pada Hari Selasa, 29 Julai 1986

Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Assalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala selawat serta salam kepada Junjungan Besar Kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga akhir zaman.

Alahmdulillah, syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala rahmat-Nya dan dengan izin-Nya membolehkan kita sekali lagi beramai-ramai di istiadat yang berbahagia ini.

Kita telah pun beberapa kali mengingatkan rakyat kita dan penduduk negara ini dalam upacara-upacara yang sama di daerah-daerah lain supaya mereka dalam semua keadaan akan sentiasa mengamalkan hidup bersatu padu dan memikul kewajipan masing-masing sebagai rakyat dan penduduk yang jujur lagi bertanggung-jawab. Ke arah ini, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini hendaklah sentiasa berwaspada dan berjaga-jaga terhadap anasir-anasir yang ingin memecah-belahkan perpaduan kita. Hanya dengan terjaminnya keamanan yang selama ini kita nikmati maka Negara Brunei Darussalam akan terus makmur dan maju supaya segala hasil rancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kita dapat pula dinikmati oleh anak cucu keturunan kita yang akan datang.

Dalam melaksanakan rancangan-rancangan kemajuan yang berkebajikan itu, pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Kita di daerah ini hendaklah menjalankan dengan jujur tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dengan adil dan mengutamakan kepentingan-kepentingan negara dan rakyat dan bukannya faedah-faedah persendirian.

Sebagai mengakhiri, Kita tidak lupa untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua mereka yang berkenaan kerana telah bertungkus lumus menyusun dan mengadakan berjenis-jenis upacara pada menjayakan sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan kita yang ke-40 di Daerah Belait ini.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu ‘Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah secara langsung dari Istana Nurul Iman
melalui Radio dan Televisyen Brunei
pada 20 Oktober 1986**

Kemangkatan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul
Khairi Waddien

Kehilangan yang tidak dapat dicari ganti

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, seru sekalian Alam, selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat dan para sahabat Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Rakyat Beta yang dikasihi

Kita di seluruh Negara Brunei Darussalam baharu sahaja mengalami detik-detik yang amat sedih kerana kemangkatan Paduka Ayahanda Beta yang dikasihi, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Almarhum Sultan Muhammad Jamalul 'Alam.

Sungguhpun tempoh perkabungan negara selama 40 hari telah berakhir, akan tetapi sebagai seorang anak terhadap ayah yang dikasihi, perasaan sedih dan dukacita masih Beta rasakan, dan akan sentiasa dirasai, yakni tidak terhad tempoh masanya. Kerana kemangkatan Almarhum adalah merupakan satu kehilangan yang teramat besar yang tidak dapat dicari ganti dan membawakan satu kesedihan yang amat sangat kepada diri Beta dan keluarga Beta. Lebih-lebih lagi Almarhum bukan sahaja seorang ayah yang sentiasa mencurahkan kasih sayang yang penuh mesra kepada anak-anak, Almarhum juga adalah seorang pembimbing yang sentiasa memberikan bimbingan tunjuk-ajar dan kata nasihat yang tidak putus-putus kepada Beta sehingga akhir hayat Baginda.

Kebajikan rakyat

Beta juga dapat merasakan perasaan bersama sedih yang menyelubungi kesemua lapisan rakyat dan masyarakat di seluruh Negara Brunei Darussalam di atas kemangkatan Almarhum Paduka Ayahanda Beta yang dikasihi, kerana jasa-jasa Almarhum kepada rakyat dan negara. Sebagai Sultan yang Ke-28 bagi Negara Brunei Darussalam, Almarhum adalah seorang raja yang pemurah lagi disayangi oleh segenap lapisan rakyat. Baginda sentiasa mengambil berta tentang kebajikan rakyat. Sejak awal-awal lagi Almarhum menaiki takhta Kerajaan, baginda telah banyak menabur jasa bakti dan menumpukan sepenuh masa dan tenaga baginda pada mengasaskan infrastruktur pentadbiran, pembangunan, kebajikan, keselamatan dan kemakmuran negara, dan baginda juga telah berjaya mengenalkan Negara Brunei Darussalam kepada dunia luar. Adalah wajar dan kena pada tempatnya baginda telah diakui sebagai “Arkitek Brunei Moden”

Antara lain sumbangan besar Almarhum yang nyata kepada negara ialah di dalam memperkembangkan Ugama dan Syi'ar Islam. Almarhum telah menempatkan kedudukan Ugama Islam di tahap yang paling utama di dalam pentadbiran negara, yang mana dalam Perlembagaan bertulis Negara Brunei Darussalam tahun 1956, telah termaktub Ugama Islam sebagai Ugama Rasmi Negara. Almarhum juga telah menjadikan hasrat baginda untuk memperkembangkan Syi'ar Ugama Islam dengan seluas-luasnya di Negara Brunei Darussalam dan membolehkan Ugama Islam dan lunas-lunas Islam dihayati di dalam pentadbiran dan pembangunan negara. Menuju ke arah ini, Almarhum pernah bertitah di dalam Majlis Perasmian Pembukaan Majlis Syariah, antara lain berbunyi:-

‘Majlis Syariah ini bertujuan ialah mengembangkan dasar-dasar dan ajaran-ajaran Islam bagi memajukan dan mempertahankan kedaulatan Ugama Islam yang suci ini. Dengan maksud-maksud yang tersemat di sanubari kita semua, insyaaAllah, Ugama Islam akan bertambah-tambah maju, luas dan lebar.”

Almarhum dengan kebijaksanaan dan ke'arifan baginda telah membentuk asas pentadbiran yang kukuh dan mantap apabila Baginda memasyurkan Perlembagaan bertulis Negara Brunei Darussalam pada tahun 1959. Perlembagaan bertulis yang diperjuangkan oleh Almarhum semata-mata untuk kepentingan rakyat dan negara adalah merupakan satu-satunya naugerah bakti Almarhum kepada rakyat dan Negara Brunei Darussalam yang tidak ternilai harganya. Perlembagaan itu adalah merupakan sebagai pembuka tirai era baru bagi Negara brunei Darussalam dan rakyatnya. Hasrat dan niat suci Almarhum terhadap negara dan rakyat ini adalah terbukti seperti yang dimadahkan oleh Almarhum di dalam sya'ir Perlembagaan baginda yang berbunyi:-

*"Banyak lagi saudara dan handai
Datang menjemput rombongan sampai
Di negeri London Bandar yang permai
Merundingkan Perlembagaan untuk mengusai*

*Untuk mengusai negara dan rakyat
Mudahan mendatangkan fikiran muafakat
Mudahan terhindar derita melarat
Dengan izin Tuhan yang maha berkudrat."*

Dengan wujudnya Perlembagaan itu, maka Negara Brunei Darussalam bergerak maju setapak demi setapak dengan berlunaskan kepada prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Perlembagaan tersebut. Dari sebuah kerajaan yang berpemerintahan sendiri dalam negeri, Negara Brunei Darussalam telah maju sehingga menjadi sebuah negara yang merdeka penuh lagi berdaulat pada 1 Januari 1984.

Kemerdekaan yang telah dicapai itu adalah hasil daripada perjuangan yang cekal dan sifat bijaksana Almarhum yang sangat cintakan kepada kemerdekaan dan kedaulatan sejati negara dan rakyat. Almarhum telah bertahan dengan sewajarnya menolak tekanan-tekanan supaya Almarhum membawa negara Brunei ke suatu haluan, akan tetapi, dan dengan pandangan jauh dan

kebijaksanaan baginda, Almarhum telah bertawakal memilih jalan sendiri untuk mengekalkan kedaulatan dan keagungan negara dan bangsa Brunei sebagai negara dan bangsa yang berdiri di atas lunas-lunas sendiri semata-mata untuk kepentingan rakyat dan Negara Brunei Darussalam.

Oleh kerana baginda memahami akan hakikat bahasa dan budaya sebagai nilai yang mencerminkan bangsa, Almarhum dengan gigih dan tanpa sebarang kewahaman telah mempertahankan identiti dan ciri-ciri budaya Melayu Brunei. Almarhum telah menempatkan bahasa Melayu di tingkat yang tinggi di dalam pentadbiran negara dengan memaktubkannya di dalam Perlembagaan sebagai Bahasa Rasmi Negara, dan menguatkuasakan bagi semua undang-undang juga ditulis dalam bahasa Melayu. Seterusnya untuk mengekalkan sebagai sebuah negara yang terkenal dengan adat istiadat yang gilang gemilang yang diwarisi sejak zaman-berzaman, Almarhum adalah bertanggungjawab di dalam membisaikan dan mempermodenkan adat istiadat Negara Brunei Darussalam.

Di bidang penulisan, Almarhum adalah merupakan seorang sasterawan negara yang terkemuka dan terkenal dengan ketajaman mata pena Baginda. Almarhum telah menghasilkan beberapa karya penulisan di dalam bentuk sya'ir yang penuh dengan kata-kata nasihat dan contoh teladan.

Kemajuan dalam bidang pelajaran yang kita nikmati selama ini adalah hasil usaha gigih Almarhum yang menitik-beratkan sistem pendidikan dalam pelajaran bagi Negara Brunei Darussalam. Sebagai seorang yang berpengalaman luas dan berpandangan jauh, Almarhum telah dapat meninjau kecerahan dan kemajuan masa depan Negara Brunei Darussalam yang bergantung kepada pendidikan dan pembelajaran yang sempurna bagi anak-anak tempatan. Hasrat Almarhum yang menitik-beratkan bidang pelajaran dan pendidikan itu, telah Baginda gambarkan dalam Sya'ir Asli Rajang Hari seperti berikut:-

*“Bunga noormala cempaka melati
Disunting oleh dang manda tawati
Ilmu pengetahuan pelita hati
Mata pelajaran tiada leti*

*Mata pelajaran suli berakar
Ilmu pengetahuan sentiasa mekar
Di Bandar, di desa, di hutan belukar
Siapa berilmu jarangkan sukar
Tuntutlah ilmu jauh dan dekat
Ilmu kebajikan laila diikat
Ke dalam dada biar dilekat
Supaya pendapat tiada singkat”*

Di dalam pemerintahan bijaksana baginda, sekolah-sekolah rendah dan menengah dibina dan dibuka di seluruh negara. Almarhum adalah Sultan Negara Brunei Darussalam yang mula-mula sekali menubuhkan sekolah Inggeris kerajaan pada tahun 1951. Penubuhan ini adalah hasil daripada dorongan kesedaran Almarhum pada hakikat betapa pentingnya bahasa Inggeris diajarkan kepada anak-anak tempatan dalam usaha untuk menimba ilmu pengetahuan dan pembangunan masa depan Negara Brunei Darussalam. Sementara itu, di dalam usaha untuk melatih dan mendidik anak-anak tempatan supaya berkemahiran dan berpengalaman Almarhum telah menghantar anak-anak tempatan untuk belajar dan berlatih keluar. Hasil daripada kebijaksanaan Baginda itu ramai anak-anak tempatan yang berkelulusan tinggi telah mengisikan jawatan-jawatan yang penting di dalam jentera pentadbiran negara kita sekarang.

Tidak kurang sama pentingnya dan sejajar dengan hasrat Almarhum untuk mengembangkan Syi'ar Islam di negara ini, Almarhum telah mengadakan pengajian Ugama di sekolah-sekolah dan mendirikan masjid-masjid, surau-sarau dan tempat-tempat beribadat di seluruh pelusuk negara kita, dan menghantar keluar negeri penuntut-penuntut Ugama yang berkebolehan untuk melanjutkan pelajaran mereka di pusat pengajian Islam yang tertinggi lagi termasyhur.

Infrastruktur pembangunan

Almarhum juga bertanggungjawab di dalam menyediakan Infrastruktur pembangunan dan kemajuan negara. Sebagai seorang Sultan yang sangat mengambil berat tentang hal-ehwal rakyat dan negara, Baginda telah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang aman, makmur dan maju serta penduduk di dalamnya sentiasa di dalam kesejahteraan. Pada mencapai matlamat ini, Almarhum telah mempelajari dan meninjau pengalaman negara-negara yang telah maju secara lebih dekat lagi dengan melawat negara-negara tersebut dan mengambil contoh-contoh yang baik lagi sesuai untuk menjadi panduan dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai seorang Sultan yang kasihkan dan sentiasa mengambil berat tentang hal-ehwal rakyat, Almarhum telah memberikan perhatian sepenuhnya terhadap kebajikan rakyat termasuk mereka yang kurang bernasib baik. Di zaman pemerintahan Almarhum, kerajaan telah melancarkan berbagai-bagai kemudahan yang berkebajikan seperti memberikan elaun bulanan kepada orang-orang tua yang mana juga dikenali sebagai “Pencen Tua”, elaun kepada pesakit-pesakit T.B., kepada orang-orang cacat dan pesakit jiwa, dan memberikan bantuan kebajikan kepada balu-balu dan anak-anak yatim di negara ini.

Baginda juga mengambil perhatian yang sama serta terhadap kemajuan di luar bandar dan di pedalaman. Kerajaan Almarhum telah melancarkan banyak projek-projek pembangunan luar bandar dan pedalaman seperti membina jalan-jalan kecil dan membekalkan api elektrik dan air ke kampung-kampung di luar bandar dan di pedalaman. Kesemua ini adalah menunjukkan sifat saksama Almarhum yang mahukan kemakmuran negara supaya dapat dikecap dan dirasakan bersama oleh segenap peringkat lapisan rakyat negara ini.

Keselamatan negara dan rakyat adalah juga bidang yang diberikan keutamaan oleh Almarhum Paduka Ayahanda Beta. Baginda yakin kemajuan dan kemakmuran rakyat tidak akan diperolehi tanpa

jaminan keamanan dan keselamatan negara dan rakyat. Almarhum juga menyedari betapa pentingnya supaya dipertahankan kedaulatan dan maruah bangsa, negara dan ugama dari dicerobohi oleh sebarang ancaman musuh dan petualang negara. Pentingnya keselamatan di dalam kemajuan dan kemakmuran rakyat pernah dititahkan oleh Almarhum Paduka Ayahanda Beta semasa Upacara Perletakan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, dalam tahun 1965, yang antara lain berbunyi:

“Bahawa Betapa suci pun cita-cita kita, berapa besar pun rancangan kita, berapa tinggi pun cadangan kita perkara itu tidak akan dapat dicapai faedahnya dengan ketiadaan keamanan, ketenteraman dan keselamatan kita kawal bersama dengan hati yang jujur, tulus ikhlas semata-mata untuk kebajikan yang diredhai oleh Allah Subhanahu Wata’ala.”

Sebenarnya hasrat Almarhum mengenai keselamatan negara telah pun terbukti lebih awal lagi, yang mana dalam tahun 1960, Almarhum telah mengasaskan bagi penubuhan Askar Melayu Diraja Brunei, dan sekarang ini dikenali sebagai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Tidak syak lagi, Paduka Ayahanda Beta, Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan yang Ke-28 bagi Negara Brunei Darussalam, akan mengambil tempat yang teragung dalam sejarah negara kita oleh kerana jasa-jasa Almarhum begitu besar sekali dalam pembangunan negara. Di samping sebagai seorang negarawan yang terulung dan yang banyak menabur jasa bakti, Almarhum juga merupakan seorang nasionalis dan sasterawan yang unggul. Nama dan jasa-jasa Almarhum akan dicatat dengan tinta emas di dalam sejarah Negara Brunei Darussalam, dan akan menjadi kemegahan dan ristaan zaman berzaman.

Marilah kita sama-sama berdoa dan membaca Al-Fatihah semoga Allah Subhanahu Wata’ala mencucuri rahmat-Nya ke atas roh Almarhum dan menempatkannya bersama-sama dengan orang-orang abrar, amin Ya Rabbul’ Alamin. (Al-Fatihah).

Rakyat Beta yang di kasihi,

Adalah menjadi hasrat Beta dan Kerajaan Beta untuk meneruskan segala usaha yang bermanfaat dan berkebajikan serta dasar-dasar yang telah digariskan oleh Almarhum Paduka Ayahanda Beta.

Dalam menuju ke arah pembangunan, kemakmuran dan kestabilan Negara Brunei Darussalam dan segenap lapisan rakyat dan masyarakat di dalamnya, adalah menjadi teras dan azam Kerajaan Beta untuk mengambil perhatian yang teliti terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat pada setiap masa. Kerajaan Beta akan berterusan membuat pengkajian dan penelitian yang terperinci terhadap usaha-usaha yang telah di laksanakan, yang sedang dilaksanakan mahupun yang akan dirancangan. Segala usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Beta adalah diselarasakan dan disiapkan mengikut tahap pencapaian dan keperluan yang tertentu dan juga mengikut keadaan dan suasana sekitar.

Keberkesanan

Penelitian terhadap rancangan kemajuan dan pembangunan negara sahaja, tidak akan dapat menghasilkan sepenuhnya pembangunan dan kemajuan negara yang dihayati tanpa disusun semula dan dihalusi jentera pentadbiran negara dari semasa ke semasa. Penyusunan semula yang dimaksudkan itu tidak melibatkan sebarang perubahan ke atas dasar - dasar negara yang ada sekarang. Malah penyusunan semula itu adalah bertujuan untuk mengemaskinikan dan menambah keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar tersebut.

Hanya dengan adanya satu sistem pentadbiran yang cekap, berkesan, bersih lagi dinamik, Negara Brunei Darussalam akan terus menuju ke arah kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan. Ini adalah sejajar dengan apa yang telah pernah Beta nyatakan bahawa penyusunan pentadbiran negara ini akan diperbaiki dan dihalusi lagi berpandukan pengalaman-pengalaman yang jujur dan amanah diperolehi dari semasa ke semasa.

Untuk melicinkan lagi jentera pentadbiran yang ada sekarang, Beta sukacita mengisytiharkan penyusunan semula Menteri-Menteri Kabinet seperti berikut:-

Beta sendiri selaku PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN.

Paduka Adinda Beta, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, selaku Menteri HAL EHWAL LUAR NEGERI.

Paduka Adinda Beta, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, selaku MENTERI KEWANGAN.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, selaku PENASIHAT KHAS KEPADA BETA DI JABATAN PERDANA MENTERI merangkap MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI. Jawatan PENASIHAT KHAS adalah bertaraf MENTERI.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, selaku MENTERI PERHUBUNGAN.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, selaku MENTERI UNDANG-UNDANG.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, selaku MENTERI PELAJARAN.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Haji Awang Mohd. Zain, selaku MENTERI HAL EHWAL UGAMA.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit, selaku MENTERI PEMBANGUNAN.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussein, selaku MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr.Haji Johar bin Dato Haji Noordin, selaku MENTERI KESIHATAN.

Beta juga sukacita melantik beberapa orang Timbalan Menteri seperti berikut:-

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Brigadier Jeneral Pengiran Haji Ibnu, selaku TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN.

Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Awang Sulaiman, selaku TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI.

Yang Mulia Dato Paduka Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad Wally Skinner, selaku TIMBALAN MENTERI KEWANGAN.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwarra Abdul Rashid, selaku TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI.

Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, selaku TIMBALAN MENTERI PELAJARAN.

Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya, selaku TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap, selaku TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd.Ali bin Haji Mohd. Daud, selaku TIMBALAN MENTERI KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN.

Tugas kewajipan Timbalan-timbalan Menteri ialah untuk membantu Menteri-menteri yang berkenaan pada melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan lebih licin lagi.

Sehubungan dengan itu, Beta sekali lagi ingin mengingatkan kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Beta supaya akan mempertingkatkan daya usaha dan sumbangan bakti mereka, dan terus berkhidmat dengan penuh azam dan tekad bagi mewujudkan satu pentadbiran yang bersih, cekap, jujur dan penuh amanah semata-mata kerana Allah, iaitu satu pentadbiran yang bebas dari tamak dan rasuah dan penyelewengan tugas dan kuasa, agar semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini akan dapat bersama-sama menikmati kemudahan-kemudahan dan hasil-hasil dari projek-projek kemajuan di dalam suasana sebuah masyarakat yang adil dan saksama semata-mata kerana Allah jua. Sepertimana yang Beta kehendaki hendaknyalah pegawai-pegawai Kerajaan Beta sentiasa mempertingkatkan kerjasama dan saling hubung menghubungi serta mengadakan permuzakarahen di antara satu dengan lain pada melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan sempurna.

Beta juga ingin mengingatkan kepada rakyat Beta mengenai dengan masalah dadah. Gejala dadah adalah perosak akhlak dan tatasusila dan punca kemerosotan dan kemunduran sesuatu bangsa. Ianya juga adalah merupakan satu masalah besar yang dihadapi oleh banyak negara di dunia ini. Negara Brunei Darussalam juga, jika tidak berjaga-jaga dan waspada dari sekarang, tidak akan terkecuali daripada menghadapi bencana dadah ini. Kerajaan Beta di dalam usaha untuk membenters dan memerangi penyalahgunaan dadah, tidak akan taragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang yang keras dan tegas ke atas pengedar-pengedar dadah di negara ini. Beta ingin mengingatkan kepada Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung serta ibu bapa, supaya akan sentiasa mengawasi anak-anak buah dan anak-anak mereka daripada terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Begitu juga guru-guru hendaklah sentiasa memerhatikan tingkahlaku murid-murid mereka jika ada tanda-tanda masalah-masalah dadah. Pendek kata, semua pihak hendaklah memberikan kerjasama kepada Kerajaan Beta di dalam

membenteras penyalahgunaan dadah dengan melaporkan kepada pihak yang berkuasa sebarang perbuatan yang disyaki ada kaitannya dengan dadah.

Kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei, Beta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas segala sumbangan masing-masing dalam mempertahankan keselamatan dan menjaga keamanan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini.

Kepada rakyat Beta yang dikasihi, Beta menasihatkan agar mereka dengan tidak kendur-kendur mengekalkan azam dan tekad untuk sentiasa berganding bahu dengan Kerajaan Beta dan terus memikul kewajipan masing-masing sebagai rakyat dan penduduk yang taat setia serta jujur dan bertanggungjawab.

Dengan jumlah penduduk yang kecil, kita memerlukan kerjasama di antara satu dengan lain unuk memajukan dan membangun Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini. Adalah juga menjadi tanggungjawab bersama seluruh lapisan rakyat dan penuduk negara ini untuk menjaga keselamatan negara daripada sebarang ancaman musuh dan gejala-gejala dakyah anasir jahat sama ada datangnya dari dalam mahupun dari luar negeri, yang cuba mencabuli kemerdekaan dan kedaulatan negara kita, dan yang cuba mengkucar-kacirkan keamanan dan mengelirukan pemikiran rakyat dan dakyah-dakyah yang palsu yang semata-mata mempunyai motif kepentingan diri mereka sendiri. Seharusnya kita sentiasa beringat-ingat dan waspada dan menghindarkan sebarang perbalahan dan persengketaan sesama sendiri agar kemajuan dan kemakmuran yang dicapai akan sama-sama kita nikmati.

Sekian. Wabillahiit Taufiq Wal-Hidayah Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah Sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Pada 15 November 1986

Bismillahir Rahmanir Raheem
Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua dapatlah kita sekali lagi meraikan hari Ulang Tahun Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Selawat dan salam ke atas Baginda, kaum keluarga, para sahabat dan para pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Sekali lagi umat Islam di negara ini bersama-sama dengan umat Islam di seluruh dunia pada hari ini menyambut hari yang bersejarah dalam kalendar Islam iaitu Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kepada umat Islam dan umat manusia adalah amat besar khasnya dalam membawa umat Islam menuju ke arah kebaikan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Oleh itu kejayaan dan pencapaian yang diperolehi oleh baginda di dalam berbagai bidang semasa hayat baginda tidak hanya dibanggakan dan dikagumi oleh umat Islam sahaja tetapi juga oleh umat-umat yang lain di dunia ini.

Dalam hubungan ini tentulah terdapat di dalam peribadi baginda itu kualiti-kualiti yang tinggi dan agung yang menjadikan baginda seorang pemimpin yang bijak, mempunyai sifat-sifat kepimpinan dan sifat-sifat yang mulia. Kualiti-kualiti ini adalah merupakan warisan yang berharga untuk dicontohi oleh pengikut-pengikut Baginda. Oleh yang demikian bersempena sambutan yang bersejarah ini, adalah mustahak bagi seluruh umat Islam dan rakyat di negara ini mengambil contoh tauladan dan iktibar dari segi perjuangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan selaras dengan itu mengukuhkan lagi azam untuk bekerja dengan lebih gigih, jujur dan amanah bagi mengekalkan pentadbiran yang cekap, bersih dan dinamik yang mana beta percaya sikap ini adalah dituntut oleh agama Islam.

Tema yang dipilih bagi sambutan Maulud Nabi tahun ini iaitu "Bersatu padu Asas Ketahanan Negara dan Bangsa" adalah amat bersesuaian sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat,

adalah mustahak untuk hidup bersatupadu demi untuk memelihara kemerdekaan dan kedaulatan negara kita.

Perpaduan di segenap lapisan rakyat adalah penting bagi mengekalkan suasana keamanan dan ketenteraman yang kita nikmati selama ini kerana keamanan dan ketenteraman adalah salah satu syarat utama bagi membolehkan kita mengeratkan rancangan-rancangan kemajuan negara ini.

Perpaduan juga adalah menjadi benteng pertahanan kita daripada ditembusi oleh gejala-gejala dan pengaruh-pengaruh asing yang cuba melemahkan semangat dan susunan masyarakat kita yang sedia ada iaitu sebagai masyarakat yang taat beragama, cintakan kepada negara dan beradat istiadat di dalam kehidupan seharian.

Perpaduan yang beta maksudkan itu tidak sahaja terbatas kepada perpaduan di kalangan umat Islam tetapi di kalangan umat lain yang menjadi rakyat dan penduduk negara ini. Dalam hubungan ini, beta percaya bahawa kita selaku umat Islam perlu mengambil pengajaran dan iktibar dari Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang sepanjang hayat Baginda berusaha dengan gigih ke arah mengujudkan perpaduan umat Islam dan perpaduan umat manusia di dunia ini, serta mengingatkan kita akan akibat-akibat dari perpecahan umat.

Perpaduan umat ini insya-Allah, dapat dicapai sekiranya setiap umat mempunyai perasaan bertanggungjawab dan melaksanakan tugas masing-masing dengan perasaan jujur dan amanah dengan pegangan yang teguh pada Allah Subhanahu Wataala.

Beta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa yang mengendalikan sambutan ini dan berharap semoga kegiatan-kegiatan sambutan maulud di masa yang akan datang ditingkatkan lagi supaya benar-benar akan dapat meninggalkan kesan yang mendalam di hati sanubari umat Islam dan umat-umat lain di negara ini.

Sekian, Walbillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Kumpulan Titah

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanah Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
Tahun 1987**

Titah Sempena Tahun Baru 1987 Yang Telah Disiarkan Melalui Radio Televisyen Brunei Pada 1 Januari 1987

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Tahun 1986 telah pun kita lalui dengan pencapaian kejayaan di berbagai bidang dan tidak kurangnya juga kita menghadapi beberapa kesulitan dan cabaran. Ianya juga dilalui dengan detik-detik kesedihan yang amat sangat yang mana menyelubungi kesemua lapisan rakyat dan masyarakat di negara ini iaitu kerana kemangkatan Almarhum Paduka Ayahanda beta yang sangat-sangat dikasihi, Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Negara Brunei Darussalam yang ke-28.

Bersempena menjelang tahun baru iaitu tahun 1987, marilah kita renungkan dan menilai kembali segala apa jua yang telah kita tempuhi pada tahun lepas, dan menjadikannya sebagai iktibar dan pendorong bagi kita semua untuk memperbaiki dan melipatgandakan lagi daya usaha kita yang berkebajikan.

Kepada semua peringkat dan lapisan rakyat di negara ini, tidak kira sama ada pegawai-pegawai kerajaan, anggota pasukan-pasukan keselamatan, pihak-pihak swasta, guru-guru dan pelajar-pelajar, hendaknyalah sentiasa menumpukan sepenuh perhatian mereka kepada tugas dan tanggungjawab masing-masing dan sentiasa menanamkan semangat untuk memajukan dan meninggikan lagi taraf prestasi dan produktiviti masing-masing. Setiap sumbangan yang diberikan hendaklah dibuat dengan keazaman untuk membangun dan memajukan serta membela nasib rakyat dan negara yang tercinta.

Sumbangan yang beta nyatakan ini adalah tidak lengkap jika tidak disertai dengan kejujuran, keikhlasan dan penuh amanah semata-mata kerana Allah jua.

Marilah juga kita semua membuat azam dan tekad untuk memperkuat semangat perpaduan dan bermuafakat sesama kita yang berlandaskan kepada ciri-ciri kebruneian yang mana di dalam kehidupan kita sehari-hari sentiasa bersopan santun, hormat-menghormati di antara satu dengan lain serta beradab yang mengandungi adat. Dengan cara demikian kita akan dapat mewujudkan ketahanan bangsa, negara dan agama, dan Insyaa Allah, dapat mengatasi segala cabaran yang akan kita hadapi di masa-masa yang akan datang sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.

Di samping menjadi tanggungjawab bersama untuk menjaga keselamatan negara daripada sebarang ancaman musuh dan petualang negara, adalah menjadi tanggungjawab seluruh lapisan rakyat untuk memerangi dan membasmi masalah-masalah sosial di negara ini seperti penyalahgunaan dadah, merosak harta benda dan alat-alat kemudahan awam dan juga pengotoran dan pencemaran alam sekitar.

Beta juga ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan kepada semua peringkat dan lapisan rakyat di negara ini iaitu di zaman kemelesetan ekonomi dunia yang dihadapi sekarang adalah perlu bagi kita semua untuk berjimat cermat dan bersederhana di dalam perbelanjaan dan kehidupan kita seharian. Maka dengan cara demikian, kita akan dapat meringankan bebanan akibat dari kemelesetan ekonomi itu.

Sempena tahun baru 1987 ini, beta ingin mengambil peluang untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan beta di semua peringkat termasuk anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, yang telah bekerja keras dengan tekun dan jujur lagi amanah demi untuk kesejahteraan dan keselamatan negara kita Brunei

Darussalam yang dicintai ini. Beta berharap usaha-usaha itu akan diteruskan untuk kebajikan kita bersama dan juga untuk generasi yang akan datang.

Akhirnya, beta bersama-sama dengan keluarga beta, dengan sukacita mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, sambil berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, mudah-mudahan negara kita, Brunei Darussalam, akan sentiasa dirahmati-Nya dengan keamanan dan kemakmuran serta bahagia segala manusia dan isi di dalamnya.

Sekian, Wabillahit Taufik Wal-Hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Di Majlis Perjumpaan Dengan
Penduduk-Penduduk Mukim Pekan Tutong
Di Dewan Kemasyarakatan, Tutong
Pada 12 Februari 1987**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua beta telah dapat melawat mukim ini, yang mana juga merupakan mukim yang mula-mula sekali beta lawati pada tahun ini. Lawatan ini adalah bagi meneruskan siri lawatan beta ke kampung-kampung dan mukim-mukim di daerah-daerah negara ini, bagi tujuan untuk berkenal mesra dengan rakyat beta yang dikasihi dan menyaksikan dengan lebih dekat lagi perkembangan mukim ini, di samping untuk mendengar apa jua kemusykilan atau masalah yang dihadapi oleh rakyat beta. Insya-Allah, mudah-mudahan dengan lawatan ini kita akan dapat sama-sama mengatasi sesuatu kesulitan yang sedang dihadapi dengan seberapa daya, dan seterusnya memperbaiki dan meningkatkan kemajuan rakyat beta di mukim ini khususnya, dan seluruh negara amnya.

Mengenai dengan pengaduan dan kemusykilan rakyat dan penduduk di negara ini, beta ingin menegaskan bahawa sudah lama tersedia saluran-saluran dalam kerajaan beta bagi membolehkan orang ramai menghadapkan pengaduan dan kemusykilan mereka. Bagi pegawai-pegawai kerajaan saluran itu telah sedia ada di dalam Peraturan-Peraturan Am sejak tahun 1961 lagi. Oleh itu, menerusi perhimpunan ini, beta ingin mengingatkan lagi kepada rakyat dan penduduk di mukim ini khasnya, dan di seluruh negara amnya, supaya jika ada apa-apa pengaduan mengenai dengan kemusykilan atau kesulitan-kesulitan mereka, hendaklah mereka segera menghadapkannya kepada kerajaan, yakni, kepada Pegawai Daerah bagi penduduk-penduduk di daerah dan kepada kementerian-kementerian yang berkenaan.

Beta telah berkali-kali mengingatkan kepada rakyat dan penduduk, yang kerajaan beta sentiasa bersedia untuk mendengarkan dan menyiasat mengenai dengan pengaduan-pengaduan orang ramai demi untuk membantu pada mengatasi masalah-masalah yang mereka hadapi. Oleh itu, rakyat dan penduduk janganlah segan-segan untuk menghadapi kesulitan-kesulitan dan kemusykilan mereka kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan beta. Perkara-perkara sedemikian hendaklah diadukan kepada pegawai-pegawai kerajaan sama ada secara bersurat ataupun menjumpai pegawai-pegawai berkenaan dan bukannya kepada orang-orang yang tidak kena-mengena dengan pentadbiran kerajaan beta. Jika rakyat dan penduduk mengadukan mengenai dengan kemusykilan-kemusykilan dan kesulitan-kesulitan mereka kepada orang yang tidak kena-mengena dengan kerajaan beta, maka itu adalah perbuatan yang sia-sia, oleh kerana orang-orang yang sedemikian yang tidak bertanggungjawab mungkin menggunakan aduan-aduan itu untuk kepentingan diri mereka sendiri dan bukannya untuk kepentingan rakyat dan penduduk.

Di perhimpunan yang permai ini, beta ingin menegaskan kepada penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan rakyat di mukim ini akan perlunya kita hidup bersatu-padu dan bermuafakat di dalam kehidupan seharian untuk menjamin keharmonian dan kesejahteraan kita semua. Keharmonian ini akan dapat dicapai dengan mengamalkan dan menghidupkan semua amalan hidup yang telah diamalkan oleh orang-orang tua kita dahulu kala, yang sentiasa mengadakan permuzakarah dan kata sepakat sesama anak-anak buah kampung, dan memucang-mucang di dalam membuat sebarang pekerjaan yang berkebakikan. Di dalam kehidupan mereka, mereka juga saling hormat-menghormati di antara satu dengan lain dengan mengamalkan hidup bersopan-santun dan beradat istiadat. Adalah juga menjadi tanggungjawab penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung supaya sentiasa memberikan perhatian mereka mengenai suasana dan keadaan kampung, kerana setiap perkara sumbang yang berlaku di kalangan penduduk mukim atau kampung, ianya akan menjadi punca keaiban dan mencemarkan nama baik mukim atau kampung. Hendaknyalah nilai-nilai dan ciri-ciri hidup, yang

mana juga menjadi sumber ketahanan bangsa orang-orang Brunei yang beta nyatakan tadi, akan dikekalkan dan diamalkan, dan tidak ditukar ganti dengan nilai-nilai asing.

Sehubungan dengan ini, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung yang dilantik sebagai pemimpin mukim dan di kampung masing-masing, hendaklah mengepalai penduduk-penduduk kampung ke arah hidup bermuafakat dan bersatu-padu. Hendaklah penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung sentiasa mengambil berat akan hal-ehwal kebajikan kampung dengan melaporkan sebarang ancaman, kemusykilan dan masalah kepada pegawai-pegawai daerah dan pihak-pihak kerajaan yang tertentu. Di samping itu, penduduk kampung dan mukim juga mestilah sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama mereka kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung mereka dengan secara jujur dan ikhlas.

Mengenai dengan bahaya dadah yang akan meruntuhkan akhlak dan ketahanan bangsa, beta ingin mengulangi apa yang telah beta nyatakan baru-baru ini iaitu, supaya penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung sentiasa mengawasi dan memata-matai anak-anak buah mereka agar tidak akan terpengaruh oleh dadah. Penduduk-penduduk kampung juga, bagi tujuan untuk menjauhkan anak-anak mereka dari penyalahgunaan dadah, mestilah sentiasa mengawasi perkembangan dan kemajuan pelajaran dan persekolahan anak-anak mereka dan mengamat-amati tingkah laku dan tabiat mereka. Jika terdapat tanda-tanda atau perbuatan-perbuatan yang berkaitan dengan dadah di kalangan penduduk kampung dan anak-anak, janganlah teragak-agak untuk melaporkan kepada pihak-pihak yang berwajib.

Di samping dadah, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung dan penduduk mukim juga hendaknyalah memberikan perhatian kepada kebersihan kampung-kampung dan mukim, dan membanteras kegiatan-kegiatan merosak harta benda kerajaan dan alat-alat kemudahan awam yang disediakan untuk penduduk-penduduk

mukim. Perbuatan pugut itu adalah merugikan kepada penduduk-penduduk mukim itu sendiri. Malah dengan terpeliharanya alat-alat kemudahan awam itu, ianya akan memberikan kesenangan kepada penduduk-penduduk mukim itu sendiri.

Sekian, Wabillahit Taufik Wal-Hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Hari Kebangsaan Yang Disiarkan
Melalui Radio Televisyen Brunei
Pada 22 Februari 1987**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, seru sekalian alam, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat Baginda, sahabat-sahabat dan para pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Bersempena dengan Ulangtahun Ketiga Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua dapatlah beta dan rakyat beta yang dikasihi bersama-sama meraikan hari yang bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam, iaitu sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka. Dalam tempoh tiga tahun sebagai sebuah negara dan bangsa yang merdeka lagi berdaulat, ianya telah kita lalui dengan aman dan tenteram dan terhindar daripada segala bencana yang mana semua ini adalah dengan petunjuk dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata.

Dalam jangka masa yang sama, beta juga telah dapat melihat dan merasakan kerjasama dan sokongan serta kepercayaan penuh daripada segenap peringkat dan lapisan rakyat di negara ini kepada kerajaan beta. Hasil daripada sokongan dan kepercayaan yang diberikan itu, kita telah dapat mencapai kemantapan politik, perkembangan dan kemajuan di bidang sosial dan ekonomi dan keharmonian serta persefahaman di kalangan masyarakat. Unsur-unsur yang beta nyatakan ini adalah penting untuk membawa negara kita ke arah kemajuan dan pembangunan yang pesat seperti yang dihasratkan.

Sejajar dengan aspirasi sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat, adalah menjadi teras kerajaan beta untuk memberikan perhatian utama kepada soal-soal kesejahteraan, kebajikan, kemakmuran serta jaminan masa depan bagi rakyat dan generasi yang akan datang. Ini dapat dilihat dengan sebab bertambahnya pengalaman di bidang pengurusan di dalam kerajaan beta, melalui perjanjian-perjanjian yang ditandatangani baru-baru ini, maka kerajaan beta telah menjadi pemegang saham yang terbesar dalam perusahaan LNG. Dalam pada itu juga, banyak pencapaian ke arah yang beta nyatakan tadi, kerajaan beta telah mengungkayahkan berbagai langkah dalam bidang ekonomi dan kemajuan. Usaha-usaha ini adalah semata-mata untuk mempelbagaikan sumber ekonomi negara daripada bergantung sangat kepada sumber-sumber alam, yakni minyak dan gas. Kerajaan beta adalah sangat menyedari pada hakikat bahawa ekonomi negara tidak akan dapat berterusan bergantung hanya kepada penghasilan minyak dan gas.

Di antara langkah-langkah dan projek-projek yang beta maksudkan itu ialah seperti mengadakan pendaftaran lesen perkapalan di Negara Brunei Darussalam, yang mana bertujuan untuk memajukan perindustrian perkapalan di negara ini, penubuhan industri-industri kecil (*light industries*) dan meningkat dan memperluaskan keupayaan perkhidmatan Penerbangan Diraja Brunei, supaya lebih kemas lagi dan bertaraf antarabangsa. Perlaksanaan projek-projek ini adalah juga bertujuan untuk memperkukuhkan lagi taraf ekonomi dan sosial negara dengan memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Di samping itu, dengan keadaan ekonomi kita yang mantap dan stabil, kerajaan beta akan berterusan merancang projek-projek yang akan benar-benar memberikan manfaat dan faedah kepada semua rakyat beta di negara ini, iaitu seperti di bidang pelajaran, kesihatan, perhubungan dan perkhidmatan sosial yang meliputi infrastruktur perindustrian dan perniagaan dengan menurut keupayaan dan keutamaan jua.

Di dalam menyelenggarakan apa jua bentuk rancangan kemajuan dan pembangunan negara, adalah menjadi hasrat kerajaan beta untuk memastikan penglibatan pihak swasta di negara ini untuk bekerjasama dalam melaksanakan rancangan-rancangan tersebut dengan mengikut kemampuan dan keupayaan mereka. Hendaknyalah setiap peluang yang diberikan itu akan dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan perasaan tanggungjawab terhadap kemajuan dan perkembangan negara. Semestinyalah pihak swasta di negara ini akan dapat menyiapkan kerja-kerja yang diberikan mengikut jangka waktu yang ditetapkan dan dibuat dengan sempurna serta perasaan penuh jujur dan amanah, bukannya semata-mata untuk mendapatkan keuntungan.

Penyusunan semula kabinet pada tahun lepas, dalam mana beberapa kementerian baru telah ditambah, dan diikuti pula dengan perlington beberapa orang timbalan menteri, adalah semata-mata bertujuan untuk mengemaskinikan jentera pentadbiran negara selaras dengan perkembangan kita sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat. Dengan wujudnya satu pentadbiran yang cekap, berkesan lagi bersih dan amanah serta *accessible*, maka dapatlah kerajaan beta mendengarkan dan mengatasi segala pengaduan masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Adalah beta harapkan saluran-saluran yang telah disediakan ini akan digunakan tanpa ragu-ragu dan dengan perasaan penuh tanggungjawab oleh segenap lapisan rakyat beta untuk mengemukakan secara langsung segala masalah dan kesulitan mereka kepada pihak-pihak kerajaan yang bertanggungjawab mengenai masalah-masalah tersebut, bukannya dengan mengadukan kepada pihak-pihak yang tidak kena-mengena dengan pentadbiran kerajaan, yang mana nanti akan menggunakan pengaduan-pengaduan tersebut sebagai batu loncatan untuk memenuhi kepentingan diri mereka sendiri.

Dalam pada itu juga, di dalam jentera pentadbiran negara, adalah beta harapkan supaya penilaian dan penelitian yang terperinci akan dilakukan terlebih dahulu sebelum sebarang pembaharuan dan

penambahan dilakukan. Ini adalah untuk memastikan tidak terdapat sebarang kerja bertindih-tindih, yakni '*duplication*' di dalam sistem pentadbiran dan juga pembaziran tenaga kerja.

Menuju ke arah ini, adalah penting bagi setiap jentera di dalam pentadbiran saling hubung-menghubungi di antara satu dengan lain, dan mengadakan penyelarasan kerja pada setiap masa.

Di peringkat perhubungan antarabangsa, dalam waktu yang singkat ini, Negara Brunei Darussalam telah memainkan peranan mengikut keupayaan kita. Negara Brunei Darussalam telah menyuarakan dengan tegas dan lantang mengenai dengan pendiriannya ke atas isu-isu serantau dan dunia antarabangsa di forum-forum serantau dan antarabangsa. Hasil daripada kemantapan sosioekonomi dan politik dalam negeri, disertai dengan keupayaan kita untuk melaksanakan penglibatan di peringkat serantau dan antarabangsa negara-negara luar bertambah yakin kepada kita. Adalah menjadi hasrat beta untuk mempertingkatkan lagi persahabatan dan bidang kerjasama ekonomi dan sosial dengan negara-negara ASEAN dan semua negara-negara sahabat yang berlandaskan kepada prinsip saling hormat-menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan integriti wilayah yang bebas dari campur tangan di dalam hal-ehwal dalam negeri.

Sehubungan dengan tema Hari Kebangsaan pada tahun ini iaitu "BERSATU KE ARAH KEAMANAN DAN KEMAJUAN", beta ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada belia-belia di negara ini pada khususnya, dan juga seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam pada amnya, supaya tampil ke hadapan menyahut dan memikul seruan-seruan dan aspirasi kerajaan. Di dalam proses membangun negara, yakni '*nation-building*', dan memastikan '*continuity*' kemerdekaan dan kedaulatan bangsa, agama dan negara, ianya adalah juga bergantung kepada tenaga mental serta fizikal dan kesedaran belia-belia di dalam negeri memikul tanggungjawab. Belia-belia adalah penggerak dan pendukung kepada semua dasar dan matlamat kerajaan untuk membawa bangsa dan negara ke arah keamanan, perpaduan, kemajuan dan kemakmuran hidup. Bagi

pencapaian ke arah ini adalah perlu bagi belia-belia di negara ini memainkan peranan dengan cara yang betul dan teratur, bukannya sebagai anggota masyarakat yang tidak acuh dan tidak mengambil endah kepada keadaan sekeliling mereka. Untuk menjamin masa depan negara dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan bangsa dan kesucian agama, Negara Brunei Darussalam memerlukan belia-belia yang berdisiplin, tahan lasak, berdikari, bertanggungjawab dan taat setia kepada bangsa dan negara, dan cinta kepada agama.

Sejajar dengan ajaran agama Islam yang suci, hendaknyalah belia-belia dan rakyat Negara Brunei Darussalam pada amnya akan sentiasa bersatu padu dan bermuafakat di dalam kehidupan seharian dan memberikan kerjasama kepada pihak yang berwajib untuk menjaga keselamatan negara daripada musuh dan ancaman anasir-anasir jahat.

Belia-belia negara ini mestilah menghindarkan diri mereka daripada pengaruh-pengaruh dadah, kerana belia-belia yang menjadi penagih dadah adalah merugikan bangsa dan negara. Di sebaliknya belia-belia mestilah memerangi penyalahgunaan dadah dan membasmi masalah-masalah sosial di negara ini seperti tabiat merosak harta benda dan kemudahan-kemudahan awam, pengotoran alam sekitar, dan sifat tidak bertolak ansur di dalam penggunaan jalan raya.

Bersempena dengan hari yang bersukut baik ini, beta sukacita mencatatkan penghargaan kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka pada menjaga dan mempertahankan keselamatan negara. Beta juga mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang telah bekerja dengan tekun dan rajin serta amanah dan jujur, dan juga kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang cintakan keamanan dan kedamaian yang telah memberikan kerjasama kepada kerajaan beta dalam usaha-usahanya yang berkebakikan dan bermanfaat. Seterusnya beta juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa

Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini, dan juga kepada rakyat dan penduduk yang telah melibatkan diri dan menyumbangkan tenaga pada menjayakan perayaan ini.

Marilah kita sama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan rahmat-Nya kepada Negara Brunei Darussalam ini, dan semua usaha berkebakikan yang kita laksanakan bagi kepentingan dan kemajuan negara ini, akan dapat disempurnakan dengan mendapat keredaan Allah jua.

Sekian, Wabillahit Taufik Wal-Hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah Semasa Berangkat Melawat Mukim Gadong Pada Hari Selasa 24 Mac 1987

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, seru sekalian alam, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat Baginda, sahabat-sahabat dan para pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua, beta dapat bersemuka dan berkenal mesra dengan rakyat beta yang dikasihi di mukim ini. Dengan cara ini, beta dapat melihat secara lebih dekat segala perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai dan seterusnya untuk mendengarkan sendiri apa jua masalah dan kemusykilan yang dihadapi oleh penduduk di mukim ini melalui penghulu mukim.

Adalah beta hasratkan di dalam lawatan ini, beta akan menerima aduan-aduan yang dibuat secara bertulis daripada rakyat dan penduduk di mukim ini. Dengan cara demikian, maka beta akan dapat memahami masalah-masalah tersebut dengan lebih jelas lagi dan membolehkan beta meneliti sedalam-dalamnya akan setiap masalah dan kemusykilan yang diadukan itu, dan seterusnya mengarahkan supaya aduan-aduan tersebut disiasat dan diselidiki oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan beta. Aduan-aduan secara bertulis itu nanti juga akan dijadikan sebagai bukti di dalam membuat tindakan susulan, yakni, "*follow-up action*" kepada pihak-pihak yang berkenaan di dalam kerajaan beta bagi memastikan bahawa jentera pentadbiran kerajaan beta telah pun mengambil tindakan-tindakan seperlunya di dalam menyelesaikan masalah-masalah dan kemusykilan yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk di negara ini.

Di dalam lawatan beta ke mukim-mukim lain, beta telah pun menegaskan beberapa perkara penting mengenai dengan terdapatnya

masalah-masalah sosial di negara ini, seperti penyalahgunaan dadah, pencemaran dan pengotoran alam sekitar dan tabiat merosak harta benda awam. Di dalam lawatan hari ini, beta tidaklah akan berpanjang lebar mengenai dengan perkara-perkara yang beta sebutkan tadi, tetapi hanyalah mengingatkan penghulu mukim, ketua-ketua kampung, ibu bapa dan penduduk mukim ini khususnya, supaya akan memberikan perhatian dan bekerjasama untuk membanteras gejala-gejala tersebut. Hendaknyalah ibu bapa akan sentiasa mengawasi setiap langkah anak-anak mereka. Di samping itu, semangat cintakan kebersihan mestilah dipupuk dan diamalkan di kalangan penduduk mukim. Ini dapat dilaksanakan dengan mengusahakan kerja memucang-mucang yang dikepalai oleh penghulu mukim dan ketua-ketua kampung.

Bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan sosial di negara ini, adalah penting bagi penduduk mukim ini, akan sentiasa bersatu padu untuk mewujudkan persefahaman dan suasana harmoni dengan menurut landasan-landasan yang telah lama sedia ada di kalangan orang-orang Brunei. Bagi tujuan yang sama, beta ingin mengingatkan kepada penghulu-penghulu mukim, supaya sentiasa mengawasi dan berwaspada terhadap kedatangan pendatang-pendatang haram yang tinggal di mukim-mukim mereka. Sekiranya diketahui akan kehadiran pendatang-pendatang haram di mukim-mukim mereka, hendaknyalah penghulu-penghulu akan melaporkan kepada pihak-pihak yang berwajib dengan seberapa segera.

Akhirnya, beta juga mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan penduduk mukim dan seluruh rakyat pada amnya, supaya akan menggunakan sebaik-baiknya setiap peluang yang telah diberikan oleh kerajaan beta, iaitu seperti bidang pelajaran dan perniagaan. Terutama di bidang pelajaran, hendaknyalah ibu bapa sentiasa mengingatkan anak-anak mereka supaya menumpukan sepenuh masa kepada pelajaran mereka.

Sekian, Wabillahit Taufik Wal-Hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Di Majlis Persantapan Negara
Di Istana Nurul Iman Bagi Mengalu-Alukan
Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia
Pada Hari Sabtu, 4 April 1987**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat Baginda, sahabat-sahabat dan para pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Paduka Kekanda Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar, Yang di-Pertuan Agong Malaysia, Paduka Kekanda Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultanah Zanariah, Raja Permaisuri Agong, serta para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Paduka Adinda bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, maka di malam yang berbahagia ini dapatlah Paduka Adinda meraikan Paduka Kekanda, sempena keberangkatan Paduka Kekanda ke Negara Brunei Darussalam bagi lawatan negara.

Lawatan rasmi Paduka Kekanda ke negara ini adalah merupakan satu penghormatan yang tinggi kepada Paduka Adinda dan kerajaan serta rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Ini membuktikan akan betapa ikhlasnya perasaan persaudaraan Paduka Kekanda kepada Paduka Adinda, dan juga memberikan gambaran akan betapa eratnya hubungan persahabatan serta perasaan muhibah di antara Malaysia dengan Negara Brunei Darussalam.

Hubungan Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia adalah begitu baik dan mesra, yang mana telah pun terjalin sejak begitu lama. Perhubungan ini adalah berlandaskan kepada banyak persamaan di

antara kedua buah negara seperti dari segi bangsa, agama, bahasa, budaya dan adat resam serta sejarah dan yang penting sekali ialah perasaan persaudaraan di kalangan pemimpin dan rakyat kedua buah negara. Ini dapat dilihat dari bidang kerjasama yang diusahakan oleh kedua buah negara baik di peringkat sosial, kebudayaan, pelajaran, ekonomi, perdagangan dan pelaburan.

Kerajaan Malaysia telah pun membolehkan kerajaan Paduka Adinda mendapatkan dari Malaysia pakar-pakar, penasihat-penasihat dan pegawai-pegawai untuk berkhidmat di berbagai sektor dalam Kerajaan Paduka Adinda. Dalam pada itu, Negara Brunei Darussalam telah membuat pelaburan di Malaysia dengan membeli saham Sistem Penerbangan Malaysia, yakni MAS. Dan baru-baru ini juga satu perjanjian telah pun dibuat di antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia, iaitu mengenai dengan kawalan ruang udara Negara Brunei Darussalam, yang mana dahulunya adalah di dalam kawalan Malaysia. Adalah menjadi hasrat kerajaan Paduka Adinda untuk mempertingkatkan lagi bidang kerjasama yang telah wujud di antara kedua buah negara yang mana berlandaskan kepada prinsip-prinsip kepentingan bersama, tolak ansur serta hormat-menghormati di antara satu dengan lain.

Daripada aspek hubungan pemimpin dengan pemimpin, dan rakyat dengan rakyat kedua buah negara, lawatan muhibah yang dibuat oleh Perdana Menteri Malaysia dan beberapa orang Menteri Malaysia serta pegawai-pegawai kanan, ke Negara Brunei Darussalam baru-baru ini, adalah membuktikan lagi akan betapa eratnyanya hubungan di antara kedua buah negara. Dalam perjumpaan Paduka Adinda dengan Perdana Menteri Malaysia, beberapa perkara yang membabit kepentingan kedua-dua buah negara kita telah dibincangkan termasuk soal perhubungan udara, lebuhraya yang akan menghubungkan Negeri Sabah dengan Negeri Sarawak melalui Negara Brunei Darussalam, dan penentuan sempadan-sempadan di antara Wilayah-wilayah Malaysia dengan Negara Brunei Darussalam. Paduka Adinda dan kerajaan Paduka Adinda mengharapkan supaya segala perkara-perkara yang membabit hak kepentingan di antara kedua-dua buah negara kita sebaik-baiknya diselesaikan secara

serentak dan menyeluruh termasuklah soal menentukan sempadan baik di darat mahupun di perairan. Lawatan-lawatan seperti ini, adalah besar erti dan faedahnya kepada kedua buah negara di dalam mengeratkan dan memperkukuhkan lagi hubungan silaturahim dan persaudaraan yang telah sedia ada. Adalah Paduka Adinda harapkan hubungan ini akan diperluaskan lagi di masa-masa yang akan datang.

Paduka Adinda juga berhasrat supaya persefahaman yang mendalam yang terdapat selama ini akan diteruskan di antara kedua negara kerana dengan demikian maka perhubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia, akan dapat diperbaiki lagi serta diulang kaji mengikut kepentingan-kepentingan bersama. Dengan adanya persefahaman ini juga, maka perasaan tolak ansur dan hormat-menghormati di antara satu dengan lain akan wujud, dan akan menghasilkan satu suasana yang mesra di dalam apa jua perundingan di antara kedua belah pihak. Lebih-lebih lagi dengan tercapainya kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, ianya tidak akan menimbulkan sebarang kewahaman di kalangan mana-mana pihak tentang terdapatnya campur tangan dari pihak luar di dalam hubungan Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia, Paduka Adinda percaya, ini akan dapat mempertingkatkan lagi persefahaman yang Paduka Adinda maksudkan itu.

Hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia bukanlah hanya setakat hubungan yang rapat, ini juga terdapat di dalam konteks hubungan berbagai hala terutama sekali dalam ASEAN. Adalah juga menjadi hasrat kerajaan Paduka Adinda untuk sentiasa bekerjasama dengan negara-negara anggota ASEAN dalam mempertingkatkan kerjasama di kalangan negara-negara ahli di dalam pertubuhan itu, yang mana nanti akan dapat menjamin kestabilan sosial, ekonomi dan politik di rantau ini.

Negara Brunei Darussalam adalah sangat berharap bahawa ASEAN Summit, yang akan berlangsung pada penghujung tahun ini, akan dapat menghasilkan satu rumusan yang konkrit dan positif, yang mana akan menjamin peningkatan kerjasama serta mengukuhkan kedudukan pertubuhan ASEAN di masa akan datang. Apa yang

penting sekali ialah satu kesedaran perlu diwujudkan di kalangan belia-belia negara ASEAN mengenai dengan tanggungjawab mereka terhadap pertubuhan ASEAN, kerana mereka adalah merupakan sebagai pemimpin negara-negara ASEAN di masa yang akan datang.

Bagi mengakhiri ucapan Paduka Adinda ini, Paduka Adinda dengan penuh gembira sekali lagi mengalu-alukan keberangkatan Paduka Kekanda ke negara ini, dan Paduka Adinda serta Paduka Adinda Raja Isteri dan Paduka Adinda Pengiran Isteri berdoa semoga Paduka Kekanda dan Paduka Kekanda Baginda Raja Permaisuri Agong, akan sentiasa dipelihara Allah Subhanahu Wata'ala, dan sentiasa berada dalam kandungan sihat walafiat, aman sejahtera, dan semoga lawatan Paduka Kekanda ini akan mengeratkan lagi persaudaraan di antara kerajaan dan rakyat Malaysia dengan kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Wabillahit Taufik Wal-Hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Di Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran
Peringkat Kebangsaan Yang Berlangsung
Di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien
Pada Hari Selasa, 7 April 1987**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat Baginda, sahabat-sahabat dan para pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Sekali lagi kita dapat berkumpul beramai-ramai di majlis yang berkat ini untuk sama-sama menyaksikan dan mendengar bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada qari dan qariah peringkat kebangsaan pada malam ini. Beta berharap semoga usaha-usaha ke arah meningkatkan lagi mutu pembacaan Al-Quran akan sentiasa diteruskan dari semasa ke semasa.

Kita harus bersyukur kepada Allah, kerana selama ini kita telah dapat mengekalkan kerjasama yang erat antara kerajaan beta dengan segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Berkat adanya kerjasama itu, kita telah berjaya menikmati tiga unsur utama yang ingin dicapai oleh setiap negara di dunia ini, iaitu, kemantapan politik dalam negeri; perkembangan dan kemajuan sosio-ekonomi yang berterusan; dan persefahaman di kalangan masyarakat, yang mana telah membolehkan kita mengekalkan suasana hidup yang aman bahagia dan stabil. Perkara ini adalah selaras dengan ajaran agama Islam yang menyeru kepada perpaduan dan mencegah kepada perpecahan.

Dengan kedudukan sosio-ekonomi dan politik negara kita yang mantap ini, telah dapat pula mengizinkan umat Islam di negara ini melaksanakan kegiatan-kegiatan keagamaan dan mengamalkan suruhan agama Islam dengan lebih baik dan teratur. Demikian juga kerajaan beta telah dapat pula mengunggakayahkan rancangan-

rancangan kemajuan dalam bidang keagamaan termasuklah pada membina masjid-masjid yang lebih baik dan selesa bagi tujuan beramal ibadat. Sungguhpun demikian, umat Islam di negara ini hendaklah pula sentiasa berwaspada dan berjaga-jaga terhadap sebarang kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang yang tidak diingini, yang cuba untuk menggugat ketenteraman, keamanan dan keharmonian beragama yang sedang kita nikmati pada masa ini. Kita hendaklah berhati-hati terhadap kegiatan untuk menyebarkan ajaran-ajaran atau fahaman-fahaman yang bertentangan dengan ajaran-ajaran agama Islam. Jika keadaan ini tidak diawasi, maka ia boleh menimbulkan perpecahan di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini pada amnya, dan umat Islam khususnya. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap umat Islam di negara ini untuk bekerjasama dengan kerajaan beta untuk lebih berjaga-jaga bagi membendung kegiatan-kegiatan yang beta nyatakan itu. Kerana hanya dalam keadaan suasana negara yang aman dan tenteram, kita akan dapat melaksanakan rancangan-rancangan yang bermanfaat di bidang kemajuan. Kita seharusnya mengambil contoh teladan dari keadaan yang berlaku di negara-negara Islam yang menghadapi beberapa masalah yang menggugat keamanan dan ketenteraman mereka, yang sebahagiannya telah juga menjejaskan perkembangan negara-negara berkenaan.

Dalam meneruskan usaha-usaha bagi meluaskan lagi kesedaran kita dalam perkembangan agama Islam di negara ini, maka kerajaan beta menerusi Kementerian Hal Ehwal Ugama, akan menerbitkan Mushaf Al-Quran tulisan tangan khas bagi kegunaan sekolah-sekolah dan umat Islam di negara ini. Penerbitan ini tidak sahaja merupakan suatu usaha yang dapat dibanggakan dan boleh menjadi ristaan zaman-berzaman, tetapi ianya akan dapat menghilangkan keraguan dan kebimbangan di kalangan umat Islam di negara ini terhadap adanya Mushaf Al-Quran yang mengandungi kesilapan yang diterbitkan di luar negeri.

Mengenai dengan tema pertandingan pada tahun ini, beta ingin menegaskan sekali lagi apa yang beta telah nyatakan semasa sambutan Hari Kebangsaan baru-baru ini, bahawa di dalam proses

membangun negara dan memastikan '*continuity*' kemerdekaan dan kedaulatan bangsa, agama dan negara, ianya adalah juga bergantung kepada tenaga mental serta fizikal dan kesedaran belia-belia dalam memikul tanggungjawab mereka. Berkaitan dengan ini, salah satu usaha ke arah mencapai tujuan itu ialah bagi kita mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran terhadap ajaran-ajaran agama Islam di kalangan belia-belia supaya ajaran-ajaran tersebut dapat dijadikan benteng dalam diri mereka menghadapi pengaruh-pengaruh dan sikap yang tidak diingini seperti pengaruh dadah dan sikap kurang bertanggungjawab terhadap beberapa aspek kehidupan.

Dengan fahaman dan kesedaran serta keyakinan terhadap ajaran agama Islam itu, insya-Allah, kita akan dapat membentuk sebuah masyarakat dan generasi yang sihat dari segi fizikal, mental dan spiritual yang akan dapat bertahan untuk memelihara serta meneruskan perkembangan dan kemajuan negara yang telah kita capai selama ini, termasuklah pada mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Akhirnya, beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa Pertandingan bagi Peringkat Daerah dan Negara, di atas usaha mereka melaksanakan pertandingan ini. Semoga usaha tersebut akan diterima Allah sebagai amal kebajikan jua.

Sekian, Wabillahit Taufik Wal-Hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah Sempena Menyambut Hari Raya Aidilfitri Tahun Hijrah 1407 / Masihi 1987

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd.

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, kita telah dapat menyempurnakan ibadat puasa di sepanjang bulan Ramadan. Adalah diharapkan segala ketabahan iman dan takwa serta amal ibadat yang kita amalkan sepanjang bulan Ramadan itu akan diberkati dan diredai Allah, dan akan dipertingkatkan-Nya taraf amal ibadat kita itu daripada tahun-tahun yang sudah.

Beta juga berharap, amal ibadat puasa yang kita lakukan pada tiap-tiap tahun ini akan dapat menimbulkan perasaan insaf dan disiplin di kalangan kita dan menyedari akan betapa perlunya bagi menjalankan setiap kewajipan dan pekerjaan yang dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi, keikhlasan dan bersih serta amanah semata-mata kerana Allah jua. Mudah-mudahan juga daripada ibadat puasa itu nanti ianya akan melahirkan kesedaran di kalangan rakyat dan penduduk negara ini khususnya yang beragama Islam, akan betapa pentingnya untuk mematuhi setiap peraturan-peraturan dan undang-undang yang dikenakan oleh pihak yang berwajib serta mengamalkan tatasusila masyarakat yang telah sedia wujud bagi tujuan untuk menjamin kesempurnaan dan pembisaian kehidupan, iaitu sebagai masyarakat yang bertamadun dan berhemah tinggi.

Menjelangnya bulan Syawal yang baik dan penuh berkat ini, beta ingin menyeru rakyat dan penduduk Negara Brunei Draussalam, untuk mengambil iktibar daripadanya bagi mempertingkat dan mempererat lagi perasaan muhibah dan hubungan silaturahim sesama kita kerana dengan cara demikian ianya akan dapat melahirkan suasana harmoni dan perpaduan di kalangan masyarakat, dan dapat menjamin keselamatan Negara Brunei Darussalam, insya-Allah.

Bersempena hari yang berbahagia ini, beta bersama-sama dengan keluarga beta dengan sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam. Marilah kita sama-sama berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala, mudah-mudahan Negara Brunei Darussalam serta segala isi di dalamnya sentiasa mendapat perlindungan Allah, dan akan terus menikmati suasana aman tenteram lagi bahagia.

Sekian, Wabillahit Taufik Wal-Hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Hari Ulangtahun
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Yang Ke-26
Pada 31 Mei 1987**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, yang mana dengan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun beramai-ramai bagi merayakan hari yang bersejarah kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei iaitu Hari Ulangtahun Yang Ke-26. Beta juga merasa syukur kerana Hari Ulangtahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada tahun ini adalah juga jatuh pada bulan Syawal yang mana ianya disambut dalam suasana kemeriahan Hari Raya Aidilfitri. Bersempena dengan ini, maka beta mengambil kesempatan untuk mengucapkan kepada semua pegawai dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan keluarga-keluarga mereka Selamat Ulangtahun Yang Ke-26 dan Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Dengan tercapainya umur yang ke-26 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, ianya telah menunjukkan kepada kita bahawa Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah pun mencapai peringkat dewasa. Dalam jangka waktu itu juga kita telah pun sama-sama menyaksikan bagaimana Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang mula ditubuhkan sebagai satu unit ketumbukan pertahanan negara yang kecil, telah pun berkembang sedikit demi sedikit mengikut arus perubahan zaman dan waktu sebagai ketumbukan pertahanan negara yang lengkap dengan mempunyai berbagai-bagai bahagian di dalamnya dan berkeupayaan untuk menjamin dan menjaga keselamatan negara dan rakyat di negara ini. Kedewasaan yang beta maksudkan itu juga jelas nampak dilihat dalam mana anak-anak tempatan telah

pun menyandang serta mengisikan jawatan-jawatan tinggi dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang mana dahulunya dipegang oleh pegawai-pegawai pinjaman daripada Angkatan Bersenjata Paduka Seri Baginda Queen.

Adalah menjadi hasrat beta dan juga kerajaan beta akan sentiasa memberikan perhatian yang penuh dan teliti, di samping bidang-bidang yang lain, ke atas perkembangan dan kemajuan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Dengan cara demikian, ianya akan dapat membentuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebagai benteng dan ketumbukan pertahanan negara yang benar-benar berkesan, *effisien* dan mempunyai *credibility* di dalam menjamin keselamatan, kemerdekaan dan kedaulatan negara serta maruah bangsa dan kesucian agama.

Bagi pencapaian matlamat yang beta nyatakan ini, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan sentiasa diperlengkapkan dengan peralatan yang *sophisticated* dan moden mengikut dengan perkembangan teknologi ketenteraan dan juga dengan mengikut kehendak-kehendak negara dari semasa ke semasa, dengan bersandarkan kepada pergolakan-pergolakan yang terdapat di sekitar kita sama ada serantau mahupun antarabangsa. Dalam pada itu juga, latihan-latihan khusus dan mahir akan sentiasa diberikan kepada pegawai-pegawai dan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei baik di dalam mahupun di luar negeri.

Bersempena dengan Hari Ulangtahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ini, adalah beta harapkan pegawai-pegawai dan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan dapat melihat dan menilai kembali prestasi dan kejayaan-kejayaan yang telah pun dicapai di tahun-tahun kebelakangan, dan berusaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan daya usaha mereka. Sehubungan dengan ini, beta ingin mengingatkan kepada semua anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Darussalam akan pentingnya untuk mewujudkan dedikasi dan disiplin ketenteraan yang tinggi di dalam diri masing-masing. Di samping itu mereka mestilah meningkatkan

profesionalisme dan mematuhi peraturan dan tata tertib-tata tertib ketenteraan yang sedia ada. Hendaknyalah anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan menjauhkan diri dari terlibat dalam perkara-perkara jenayah dan juga daripada gejala-gejala penyalahgunaan dadah kerana dengan cara demikian, ianya akan dapat mengekalkan imej Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebagai ketumbukan pertahanan negara yang berwibawa dan menjadi contoh teladan kepada masyarakat.

Di dalam usaha untuk mengemaskinikan sistem pertahanan negara juga membolehkan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bertindak balas yakni *response* ke atas setiap jenis ancaman yang mungkin dihadapi, berbagai langkah telah pun dirangka dan dikenalpasti oleh Kementerian Pertahanan dengan mengadakan pengkajian yang mendalam dan terperinci. Antara lain ialah penubuhan Pasukan Simpanan yang mana pada peringkat awal akan dianggotai oleh bekas-bekas perajurit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, yang mana akan dibentuk pada penghujung tahun ini, insya-Allah. Menuju ke arah ini, persediaan-persediaan dan langkah-langkah awal telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan beta.

Sementara itu, dalam usaha untuk menjaga kepentingan Negara Brunei Darussalam terutama sekali keselamatan perairan dan perbatasan, Kementerian Pertahanan juga telah pun merangka dengan membuat pengkajian dan penyelidikan yang rapi bagi penggunaan kelengkapan-kelengkapan yang moden dan mempunyai teknologi yang tinggi yang mana apabila terlaksana nanti, ianya akan dapat menimbalkan kekurangan-kekurangan di dalam sistem pertahanan negara yang terdapat pada masa ini. Adalah diharapkan, apabila ianya dilaksanakan nanti, pegawai-pegawai dan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan mengambil peluang latihan-latihan sistematik dan *comprehensive* yang diberikan dengan sepenuhnya iaitu dengan cara memahirkan diri masing-masing dalam setiap latihan dan mempelajari serta menimba pemindahan teknologi tentera yang diberikan itu nanti.

Akhirnya, sempena hari yang bersejarah ini, beta ingin mencatatkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua lapisan pegawai dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang telah berkhidmat sepanjang tahun dengan penuh taat setia, jujur dan efisien, dan melaksanakan tugas-tugas mereka itu menurut tatatertib dan peraturan yang sudah ditentukan oleh ketua-ketua mereka. Beta yakin semangat kerjasama dan disiplin yang tinggi yang telah ditunjukkan itu akan berterusan dan dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa.

Sekian, Wabillahit Taufik Wal-Hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Titah Semasa Keberangkatan Ke Mukim Serasa, Muara Pada Hari Rabu, 8 Julai 1987

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, seru sekalian alam, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat Baginda, sahabat-sahabat dan para pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua, beta dapat bersemuka dan berkenal mesra dengan rakyat beta yang dikasihi dan penduduk-penduduk di Mukim Serasa ini. Dengan cara ini, beta dapat melihat secara lebih dekat lagi segala perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai dan seterusnya untuk mendengarkan sendiri apa jua masalah dan kemusykilan yang dihadapi oleh rakyat beta dan penduduk-penduduk di mukim ini melalui Penghulu Mukim.

Sebagaimana jua telah beta nyatakan dalam lawatan beta ke Mukim Gadong tidak lama dahulu, beta sekali lagi ingin menegaskan bahawa dalam lawatan ini juga beta akan menerima aduan-aduan yang dibuat secara bertulis dari rakyat dan penduduk di mukim ini. Dengan cara ini, kemusykilan dan masalah yang dihadapkan itu akan dapat dikemukakan dengan lebih jelas lagi dan memudahkan pula pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan beta meneliti dan menyelidikinya. Begitu pun juga, ianya akan membolehkan pihak-pihak yang berkenaan mengambil tindakan-tindakan lanjut terhadap aduan-aduan tersebut.

Dalam usaha untuk menjamin kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini, kerajaan beta adalah sentiasa mengambil berat dan menimbang segala kemusykilan dan masalah yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk negara ini. Pada dewasa ini, kerajaan beta sedang berusaha mencari jalan pada meringankan

bebanan sara hidup yang ditanggung oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan beta khususnya yang di peringkat menengah dan rendah. Insya-Allah, beta akan mengumumkan hasil daripada penelitian yang sedang dijalankan dalam perkara ini sebaik-baik saja ianya selesai dilaksanakan.

Rakyat dan penduduk di mukim ini seharusnya berbangga kerana mempunyai tempat-tempat dan alam semulajadi yang indah dan menarik, yang menjadi tumpuan orang ramai dan pelawat-pelawat dari luar negeri. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab rakyat dan penduduk di mukim ini untuk sama-sama menjaga keindahan dan kebersihan alam sekitar di mukim ini, bukan sahaja di kawasan-kawasan yang selalu dikunjungi, tetapi juga kawasan rumah masing-masing, khususnya kawasan yang terdedah kepada jalan-jalan yang selalu dilalui orang ramai. Langkah ini tidak sahaja akan membina lagi alam persekitaran mukim ini, tetapi juga bermanfaat dari segi kesihatan penduduk-penduduknya.

Dalam pada itu juga, beta ingin mengingatkan kepada rakyat dan penduduk mukim ini, iaitu memandangkan kepada keadaan Mukim Serasa yang begitu terbuka, maka hendaknyalah penghulu, ketua-ketua kampung dan rakyat serta penduduk di mukim ini, sentiasa berhati-hati dan waspada mengenai kemasukan pendatang haram ke negara ini. Setiap kemasukan pendatang haram yang diketahui dan disyaki, hendaknyalah dilaporkan dengan seberapa segera kepada pihak yang berwajib.

Salah satu lagi perkara yang kerap-kali beta tekankan akhir-akhir ini ialah mengenai dengan masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh sebilangan belia-belia kita di negara ini. Berkaitan dengan ini, beta tidak akan menjelaskan lagi perkara ini satu persatu, tetapi hanya ingin mengingatkan kepada penghulu, ketua-ketua kampung, ibu bapa dan penduduk-penduduk mukim, supaya akan memberikan perhatian yang berat terhadap masalah-masalah sosial ini. Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa dan masyarakat di mukim ini untuk

mengawasi tingkah-laku anak-anak di mukim ini, dan berusaha untuk membendung mereka dari melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak diingini itu.

Akhirnya, beta berharap semoga rakyat dan penduduk di mukim ini akan terus memupuk suasana persefahaman, mengeratkan hubungan silaturahim dan bantu-membantu di antara satu dengan lain di dalam apa juga rancangan yang bermanfaat, dan yang lebih utama lagi ialah mengekalkan semangat kerjasama dengan kerajaan beta sebagaimana yang telah ditunjukkan pada masa-masa yang lalu. Semoga dengan semangat persefahaman, kerjasama yang erat serta sikap bantu-membantu itu rakyat dan penduduk mukim ini akan terus dapat menikmati manfaat dari rancangan-rancangan yang diusahakan itu.

Sekian, Wabillahit Taufik Wal-Hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**Titah Di Majlis Istiadat Mengadap Dan Mengurniakan
Bintang-Bintang Dan Pingat-Pingat Kebesaran
Bersempena Hari Keputeraan
Yang Ke-41 Di Lapau, Bandar Seri Begawan
Pada Hari Rabu, 15 Julai 1987**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala rahmat dan izin-Nya jua yang membolehkan kita sekali lagi hadir beramai-ramai di istiadat yang permai ini. Beta mengucapkan terima kasih pada semua dif-dif yang hadir pada meraikan ulangtahun hari keputeraan beta tahun ini. Beta juga ingin mengucapkan terima kasih yang ikhlas dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang berkenaan yang telah menghantar utusan-utusan ucap selamat sempena perayaan ini. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan balasan yang seimbang di atas ingatan baik dari semua pihak yang berkenaan itu.

Beta sekali lagi bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya yang membolehkan kita menikmati suasana aman dan tenteram serta dapat pula melaksanakan rancangan-rancangan untuk kemajuan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini. Keadaan yang stabil, aman dan tenteram yang sedang kita nikmati ini juga adalah berkat daripada persefahaman dan kerjasama yang erat di antara pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan beta di semua peringkat dan juga seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

Dalam tempoh satu tahun yang lalu kita telah dapat menyaksikan berbagai perkembangan di negara ini antaranya termasuklah usaha-

usaha mengemaskinkan lagi penyusunan kementerian-kementerian yang mana kesemua ini adalah dihasratkan bagi menuju ke arah pentadbiran yang cekap, berkesan, bersih lagi amanah.

Sejak beta mula-mula menyatakan hasrat untuk mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap, berkesan, bersih lagi amanah iaitu enam tahun yang lalu, berbagai usaha telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak-pihak yang tertentu dalam kerajaan beta. Rancangan-rancangan tersebut hanya akan menghasilkan kejayaan yang diharapkan dengan adanya kerjasama, sokongan dan yang paling mustahak komitmen yang mendalam dari mereka yang melaksanakannya. Oleh itu beta berharap kepada semua ketua jabatan kerajaan dan pegawai-pegawai kanan serta seluruh kakitangan kerajaan supaya akan dapat mengukuhkan lagi azam dan tekad pada menuju matlamat pentadbiran yang dimaksudkan itu.

Dalam usaha untuk membentuk sebuah pentadbiran yang efisien dan berkesan, maka beta ingin mengingatkan kepada semua ketua-ketua jabatan supaya mengambil perhatian yang berat terhadap kakitangan di bawah mereka, kerana kakitangan di sesebuah jabatan itu memainkan peranan yang penting dalam kelicinan dan keberkesanan sesuatu pentadbiran. Perhatian ini tidak sahaja yang berkaitan dengan hal-ehwal kebajikan kakitangan itu tapi juga perkara yang melibatkan '*career development*' mereka seperti menentukan kesesuaian pekerjaan dengan kebolehan dan kelulusan mereka masing-masing, serta memberikan pendedahan kepada pengalaman bekerja dan peluang-peluang latihan di dalam mahupun di luar negeri. Sehubungan dengan ini adalah beta hasratkan supaya ketua-ketua jabatan akan memberikan pertimbangan dan perhatian yang sama kepada semua pegawai dan kakitangan tanpa membezakan di antara wanita dengan lelaki.

Beta juga ingin menarik perhatian dan memberikan peringatan kepada semua ketua jabatan bahawa kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai dan kakitangan bukanlah dibuat semata-mata bersandarkan kepada kelamaan atau *seniority* pegawai-pegawai dan kakitangan berkenaan ataupun dialaskan kepada rakan-rakan mereka telah

dinaikkan pangkat tetapi ianya adalah dibuat mengikut merit dari segi prestasi, produktiviti dan kecekapan serta kaliber pegawai-pegawai dan kakitangan berkenaan. Dalam hal ini ketua-ketua jabatan hendaklah sentiasa membuat penilaian yang jujur dan teliti ke atas pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah mereka.

Kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan beta, beta ingin mengingatkan akan peri mustahaknya bagi mereka untuk lebih berdisiplin dan berdedikasi serta mematuhi peraturan-peraturan bekerja yang telah ditetapkan serta mengamalkan sikap pemedulian dan bersopan-santun sejajar dengan ciri-ciri kebruneian kita. Berkaitan dengan disiplin ini, beta ingin mengingatkan kepada semua kakitangan kerajaan beta akan peri mustahaknya meningkatkan kesedaran dan mematuhi serta membiasakan diri dengan peraturan-peraturan keselamatan khususnya menjaga keselamatan dokumen-dokumen yang dinilai sebagai sulit dan rahsia. Ini adalah bertujuan bagi memelihara keselamatan dokumen-dokumen berkenaan terlepas ke tangan mereka yang tidak bersangkutan paut dengan tugas mereka.

Di dalam bidang ekonomi, kita juga sedikit sebanyak mengalami kesan dari kejatuhan harga minyak dunia pada masa ini. Walaupun demikian keadaan ini tidak pula menjejaskan perlaksanaan rancangan-rancangan yang telah disusun dalam Rancangan Kemajuan Negara kita malah telah menguatkan lagi azam kita untuk mencapai matlamat mempelbagaikan dan mengukuhkan sumber ekonomi negara. Ke arah ini penubuhan syarikat seperti Brunei Shell Tankers yang mana diikuti dengan penyusunan semula penyertaan saham di dalam Syarikat LNG dan Brunei Coldgas pada tahun lepas telah menjadikan kerajaan beta sebagai pemegang saham yang terbesar sekali dalam syarikat-syarikat berkenaan. Di samping itu penyediaan bagi kemudahan-kemudahan bagi industri-industri ringan adalah juga antara lain menandakan kesungguhan kerajaan beta di dalam bidang ini. Selaras dengan perkembangan ini kerajaan beta akan meneruskan usaha memajukan bidang lain yang sentiasa dihasratkan untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini, iaitu pembinaan lebuh raya dan meninggikan taraf jalan raya

di negara ini, manakala rancangan-rancangan perpindahan negara dan pemberian tanah kepada rakyat jati dan rancangan-rancangan infrastruktur juga sedang rancak dilaksanakan.

Di bidang pelajaran, kerajaan beta sedang berusaha untuk meningkatkan lagi taraf pencapaian pelajaran di negara ini. Sehubungan dengan ini beta ingin menyatakan bahawa perancangan pelajaran yang tersusun rapi dan teliti lagi *consistent* adalah mustahak dalam usaha untuk melahirkan tenaga manusia yang berkemahiran dan bersesuaian dengan keperluan negara. Di bidang kesihatan pula, usaha-usaha sedang dilaksanakan bagi negara kita menuju ke matlamat tahun 2000. Begitu juga kita sedang dan akan terus berusaha dalam memperkembang dan meningkatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan perhubungan dalam dan luar negeri. Semoga usaha-usaha yang berkaitan ini disertai dengan kemantapan ekonomi negara serta keadaan yang terus aman dan tenteram kian dapat membantu perkembangan di bidang-bidang yang lain selaras dengan matlamat Rancangan Kemajuan Negara.

Keselamatan Negara Brunei Darussalam adalah juga satu-satunya aspek yang diberikan perhatian berat oleh kerajaan beta, terutama sekali dalam mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan bangsa dan negara serta kesucian agama. Dalam hubungan ini, kerajaan beta menerusi Kementerian Pertahanan sedang membuat segala persiapan yang terperinci bagi membolehkan satu rang undang-undang digubal, bagi tujuan penubuhan Pasukan Tentera Simpanan. Pada peringkat awal nanti Pasukan Tentera Simpanan ini akan dianggotai oleh bekas perajurit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Insya-Allah, keanggotaan Pasukan Tentera Simpanan ini adalah dihasratkan untuk dilaratkan secara berperingkat-peringkat kepada rakyat negara ini. Dalam pada itu juga berbagai-bagai langkah sedang diambil oleh Kementerian Pertahanan untuk memodenkan serta mengemaskinikan lagi sistem pertahanan negara. Ini adalah termasuk penilaian-penilaian serta penggunaan alat-alat kelengkapan baharu dan *sophisticated* bagi maksud melengkapkan lagi unit-unit ketumbukan dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di dalam menjalankan peranan-peranan mereka, terutama sekali

dalam memastikan keberkesanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, dalam mempertahankan keselamatan perbatasan, dan pengawalan perairan Negara Brunei Darussalam. Bagi tujuan yang sama telah banyak pegawai-pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dihantar untuk menjalani kursus di berbagai-bagai bidang teknikal dan professional di negara-negara yang bersahabat. Penghantaran pegawai-pegawai ini akan sentiasa diteruskan dari semasa ke semasa sejajar dengan hasrat beta untuk menambahkan lagi tenaga-tenaga dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang bertauliah dan berkemahiran terutama sekali dalam mengendalikan alat-alat kelengkapan dan senjata-senjata yang moden lagi *sophisticated*.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperlengkapkan serta mengemaskinikan lagi sistem pertahanan negara maka beta ingin menyeru kepada semua rakyat dan penduduk negara ini supaya akan melibatkan diri di dalam mempertahankan keselamatan negara. Soal mempertahankan keselamatan negara bukanlah semata-mata dipikul dan dipertanggungjawabkan kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sahaja dan juga pasukan-pasukan keselamatan yang lain, akan tetapi setiap rakyat yang berada dalam lingkungan umur yang dikira aktif dan diakui sihat adalah juga sama-sama mempunyai tanggungjawab dalam memberikan sumbangan untuk menjaga keselamatan dan pertahanan Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.

Di peringkat perhubungan antarabangsa, Negara Brunei Darussalam telah dan akan terus memainkan peranan yang aktif menurut keupayaan kita. Negara Brunei Darussalam telah menyuarakan dengan tegas dan lantang pendiriannya ke atas isu-isu serantau dan antarabangsa di forum-forum serantau dan antarabangsa. Kita akan meneruskan sikap berbaik-baik dengan semua negara sahabat yang berlandaskan kepada prinsip saling hormat-menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan integriti wilayah, bebas dari campur tangan akan hal-ehwal dalam negeri. Sehubungan dengan ini juga negara-negara luar telah

bertambah yakin dengan kemampuan Negara Brunei Darussalam dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai ahli kepada pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Di dalam hasrat kita untuk membentuk sebuah negara yang aman, tenteram, pesat membangun dan digalati, maka adalah beta harapkan supaya seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa mematuhi dan menghormati setiap peraturan dan undang-undang negara ini, dan seterusnya memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak yang berwajib di dalam melaksanakan peraturan-peraturan dan undang-undang itu.

Sepertimana juga yang beta sering nyatakan, beta dan kerajaan beta adalah sentiasa mengambil berat tentang kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Salah satu cara beta untuk mengetahui terlebih dekat mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk ialah melalui lawatan-lawatan beta ke mukim-mukim dan kampung-kampung. Hasil dari beberapa lawatan yang telah beta buat itu beta mendapati bebanan sara hidup adalah merupakan masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan beta yang berpendapatan sederhana dan rendah. Dalam usaha untuk mengatasi masalah ini beta telah pun mengarahkan kerajaan beta membuat pengkajian dan penelitian.

Hasil dari pengkajian penelitian yang dibuat maka beta dengan perasaan sukacita mengumumkan pemberian oleh kerajaan beta satu 'Elaun Khas' sebanyak seratus ringgit sebulan pada pegawai-pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam yang berjawatan tetap dengan kerajaan mulai daripada divisyen dua ke bawah. Ini juga termasuk bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang dilantik di dalam jawatan dari sebulan ke sebulan, open vote dan yang bergaji hari, serta juga sebahagian daripada pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkontrak. Pembayaran elaun khas ini bermula daripada 1 Julai tahun ini yakni tahun 1987.

Pemberian elaun khas ini adalah dibuat dengan tulus ikhlas kerana Allah sebagai pertimbangan untuk menimbal sedikit

sebanyak bebanan sara hidup yang dihadapi oleh sebilangan rakyat dan penduduk. Mudah-mudahan ianya akan mendapat sambutan yang baik dan dimanfaatkan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan beta.

Adalah juga diharapkan ianya akan menjadi pendorong kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan beta untuk lebih produktif dan dedikasi di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Dalam perayaan tahun ini, beta tidak akan berkesempatan menghadiri perayaan sempena ulangtahun hari keputeraan beta yang akan diadakan di daerah-daerah, oleh kerana beta berhajat menunaikan rukun Islam yang kelima yakni menunaikan Fardu Haji dan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua beta bercadang akan berangkat ke tanah suci dalam beberapa hari lagi. Walau bagaimanapun beta akan menghantarkan wakil peribadi beta untuk menghadiri perayaan-perayaan di daerah-daerah itu.

Di samping itu, insya-Allah, sekembali beta daripada menunaikan Fardu Haji nanti, beta akan mengadakan majlis jamuan dan beramah-mesra di semua daerah. Ini adalah bertujuan untuk mengucapkan kesyukuran dan terima kasih beta kepada pihak-pihak yang terlibat yang mana telah bersusah-payah di dalam menjayakan Sambutan Ulangtahun Hari Keputeraan beta yang ke-41.

Bagi mengakhiri ucapan ini, beta dengan ikhlas ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan beta di atas khidmat cemerlang yang telah mereka berikan dan berharap semoga akan dapat meningkatkan lagi kecemerlangan mereka itu di masa-masa yang akan datang.

Betajugaingin mencatatkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan serta seluruh rakyat dan penduduk negara ini, di atas kerjasama mereka dalam mempertahankan keselamatan dan

memelihara keamanan dan ketenteraman Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini. Begitu juga, beta ingin merekodkan penghargaan kepada semua Ahli-Ahli Jawatankuasa Perayaan Hari Keputeraan beta di atas penat lelah mereka pada menyusun dan melaksanakan acara-acara perayaan pada tahun ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan ganjaran yang setimpal kepada mereka semua.



**Titah Di Majlis Pembukaan Rasmi
Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun
Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam
Pada Hari Jumaat, 17 Julai 1987**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada hari yang mulia dan penuh berkebajikan ini, iaitu di majlis pembukaan rasmi masjid baru di Kampung Sungai Kebun ini. Beta percaya, dengan terdirinya masjid ini, ianya akan dapat memberikan kemudahan beribadat yang lebih sempurna serta membolehkan bagi mengadakan perkara-perkara berkebajikan yang bercorak keagamaan di kalangan penduduk-penduduk di Kampung Sungai Kebun khususnya, dan juga penduduk di kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya. Adalah beta harapkan kemudahan yang diberikan ini akan dimanfaatkan dan digunakan dengan sepenuhnya oleh penduduk-penduduk di kawasan ini. Di samping itu, hendaklah para jemaah akan bertanggungjawab menjaga kesucian dan kesempurnaan masjid ini, iaitu baik dari segi kebersihan mahupun penggunaannya.

Kerajaan beta sentiasa memberikan perhatian yang khusus ke atas perkembangan-perkembangan agama Islam di negara ini, terutama sekali dalam perkara penyebaran syiar Islam kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Dan adalah sentiasa dihasratkan oleh kerajaan beta untuk memberikan kemudahan-kemudahan beribadat kepada rakyat dan penduduk di negara ini yang beragama Islam sama ada di kawasan bandar mahupun pedalaman. Ini dapat dilihat dengan pembinaan banyak masjid-masjid dan

surau-surau di seluruh negara, dan hasil daripadanya adalah sangat menggalakkan dalam mana semua masjid-masjid dan surau-surau tersebut sentiasa dipenuhi oleh ramai jemaah-jemaah dari berbagai peringkat masyarakat terutama sekali dari golongan belia-belia baik pada hari-hari biasa mahupun dalam bulan Ramadan.

Sehubungan dengan ini, beta mengingatkan kepada rakyat dan penduduk negara ini, khususnya yang beragama Islam, akan peri mustahaknya mereka sentiasa berhati-hati daripada dipengaruhi oleh dakyah musuh-musuh Islam dan ajaran-ajaran sesat, yang mana bertujuan untuk merosakkan aqidah kita serta mencemarkan kesucian dan kebenaran agama Islam. Beta juga ingin menyarankan supaya rakyat yang beragama Islam di negara ini, terutama sekali di kalangan belia-belia, tidak akan terikut-ikut dan dipengaruhi oleh pergerakan-pergerakan pelampau sepertimana yang dihadapi oleh negara-negara jiran yang cuba untuk mempengaruhi pemikiran rakyat, khususnya para belia. Pelampau-pelaupau ini menggunakan agama Islam semata-mata untuk memenuhi kepentingan-kepentingan mereka, dan bertujuan untuk meruntuhkan keharmonian sosial serta mengkucar-kacirkan keamanan, kestabilan dan ketenteraman yang telah sedia wujud di negara ini. Hendaknyalah rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini akan sentiasa mengikuti lunas-lunas yang telah pun termaktub di dalam Perlembagaan Bertulis Negara Brunei Darussalam tahun 1959, iaitu lunas Islam negara ini adalah berlandaskan kepada lunas Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Dalam menjaga keamanan dan ketenteraman awam dan negara, kerajaan beta tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang yang tegas kepada mereka yang cuba untuk menyebarkan pergerakan-pergerakan pelampau di negara ini.

Beta juga ingin mengambil kesempatan pada hari yang mulia lagi penuh berkat ini, untuk menyeru rakyat dan penduduk negara ini, khususnya yang beragama Islam, supaya akan sentiasa bersatu padu di bawah kesucian agama Islam serta menguatkan semangat persaudaraan Islam kita. Kita juga mestilah berusaha untuk menjaga kesucian agama Islam dengan menguatkan lagi aqidah kita serta patuh kepada prinsip-prinsip Islam di dalam kehidupan seharian;

sejajar dengan ciri-ciri orang Brunei yang taat dan kuat beragama. Dengan cara demikian, maka kita akan dapat membentuk satu suasana masyarakat yang harmoni dan bermuafakat, serta sama-sama bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan negara serta membanteras segala kegiatan-kegiatan antisosial yang terdapat di negara ini.

Buat mengakhiri ucapan beta ini, dengan mendahulukan kalimat “Bismillaahir Rahmaanir Raheem”, dan selawat serta salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, beta dengan sukacita merasmikan “MASJID AL-MUHTADEE BILLAH”, Kampong Sungai Kebun ini.



**Titah Sempena Menyambut Ulangtahun
Hari Keputeraan Yang Ke-41
Bagi Daerah Temburong
Pada Hari Isnin, 20 Julai 1987**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala limpah rahmat-Nya jua yang mengizinkan kita hadir beramai-ramai di istiadat yang permai ini.

Dengan ikhlas, beta ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat dan penduduk di daerah ini yang telah berpenat-lelah menyusun perlaksanaan berbagai acara sambutan perayaan ulangtahun Hari Keputeraan beta di daerah ini. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan ganjaran yang setimpal kepada mereka.

Adalah menjadi hasrat kerajaan beta untuk memastikan setiap rancangan-rancangan negara akan dinikmati oleh seluruh rakyat dan penduduk di semua daerah. Dalam hubungan ini, beta sukacita mengetahui berbagai projek pembangunan telah pun siap dan sedang rancak dilaksanakan di daerah ini. Hendaknyalah projek-projek tersebut akan dapat dimanfaatkan oleh penduduk dan rakyat di daerah ini.

Adalah beta harapkan penduduk dan rakyat daerah ini akan sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir yang cuba mengancam keamanan, ketenteraman dan kestabilan yang sedang kita nikmati. Di samping itu, akan terus memberikan kerjasama sepenuhnya kepada kerajaan beta.



**Titah Sempena Menyambut Ulangtahun
Hari Keputeraan Yang Ke-41
Bagi Daerah Tutong
Pada Hari Khamis, 23 Julai 1987**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengizinkan kita berkumpul beramai-ramai di istiadat yang permai ini.

Dalam usaha kerajaan beta untuk memajukan semua daerah di negara ini, daerah ini telah pun menikmati projek kemajuan yang terbesar iaitu dengan terlaksananya pembinaan jalan raya sepanjang pantai yang menghubungkan Daerah Tutong dengan Pelabuhan Muara melalui Jerudong. Dalam hal ini, adalah perlu orang ramai khususnya penduduk di daerah ini memberikan perhatian terhadap keselamatan jalan raya dengan mengamalkan sikap tolak ansur dan mematuhi peraturan-peraturan keselamatan jalan raya.

Kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang bertugas di daerah ini, beta berharap mereka akan terus mewujudkan suasana bekerja yang lebih sihat bagi menuju ke arah pentadbiran yang cekap, jujur lagi amanah.

Akhirnya, kepada semua ahli-ahli jawatankuasa perayaan, rakyat dan seluruh penduduk di daerah ini, beta sukacita mencatatkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan mereka pada menjayakan upacara-upacara sambutan perayaan ulangtahun Hari Keputeraan beta pada tahun ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan menerima sumbangan itu sebagai amal kebajikan jua.



**Titah Sempena Menyambut Ulangtahun
Hari Keputeraan Yang Ke-41
Bagi Daerah Belait
Pada Hari Sabtu, 25 Julai 1987**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di atas izin dan rahmat-Nya kita dapat hadir beramai-ramai sekali lagi di istiadat yang indah permai ini.

Di majlis yang berbahagia ini, beta sukacita mengingatkan belia-belia di daerah ini supaya meningkatkan kesedaran tanggungjawab mereka kepada negara. Belia-belia mestilah sentiasa bersikap positif di dalam memberikan kerjasama kepada kerajaan dan seharusnya mempunyai ketahanan diri daripada dipengaruhi oleh gejala-gejala yang tidak diingini.

Kepada rakyat dan penduduk di Daerah Belait, beta berharap mereka akan sentiasa memberikan kerjasama kepada kerajaan beta yang berterusan di dalam menjaga suasana aman dan tenteram di negara ini.

Bagi mengakhiri ucapan beta, beta dengan ikhlas sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli-ahli jawatankuasa perayaan serta seluruh rakyat dan penduduk di daerah ini di atas usaha-usaha mereka bersusah payah menyusun dan melaksanakan upacara-upacara sambutan ulangtahun perayaan Hari Keputeraan beta bagi daerah ini. Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan ganjaran yang setimpal kepada mereka semua.



**Titah Di Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Ke-9
Menteri-Menteri Pertanian Dan Perhutanan ASEAN
Yang Berlangsung Di Pusat Da'wah Islamiah
Pada 24 September 1987**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Dalam majlis yang berbahagia ini, beta ingin mengucapkan selamat datang kepada Tuan-tuan Yang Terutama, para perwakilan dan tetamu ke Persidangan Ke-9 Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN. Beta dengan tulus ikhlas berharap tuan-tuan akan merasa gembira berada di Negara Brunei Darussalam dan perbincangan tuan-tuan dalam masa beberapa hari akan datang akan menghasilkan keputusan-keputusan yang berfaedah dan bererti.

Tahun 1987 menandakan ulangtahun ke-20 penubuhan ASEAN. Dalam tempoh tersebut, ASEAN telah berjaya membuktikan dirinya sebagai contoh bagi keamanan dan perpaduan serantau. Kejayaan itu bukanlah merupakan satu kejayaan yang kecil. Kita menikmati keamanan dan kestabilan di rantau ini kerana para pemimpin ASEAN bekerja keras untuk mencapainya melalui dedikasi serta kesungguhan dan kerjasama politik yang kukuh.

Dengan wujudnya keamanan dan kestabilan dalam ASEAN, kita telah berkeupayaan mempergunakan sumber-sumber kita untuk membangun negara dalam berbagai kegiatan ekonomi, mempertingkatkan infrastruktur asas kita serta juga untuk mempertingkatkan taraf hidup rakyat kita. Walau bagaimanapun, tanggungjawab membangun negara masih belum berakhir. Infrastruktur ekonomi kita masih jauh ketinggalan di belakang negara-negara membangun. Usaha-usaha dan kerjasama yang lebih gigih perlu dilaksanakan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang mana hanya akan dapat dicapai jika keamanan dan kestabilan wujud di rantau kita. Oleh yang demikian, para pemimpin ASEAN mestilah sentiasa berusaha ke arah ini dan seterusnya memastikan ianya juga akan dilaksanakan oleh para pemimpin masa depan.

Disebabkan oleh kelemahan infrastruktur ekonomi kita, ekonomi ASEAN agak terjejas oleh kemelesetan-kemelesetan atau kegiatan-kegiatan ekonomi di negara-negara membangun.

Keperluan bagi kerjasama ekonomi yang efektif adalah lebih penting dalam bidang-bidang pertanian. Satu majoriti besar rakyat ASEAN bergantung ke atas pertanian bagi kehidupan mereka sebagai peladang. Kebanyakan peladang tersebut mempunyai hasil pendapatan yang lebih rendah dari mereka yang bekerja di sektor-sektor ekonomi yang lain seperti perkilangan dan lebih menyedihkan lagi kebanyakan peladang-peladang tersebut hidup dalam keadaan di bawah paras kemiskinan. Faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya keadaan tersebut antara lainnya ialah produktiviti yang rendah, harga-harga komoditi yang tidak stabil, dasar perlindungan yang diamalkan oleh negara-negara membangun, infrastruktur yang tidak mencukupi dan strategi pemasaran yang tidak efisien.

Usaha-usaha untuk membetulkan keadaan tersebut hendaklah dilaksanakan dengan secepat mungkin. Kerjasama kita dalam bidang pertanian hendaklah dihasratkan bagi mendapatkan hasil pendapatan yang lebih baik bagi peladang-peladang dengan memberikan jaminan bekalan makanan yang mencukupi serta kemajuan pertanian yang seimbang di rantau ASEAN. Ini boleh dicapai melalui berbagai projek usahasama yang melibatkan sektor swasta, memberi latihan kepada para peladang dan nelayan untuk mempertingkatkan kemahiran mereka, memajukan hasil-hasil keluaran pertanian yang ditambah nilainya, memberi bantuan-bantuan infrastruktur kepada peladang-peladang, pelaburan dalam bidang penyelidikan dan perkembangan pertanian, perikanan dan perhutanan serta pembentukan satu sistem pemasaran yang efisien bagi peladang-peladang. Keseluruhan usaha tersebut, tidak diragukan lagi, akan menghasilkan produktiviti pertanian yang lebih baik di rantau ini yang membawa kepada taraf hidup yang lebih baik bagi warganegara ASEAN pada keseluruhannya dan kepada para peladang amnya.

Bagi Negara Brunei Darussalam, beta merasa gembira memaklumkan kepada Tuan-tuan Yang Terutama bahawa dalam

Rancangan Kemajuan Negara ke-5 tahun yang ada sekarang, penekanan diberikan kepada memaju dan memperbesarkan peranan sektor-sektor pertanian, perhutanan dan perikanan dalam ekonomi negara ini. Dalam bidang pertanian, lebih banyak lagi firma perdagangan akan digalakkan dan alat-alat kelengkapan yang boleh mengurangkan tenaga kerja buruh seperti jentera pertanian dan perladangan teknologi tinggi akan dipertimbangkan dengan serius. Dalam bidang perhutanan, usaha-usaha sedang dibuat untuk mengeluarkan hasil-hasil keluaran yang ditambah nilainya dari kayu-kayan negara ini; dalam perikanan, Negara Brunei Darussalam berharap untuk menghasilkan lebih banyak lagi ikan di laut dalam, akuakultur dan kolam-kolam ikan air tawar. Dengan kerjasama ASEAN dalam bidang-bidang tersebut, beta yakin usaha kita untuk memperbesarkan sumbangan sektor-sektor pertanian, perhutanan dan perikanan dalam ekonomi kita akan memperolehi kejayaan.

Persidangan Menteri-menteri ASEAN mengenai Pertanian dan Perhutanan kali ke-9 Negara Brunei Darussalam diadakan tepat pada waktunya. Dalam permesyuaratan ini Tuan-tuan Yang Terutama akan berpeluang bukan hanya untuk meninjau rancangan-rancangan dan kegiatan-kegiatan ketika ini, tetapi yang lebih penting bagi tuan-tuan akan membincangkan tugas-tugas penting bagi menyediakan berbagai inisiatif baru dalam bidang-bidang pertanian, perhutanan dan perikanan untuk dihadapkan kepada Sidang Kemuncak ASEAN dalam bulan Disember tahun ini. Beta merasa yakin Tuan-tuan Yang Terutama dan para perwakilan berusaha sedaya upaya untuk merangka rancangan-rancangan yang akan memberi nafas dan mengekalkan kerjasama ekonomi masa depan ASEAN dalam bidang-bidang berkenaan.

Negara Brunei Darussalam mempertimbangkan Persidangan Menteri-menteri ASEAN mengenai pertanian dan perhutanan ini sebagai salah satu forum yang amat penting bagi mempesatkan kerjasama ekonomi di rantau ini dan oleh yang demikian beta berharap tuan-tuan akan mencapai kejayaan dalam perundingan tuan-tuan.

Dengan mendahulukan kalimat ‘Bismilaahir Rahmaanir Raheem’ beta isytiharkan Persidangan Menteri-menteri ASEAN mengenai pertanian dan perhutanan ini dibuka dengan rasminya.



**Titah Di Majlis Perhimpunan
Dan Perarakan Sambutan Maulud
Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam
Di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien
Pada 4 November 1987**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala nikmat dan rahmat-Nya, selawat serta salam kepada Nabi Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan sekalian kaum keluarga, sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Beta mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kita sekali lagi dapat berhimpun beramai-ramai di seluruh negara di hari yang bersejarah lagi penuh berkat ini kerana memperingati hari ulangtahun keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perhimpunan yang penuh berkebakikan lagi berkat yang selalu kita adakan pada tiap-tiap tahun bukanlah semata-mata ditakrifkan bagi memperingati kelahiran seorang Rasul Allah teragung yang membawa sinar keimanan dan kemerdekaan serta kesempurnaan penghidupan kepada manusia alam sejagat tetapi juga bertujuan untuk sentiasa memberikan ingatan di dalam kehidupan kita sehari-hari akan sikap-sikap terpuji dan teragung Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Perjuangan-perjuangan Baginda yang cekal dan gigih dalam menyebarkan dan menegakkan syiar Islam yang suci dan membentuk akhlak manusia yang sempurna dan juga untuk mengingatkan kembali akan keteguhan iman serta perpaduan dan kerjasama umat Islam di zaman Baginda yang begitu kuat dan kukuh di dalam menegakkan agama Allah dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Hendaknyalah rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa mengambil inspirasi dan iktibar daripada kekuatan iman dan kesempurnaan disiplin serta semangat bersatu padu yang ditujukan oleh umat Islam di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam hal-hal kenegaraan dan kehidupan kita sehari-hari sebagai masyarakat Brunei.

Sempena Hari Keputeraan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ini kita juga hendaklah menoleh ke belakang dan merenung semula sama ada kita sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam telah pun benar-benar memikul tanggungjawab yang diberikan dan juga telah berhasil mewujudkan kerjasama dan perpaduan yang erat dalam usaha kita untuk memajukan dan membangun negara yang sama-sama kita cintai ini. Sebagaimana kita sedia maklum di samping keimanan dan akidah yang kuat, bekerjasama, bersatu-padu dan sentiasa berdisiplin serta patuh kepada peraturan-peraturan dan undang-undang negara adalah merupakan intisari utama di dalam mewujudkan kestabilan negara dan ketahanan masyarakat.

Menyedari pada hakikat pentingnya bersatu padu dan bermuafakat di dalam membangun negara maka ianya selalu disarankan di dalam tema sambutan-sambutan perayaan yang tidak terkecuali di dalam perhimpunan kita pada pagi ini bersempena dengan hari keputeraan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang mana temanya adalah “Bersatu Ke Arah Keamanan dan Kemajuan”. Tema ini tidak akan mempunyai makna sekiranya ianya tidak dipraktikkan dan dihayati oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Sempena hari yang penuh berkat ini beta mengambil kesempatan untuk mengingatkan kepada rakyat dan penduduk di negara ini supaya akan sama-sama tampil memberikan kerjasama dan sentiasa bersatu-padu di dalam usaha kita untuk membangun dan memajukan serta mempertahankan negara kita yang sama-sama kita cintai ini dengan melaksanakan setiap tanggungjawab yang diberikan kepada kita itu dengan penuh dedikasi dan semata-mata kerana Allah jua.

Akhirnya beta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa yang mengendalikan sambutan ini dan juga segenap lapisan rakyat dan penduduk yang mengambil bahagian di dalamnya. Dan beta berdoa semoga perbuatan yang berkebajikan yang kita lakukan ini akan menerima ganjaran yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



**Titah Di Majlis Sidang Kemuncak ASEAN Ke-3
Di Manila Pada 14 Disember 1987
(Terjemahan dari teks asal Bahasa Inggeris)**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Tuan-tuan Yang Terutama,

Terlebih dahulu, beta ingin mengucapkan tahniah kepada Puan Pengerusi atas pemilihan puan untuk mempengerusikan mesyuarat yang sangat penting ini – Sidang Kemuncak ASEAN yang ke-3. Beta yakin bahawa dengan dedikasi puan, puan akan membimbing mesyuarat ini ke satu konklusi yang membawa hasil.

Puan Pengerusi, semenjak puan memegang jawatan Presiden Republik Filipina, puan telah menunjukkan semangat dan keazaman yang kuat untuk mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran bagi rakyat puan. Kita ingin mengucapkan semoga puan memperolehi kejayaan ke arah itu.

Tuan-tuan Yang Terutama,

Oleh kerana ini merupakan peluang bagi beta bertitah di Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan ASEAN, beta ingin melahirkan rasa penghargaan kepada kelima ahli asal pertubuhan ini atas sambutan yang diberikan kepada Negara Brunei Darussalam ketika Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh dalam bulan Januari, 1984. Negara Brunei Darussalam menerima banyak manfaat dari keahliannya dalam ASEAN dan kita memandang masa depan dengan yakin bahawa ASEAN akan terus berusaha bagi mewujudkan keselamatan dan kestabilan rantau ini serta juga bagi kemajuan ekonomi rakyat kita. Negara Brunei Darussalam mempunyai tanggungjawab untuk memainkan peranannya, mengikut kemampuan kita selaku anggota yang terkecil, bagi memastikan bahawa ASEAN terus merupakan sebuah pertubuhan yang mantap dan berkesan.

Tuan-tuan Yang Terutama,

Kita berhimpun di Manila untuk meneruskan kerja-kerja yang dimulakan oleh pengasas-pengasas pertubuhan ini dua puluh tahun lalu. Kita berada di sini untuk menterjemahkannya menjadi kenyataan cita-cita dan matlamat-matlamat yang mana para pengasas percaya adalah sangat perlu bagi kepentingan rantau kita. Kita juga percaya kepada cita-cita tersebut seperti terkandung dalam Deklarasi Bangkok dan Perjanjian ASEAN.

Fakta tentang negara-negara ASEAN mencapai pertumbuhan ekonomi dengan pesat di sepanjang masa sepuluh tahun yang lalu membuktikan tentang wujudnya kestabilan politik di rantau kita. Maka adalah penting bahawa di Manila ini kita memperkuat lagi tekad kita ke arah memelihara kestabilan politik untuk membolehkan kita meningkatkan kemajuan ekonomi ke tahap yang lebih tinggi.

Rancangan-rancangan yang melibatkan penyertaan belia-belia harus diadakan. Kanak-kanak di sekolah harus dididik untuk memahami ASEAN dan apa yang dicita-citakannya. Pertukaran para pelajar dan belia di maktab-maktab dan universiti-universiti dan pertubuhan-pertubuhan sukarela dalam ASEAN harus diadakan. Melalui pengalaman bekerja berganding bahu, belia-belia kita pada peringkat awal akan dapat membina asas bagi kehidupan berjiran berdasarkan persahabatan dan percaya-mempercayai serta keyakinan. Melalui jalan itu tanggungjawab terhadap ASEAN akan terus diperbaharui dan diwarisi oleh generasi-generasi yang akan datang, dengan demikian memastikan kestabilan berterusan rantau kita.

Tuan-tuan Yang Terutama,

Di dalam perbincangan kita di mesyuarat ini, kita haruslah meminta para menteri dan pegawai kita merencanakan program dan melaksanakan rancangan kegiatan bagi belia-belia. Deklarasi Belia yang dikeluarkan oleh para menteri kita pada tahun 1983 hendaklah

digiatkan dan dikukuhkan lagi. Sumber-sumber hendaklah didapatkan dan diperuntukkan bagi melaksanakan rancangan belia.

Ketika kita mampu berusaha untuk mewujudkan keadaan bagi keamanan dan kestabilan yang berterusan dalam ASEAN, peristiwa-peristiwa di luar pertubuhan kita, tetapi kejadian di rantau ini memberikan kesan kepada kita semua. Masalah Kampuchea yang belum dihuraikan adalah seperti awan hitam yang menyelubungi rantau kita. ASEAN telah berusaha membantu untuk mewujudkan satu keadaan yang perlu bagi menghuraikan masalah Kampuchea dengan berasaskan Resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu. Perkembangan-perkembangan pada beberapa minggu yang lalu memberikan harapan optimisme bagi penghuraian masalah itu, tetapi peristiwa-peristiwa yang mengekorinya telah membuktikan sebaliknya. Kita dengan ikhlas berharap bahawa semua pihak akan menghuraikan masalah tersebut melalui politik dengan mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat. Bagaimanapun sehinggalah keamanan akhirnya dipulihkan di seluruh Indo-China, adalah baik bagi kita untuk menaruh harapan optimisme itu dengan berhati-hati.

Tuan-tuan Yang Terutama,

Ketika kestabilan politik adalah merupakan satu syarat yang perlu bagi pembangunan, kita telah menyaksikan pertumbuhan ekonomi di sepanjang dua tahun yang lalu disekat oleh kejatuhan harga-harga komoditi termasuk minyak, dan juga oleh dasar-dasar perlindungan negara-negara maju. Mesyuarat yang diadakan ini adalah tepat pada waktunya kerana ia akan membolehkan kita menilai semula kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara anggota ASEAN dan untuk memberikan satu dorongan baru kepada konklusi yang dicapai mengenainya di sidang yang lalu di Kuala Lumpur.

Dari itu marilah kita melaksanakan keputusan yang telah diambil untuk membolehkan kita semua meningkatkan lagi ketahanan nasional demi membolehkan kita memberikan sumbangan selanjutnya kepada keamanan dan kestabilan rantau ini.

Kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota ASEAN adalah merupakan salah satu tajuk utama di dalam agenda. Para menteri dan pegawai kita telah menghabiskan masa berbulan-bulan menyediakan program bagi peningkatan kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota ASEAN. Apa yang tinggal sekarang hanyalah bagi kita untuk memberikan program ini pengesahan politik supaya mereka yang berkenaan akan dapat melancarkan usaha bersama ini dengan maklumat bahawa cita-cita dan matlamat-matlamatnya bukan saja dikenal pasti, bahkan juga akan dapat dilaksanakan.

Puan Pengerusi,

Buat mengakhiri titah ini, beta ingin melahirkan kepada puan, kerajaan dan rakyat Filipina terima kasih yang ikhlas dari beta kerana sambutan baik dan kemurahan hati yang diberikan kepada kita, dan beta juga ingin melahirkan penghargaan terhadap langkah-langkah keselamatan yang diambil bagi memastikan kesejahteraan kita.

Puan Pengerusi,

Beta yakin bahawa dalam keadaan kemesraan dan persahabatan ini, kita bukan hanya dapat menunjukkan perpaduan kita tetapi akan juga menghasilkan perjanjian-perjanjian dalam usaha kita untuk mencapai peningkatan kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara anggota ASEAN dengan demikian menyumbangkan ke arah kestabilan politik dan sosial di rantau kita.

Terima Kasih.



**Titah Sempena Penutup Sidang Kemuncak Asean
Di Manila Pada Hari Selasa, 15 Disember 1987
(Terjemahan dari teks asal Bahasa Inggeris)**

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Puan Pengerusi,

Tuan-tuan Yang Terutama,

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Di sepanjang dua hari yang lalu kita telah membicarakan banyak isu dan bertukar-tukar pandangan mengenai kerjasama ekonomi dan tentang bagaimana menyemai tanggungjawab kepada ASEAN bagi memastikan kestabilan politik.

Kita sangat gembira dengan pelbagai perjanjian yang dicapai di mesyuarat yang bersejarah ini. Khususnya di bidang kerjasama fungsi, Negara Brunei Darussalam ingin memainkan peranan aktif dalam pelancaran rancangan pertukaran belia dalam ASEAN.

Perjanjian-perjanjian kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara anggota ASEAN satu tapak ke hadapan ke arah haluan yang dihasratkan. Matlamat kita adalah jelas, strategi kita telah disusun dan kini biarlah para menteri, pegawai dan sektor-sektor swasta melaksanakan keputusan-keputusan kita. Bila kita bertemu lagi pada masa yang akan datang, sudah setentunya kita akan meninjau kemajuannya.

Puan Pengerusi,

Beta ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada para Menteri Luar dan Ekonomi dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Penggubal Agenda dan lain-lain jawatankuasa yang bekerja keras membuat persiapan bagi mesyuarat ini.

Beta juga ingin mengucapkan tahniah kepada Puan Pengerusi atas kebijaksanaan dalam mengendalikan mesyuarat. Penghargaan dan ucap tahniah juga beta berikan kepada delegasi dan sekretariat Puan Pengerusi yang bekerja dengan cekap untuk memastikan perjalanan lancar persidangan ini.

Akhir sekali, beta sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Pengerusi dan kerajaan puan atas sambutan baik dan kemurahan hati yang diberikan kepada beta dan rombongan beta semasa berada di Manila.

